

**PELAKSANAAN AKTIVITI DI LUAR WAKTU PENGAJARAN
DAN PEMBELAJARAN PENDIDIKAN MORAL
SEKOLAH MENENGAH**

VIJAYA MALANI A/P VERASAMY

**FAKULTI PENDIDIKAN
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2020

PELAKSANAAN AKTIVITI DI LUAR WAKTU PENGAJARAN
DAN PEMBELAJARAN PENDIDIKAN MORAL
SEKOLAH MENENGAH

VIJAYA MALANI A/P VERASAMY

DISERTASI DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI KEPERLUAN
BAGI IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(NILAI DAN KEMANUSIAAN)

FAKULTI PENDIDIKAN
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

2020

UNIVERSITI MALAYA
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: Vijaya Malani a/p Verasamy

No. Matrik: PMD180001/17028458

Nama Ijazah: Sarjana Pendidikan

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis (“Hasil Kerja ini”):

Pelaksanaan Aktiviti di Luar Waktu Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Moral Sekolah Menengah

Bidang Penyelidikan: Pendidikan Nilai dan Kemanusiaan

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh:

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh:

Nama:

Jawatan:

ABSTRAK

Semakan kurikulum sering dilakukan dengan mengambil kira peredaran semasa, keperluan dan perubahan global dalam bidang pendidikan. Bermula tahun 2017, Pendidikan Moral menengah rendah di Malaysia mengandungi tambahan 32 jam aktiviti di luar waktu pengajaran dan pembelajaran (ALPdP). Tumpuan utama guru kepada domain penaakulan moral berbanding dengan emosi moral dan perlakuan moral (Shaarani Ismail, 2019) menjadi pencetus kajian ini dilaksanakan. Pelaksanaan 32 jam ALPdP menampakkan peluang kepada guru dalam menerapkan ketiga-tiga domain moral secara seimbang. Kajian ini dijalankan dalam reka bentuk kajian kes dengan menggunakan kaedah kualitatif. Reka bentuk kajian kes merupakan reka bentuk yang sesuai digunakan dalam kajian ini kerana kajian kes memberi ruang sesuatu kajian dilakukan dalam situasi sebenar dengan pelaku sebenar secara heuristik. Dalam konteks kajian ini penyelidik telah mengkaji persepsi guru, cabaran dan peluang serta sokongan yang diperoleh guru dalam pelaksanaan ALPdP. Peserta kajian terdiri daripada guru Pendidikan Moral yang mengajar murid menengah rendah. Tujuh peserta kajian dari enam buah sekolah di sekitar Lembah Klang terlibat secara sukarela dalam kajian ini bagi tujuan pengumpulan data. Data dikumpulkan melalui kaedah temu bual (*one-to-one*), pemerhatian dan penelitian dokumen. Analisis data telah dibuat sebaik sahaja penyelidik mula mengumpulkan data. Hal ini dikatakan demikian kerana analisis data secara berterusan dapat mengelakkan longgokan data dan memastikan data dikumpulkan secara sistematik serta memudahkan proses analisis data. Penyelidik telah menggunakan kaedah analisis tema dalam kajian ini. Dapatan kajian berkaitan persepsi guru mengenai pengenalan ALPdP menunjukkan bahawa guru Pendidikan Moral menengah rendah masih kurang jelas mengenai pelaksanaan ALPdP dan menyatakan bahawa penerimaan ALPdP masih kurang

memberangsangkan dalam kalangan guru Pendidikan Moral menengah rendah. Guru Pendidikan Moral menengah rendah turut menyatakan bahawa masih kurang motivasi dalam pelaksanaan ALPdP yang diperkenalkan oleh KPM di peringkat sekolah. Di samping itu, guru Pendidikan Moral menengah rendah kurang menjawai pelaksanaan ALPdP. Hal ini dikatakan demikian kerana ALPdP dilaksanakan oleh guru semata-mata untuk mematuhi arahan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Kelakuan sambil lewa murid, penguasaan bahasa yang lemah dalam kalangan murid, kehadiran murid yang tidak konsisten, kekangan kewangan, kekurangan tenaga pengajar di sekolah, kawalan kelas semasa ALPdP dan kurang pendedahan mengenai ALPdP merupakan cabaran dalam pelaksanaan ALPdP. Pada masa yang sama, ALPdP ini turut memberi peluang kepada guru dalam menerapkan amalan nilai, memupuk kesedaran moral, mencungkil kreativiti murid, meningkatkan kemahiran berkomunikasi dan menyemai minat murid dalam Pendidikan Moral. Guru Pendidikan Moral menengah rendah memperoleh sokongan dari dalam dan luar sekolah. Sokongan yang diperoleh adalah daripada pentadbir, ketua panitia Pendidikan Moral, ahli panitia Pendidikan Moral dan penceramah luar. Dapatan kajian ini mempunyai implikasi yang penting terhadap matlamat Pendidikan Moral, murid, guru dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

IMPLEMENTATION OF MORAL EDUCATION ACTIVITIES BEYOND TEACHING AND LEARNING HOURS IN SECONDARY SCHOOLS

ABSTRACT

Curriculum design changes take into account the current cycle, global needs and changes in education. Malaysian Lower Secondary Moral Education has included an additional 32 hours of Teaching and Learning Activities Outside the Classroom (TLAOC) since 2017. The primary focus of teachers in the field of moral reasoning versus moral emotion and moral behaviour (Shaarani Ismail, 2019) led to this study. The 32-hour teaching and learning activities provide an opportunity for teachers to implement all three domains in a balanced manner. The study used a case study design using a qualitative method. The case study is the ideal design for this study because it provides the space for the study to be carried out in real situations with the actual participants on a heuristic basis. In the context of this study, the researcher conducted research on the perceptions, challenges and opportunities of teachers and the support that teachers receive in the implementation of the TLAOC. Participants in the study were Moral Education teachers who taught lower secondary school students. Seven participants from six Klang Valley schools volunteered to participate in this study for data collection purposes. Data was collected through one-to-one interviews, observations and analysis of documents. Data analysis was carried out as soon as the researcher began collecting data. This is because continuous data analysis avoids data build-up and ensures that data is collected systematically and facilitates data analysis. The researcher used the method of thematic analysis in this research. Findings on teachers' perceptions of TLAOC in lower secondary moral education indicated that lower secondary moral education teachers are still unclear about the implementation of TLAOC and that the acceptance of TLAOC was still less favourable among lower

secondary moral education teachers. Teachers of lower secondary moral education also stated that there was still a lack of motivation to implement the TLAOC introduced by the MOE at school level. Teachers of lower secondary moral education were also less enthusiastic about the implementation of TLAOC. This is because TLAOC is implemented by teachers solely to comply with the instructions issued by the Ministry of Education of Malaysia (MOE). Behaviours of students, poor language skills, poor students' attendances, financial constraints, shortage of teachers, classroom control and lack of exposure are challenges to the implementation of the TLAOC. At the same time, the implementation of the TLAOC also gives teachers the opportunity to practise values, foster moral awareness, foster student creativity, enhance communication skills and inculcate students' interest in Moral Education. Teachers at lower secondary level Moral education received support from inside and outside the school. It is received from the directors, chairmen of the Moral Education Committee, members of the Moral Education Committee and external speakers. The findings of this study have important implications to Moral Education, students, teachers and the Ministry of Education of Malaysia (MOE).

KANDUNGAN

Perakuan Keaslian Penulisan	ii
Abstrak	iii
<i>Abstract</i>	v
Kandungan	vii
Senarai Rajah	xv
Senarai Jadual	xvii
Senarai Lampiran	xviii

Bab 1: Pengenalan

1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Penyataan Masalah	6
1.3 Rasional Kajian	10
1.4 Tujuan Kajian	11
1.5 Objektif Kajian	11
1.6 Persoalan Kajian	11
1.7 Kerangka Teori	12
1.8 Kerangka Konseptual	15
1.9 Kepentingan Kajian	16
1.10 Batasan Kajian	17
1.11 Definisi Operasional	18
1.11.1 Pelaksanaan Aktiviti di Luar Waktu Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Moral	18
1.11.2 Aktiviti di Luar Waktu Pengajaran dan Pembelajaran	19
1.11.3 Pendidikan Moral	19
1.12 Kesimpulan	20

Bab 2: Sorotan Literatur

2.1	Pengenalan	21
2.2	Sejarah Pendidikan Moral di Malaysia	21
2.3	Senario Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Moral di Malaysia	24
2.4	Teori	28
2.4.1	Teori John Dewey (1897)	28
2.4.2	Teori Rogers (1951,1969)	31
2.5	Konsep Pengajaran dan Pembelajaran Luar Bilik Darjah di Luar Negara dan di Malaysia	34
2.5.1	Konsep Pengajaran dan Pembelajaran Luar Bilik Darjah di Luar Negara	34
2.5.2	Konsep Pengajaran dan Pembelajaran Luar Bilik Darjah di Malaysia	37
2.6	Kajian Lepas berkaitan Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran di Luar Bilik Darjah	42
2.6.1	Kesediaan Guru dalam Pelaksanaan Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran di Luar Bilik Darjah	42
2.6.2	Fungsi Guru dalam Pelaksanaan Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran di Luar Bilik Darjah	44
2.6.3	Pelaksanaan Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran di Luar Bilik Darjah	48
2.6.4	Pendekatan Guru dalam Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran di Luar Bilik Darjah	50

2.6.5	Implikasi Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran di Luar Bilik Darjah	52
2.6.6	Isu dalam Pelaksanaan Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran di Luar Bilik Darjah	58
2.7	Kesimpulan	62
Bab 3: Metodologi		
3.1	Pengenalan	63
3.2	Konteks Kajian dan Lokasi Kajian	63
3.3	Rasional Pemilihan Guru Pendidikan Moral Menengah Rendah sebagai Peserta Kajian	64
3.3.1	Latar Belakang Peserta Kajian	64
3.4	Pemilihan Peserta Kajian	66
3.5	Penentuan Bilangan Peserta Kajian	67
3.6	Reka Bentuk Kajian	69
3.6.1	Kajian Kes	69
3.7	Instrumen Kajian	72
3.7.1	Penyelidik sebagai Instrumen Kajian	72
3.7.2	Protokol Temu Bual	74
3.7.3	Protokol Pemerhatian	77
3.8	Prosedur Pengumpulan Data	79
3.8.1	Peringkat Pertama	79
3.8.1.1	Memohon Kebenaran	79
3.8.1.2	Perancangan Kerja	80
3.8.1.3	Persediaan Peralatan	80
3.8.2	Peringkat Kedua	80

3.9	Teknik Pengumpulan Data	81
3.9.1	Temu Bual Semi Struktur	82
3.9.2	Pemerhatian	83
3.9.3	Penelitian Dokumen	84
3.10	Jadual Prosedur Kajian	86
3.11	Pengurusan Data	86
3.11.1	Transkripsi	87
3.11.2	Penyaringan Data	88
3.11.3	Pengekodan	89
3.11.4	Penghasilan Tema dan Kategori	89
3.12	Analisis Data	90
3.13	Kesahan dan Kebolehpercayaan dalam Kajian	92
3.13.1	Triangulasi	94
3.13.2	Penilaian Pakar	95
3.13.3	Semakan Ahli	96
3.13.4	Jejak Audit	97
3.14	Analisis Cohen Kappa	98
3.15	Kajian Rintis	98
3.16	Etika Penyelidikan	99
3.17	Kerangka Kajian	101
3.18	Kesimpulan	102

Bab 4: Dapatan Kajian

4.1	Pengenalan	103
4.2	Persepsi Guru mengenai Aktiviti di Luar Waktu Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Moral	104

4.2.1 Kognitif	105
4.2.1.1 Kurang Jelas mengenai Pelaksanaan ALPdP	106
4.2.1.2 Penerimaan ALPdP yang Kurang Memberangsangkan dalam Kalangan Guru	
Pendidikan Moral Menengah Rendah	110
4.2.2 Emosi	113
4.2.2.1 Kurang Motivasi dengan Pengenalan ALPdP	114
4.2.3 Tindakan	116
4.2.3.1 Guru Pendidikan Moral Menengah Rendah Kurang Menjiwai ALPdP	116
4.3 Cabaran dan Peluang dalam Pelaksanaan Aktiviti di Luar Waktu Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Moral	120
4.4 Cabaran dalam Pelaksanaan Aktiviti di Luar Waktu Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Moral	121
4.4.1 Iklim Sekolah	121
4.4.1.1 Kekurangan Tenaga Pengajar di Sekolah	121
4.4.2 Kekangan Kewangan	125
4.5 Guru sebagai Agen Pelaksana ALPdP	127
4.5.1 Kurang Pendedahan mengenai ALPdP	127
4.5.2 Kawalan Kelas semasa ALPdP	130
4.6 Sikap Murid	132
4.6.1 Kehadiran Murid yang Tidak Konsisten	133
4.6.2 Penguasaan Bahasa yang Lemah	136
4.6.3 Kelakuan Sambil Lewa Murid	138

4.7	Peluang dalam Pelaksanaan Aktiviti di Luar Waktu Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Moral	142
4.7.1	Penerapan Nilai dalam Kehidupan Seharian	142
4.7.1.1	Memupuk Kesedaran Moral	143
4.7.1.2	Menerapkan Amalan Nilai	145
4.7.2	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)	147
4.7.2.1	Kemahiran Berkommunikasi	147
4.7.2.2	Mencungkil Kreativiti	149
4.8	Inkuiri	150
4.8.1	Menyemai Minat Murid dalam Pendidikan Moral	151
4.9	Sokongan yang diperoleh Guru dalam Pelaksanaan Aktiviti di Luar Waktu Pengajaran dan Pembelajaran	153
4.9.1	Pihak Sekolah	153
4.9.1.1	Pentadbir	153
4.9.1.2	Ketua Panitia Pendidikan Moral	157
4.9.1.3	Ahli Panitia Pendidikan Moral	159
4.9.2	Pihak Luar	161
4.9.2.1	Penceramah	162
4.10	Kesimpulan	163
Bab 5: Perbincangan, Implikasi dan Cadangan		
5.1	Pengenalan	164
5.2	Ringkasan Kajian	164
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	166
5.3.1	Persepsi Guru Pendidikan Moral mengenai Pelaksanaan ALPdP	166

5.3.2	Cabaran dan Peluang dalam Pelaksanaan ALPdP	169
5.3.2.1	Cabaran dalam Pelaksanaan ALPdP	170
5.3.2.2	Peluang dalam Pelaksanaan ALPdP	174
5.3.4	Sokongan yang diperoleh Guru Pendidikan Moral dalam Pelaksanaan ALPdP	178
5.4	Cabaran dalam Pelaksanaan Kajian	180
5.5	Implikasi Kajian	181
5.5.1	Implikasi terhadap Matlamat Pendidikan Moral	181
5.5.2	Implikasi terhadap Murid	182
5.5.3	Implikasi terhadap Guru	183
5.5.4	Implikasi terhadap Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)	183
5.5.5	Implikasi terhadap Teori John Dewey	184
5.5.6	Implikasi terhadap Teori Rogers	185
5.6	Cadangan daripada Dapatan Kajian	186
5.6.1	Modul Pelaksanaan ALPdP	186
5.6.2	Program Jalinan dan Jaringan	187
5.6.3	Kempen Kesedaran ALPdP kepada Ibu Bapa	187
5.6.4	Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia <i>HelpDesk</i>	188
5.6.5	ALPdP dijadualkan semasa Waktu Persekolahan	188
5.7	Cadangan Kajian Lanjutan	189
5.8	Penutup	189
	Bibliografi	191
	Senarai Penerbitan dan Pembentangan Kajian	204

Lampiran	210
----------------	-----

Universiti Malaya

SENARAI RAJAH

Rajah 1.1	Hubungan antara Penaakulan Moral, Emosi Moral dan Perlakuan Moral	4
Rajah 1.2	Kerangka Teori	13
Rajah 1.3	Kerangka Konseptual	15
Rajah 2.1	Kadar Pengekalan Purata dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran	31
Rajah 2.2	Teori Rogers	33
Rajah 2.3	Pembelajaran di Luar Bilik Darjah yang Berkualiti Tinggi	36
Rajah 3.1	Kronologi Proses Pengumpulan Data	81
Rajah 3.2	Pengekodan kepada Subtema dan Tema	89
Rajah 3.3	Kaedah Analisis Tema	91
Rajah 3.4	Kerangka Kajian Pelaksanaan ALPdP Pendidikan Moral Sekolah Menengah	101
Rajah 4.1	Persepsi Guru Pendidikan Moral Menengah Rendah dalam Pelaksanaan ALPdP	105
Rajah 4.2	Perspektif Guru mengenai ALPdP dari Segi Kognitif	106
Rajah 4.3	Cabaran dan Peluang dalam Pelaksanaan ALPdP	120
Rajah 4.4	Iklim Sekolah sebagai Cabaran dalam Pelaksanaan ALPdP	121
Rajah 4.5	Guru sebagai Agen Pelaksana ALPdP	127
Rajah 4.6	Sikap Murid dalam Pelaksanaan ALPdP	133
Rajah 4.7	Peluang Pelaksanaan Aktiviti di Luar Waktu Pengajaran dan Pembelajaran	142
Rajah 4.8	Penerapan Nilai dalam Kehidupan Seharian Murid	142
Rajah 4.9	Meningkatkan KBAT melalui ALPdP	147

Rajah 4.10 Sokongan yang diperoleh Guru Pendidikan Moral Menengah	
Rendah dalam Pelaksanaan ALPdP	153

Universiti Malaya

SENARAI JADUAL

Jadual 1.1	Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi	3
Jadual 2.1	Cadangan ALPdP bagi Mata Pelajaran Pendidikan Moral Tingkatan Satu	39
Jadual 2.2	Cadangan ALPdP bagi Mata Pelajaran Pendidikan Moral Tingkatan Dua	40
Jadual 2.3	Cadangan ALPdP bagi Mata Pelajaran Pendidikan Moral Tingkatan Tiga	41
Jadual 3.1	Ciri-ciri Kajian Kes dan Ciri-ciri Kajian ini	72
Jadual 3.2	Teknik Pengumpulan Data	82
Jadual 3.3	Kaedah Pengumpulan Data Mengikut Persoalan Kajian	85
Jadual 3.4	Prosedur Kajian Kes di Enam Buah Sekolah	86
Jadual 3.5	Indeks yang digunakan dalam kajian ini	88
Jadual 3.6	Kaedah Analisis Data mengikut Persoalan Kajian	92
Jadual 3.7	Skala Persetujuan Cohen Kappa	98
Jadual 4.1	Latar Belakang Peserta Kajian	104

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran A	Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 9 Tahun 2016 Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Menengah Secara Berperingkat-Peringkat Mulai Tahun 2017	210
Lampiran B	Surat Penerangan dan Persetujuan Peserta Kajian (<i>Informed Consent</i>)	211
Lampiran C	Protokol Temu Bual	220
Lampiran D	Protokol Pemerhatian	227
Lampiran E	Surat Kelulusan Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia	230
Lampiran F	Surat Kelulusan <i>University of Malaya Research Ethics Committee</i> (UMREC)	231
Lampiran G	Surat Kelulusan Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	232
Lampiran H	Surat Kelulusan Jabatan Pendidikan Negeri Selangor	233
Lampiran I	Surat Pelantikan Pakar	234
Lampiran J	Borang Pengesahan Pakar	238
Lampiran K	Surat Pengesahan Semakan Ahli (<i>Member Check</i>)	242
Lampiran L	Analisis Cohen Kappa	249

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Pendidikan Moral telah diajar secara rasmi di sekolah menengah sejak tahun 1989. Peperiksaan awam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bagi mata pelajaran Pendidikan Moral telah mula diduduki oleh murid Tingkatan Lima pada akhir tahun 1993. Murid bukan Islam di sekolah menengah wajib mempelajari dan menduduki peperiksaan SPM bagi mata pelajaran Pendidikan Moral kerana Pendidikan Moral merupakan subjek teras (Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) Jadual 5 ms.136). Peredaran semasa, keperluan dan perubahan global dalam bidang pendidikan menjadi kayu pengukur dalam pembaharuan dan penggubalan kurikulum.

Sistem pendidikan kebangsaan di peringkat sekolah menengah telah dirombak semula pada 23 Mei 2008 melalui Mesyuarat Susulan Jemaah Bil.6/2008. Rombakan ini dianggap perlu berikutan sistem pendidikan negara yang telah melalui satu kitaran yang lengkap. Kelulusan untuk penggubalan kurikulum baharu sekolah menengah telah diperoleh pada 26 Oktober 2010 melalui Mesyuarat Jawatankuasa Kurikulum Pusat Bil.2/2010. Namun begitu, Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) diberi kelulusan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk dilaksanakan secara berperingkat-peringkat bermula dengan murid Tingkatan 1 (KSSM) (KPM, 2016a).

Pelaksanaan KSSM seperti yang termaktub dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 (Pendidikan Prasekolah hingga Lepas Menengah) telah bermula dengan murid Tingkatan Satu pada tahun 2017 untuk memenuhi keperluan pendidikan negara (KPM, 2016a). Transformasi dalam kurikulum yang dilakukan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)

menunjukkan bahawa usaha dalam pembangunan program pembelajaran untuk meningkatkan penguasaan murid dalam enam aspirasi yang digariskan dalam PPPM. Pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian serta identiti nasional merupakan enam aspirasi yang termaktub dalam PPPM (KPM, 2013).

Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK), Dasar Pendidikan Kebangsaan, Rangka Rancangan Jangka Panjang, Model Baharu Ekonomi dan Rancangan Malaysia ke-11 dijadikan sebagai teras dalam proses penggubalan kurikulum baharu ini (KPM, 2016a). Pelaksanaan KSSM merupakan persediaan agar murid mampu menghadapi cabaran kehidupan pada masa hadapan dengan memupuk etika dan kerohanian dalam diri murid. KSSM juga digubal dengan harapan dapat mengasah kemahiran menyelesaikan masalah, bijak dalam membuat pertimbangan, berprinsip dan memupuk sikap berani kerana benar dalam kalangan murid. Nilai perpaduan dan keharmonian kaum diberi penekanan dalam penggubalan KSSM supaya murid mengenali, menghormati dan menerima keunikan setiap individu. KSSM juga berhasrat untuk memupuk nilai patriotik yang tinggi dalam diri murid dan melahirkan semangat kekitaan sebagai warga Malaysia tanpa mengambil kira kaum, agama dan status sosioekonomi (KPM, 2016a).

Kerangka kurikulum sekolah rendah dijadikan sebagai panduan dalam membangunkan kerangka kurikulum sekolah menengah bagi semua mata pelajaran dalam silibus baharu ini termasuk untuk mata pelajaran Pendidikan Moral (KPM, 2016a). Kerangka kurikulum sekolah menengah disemak semula dengan menekankan beberapa aspek tunjang yang mempunyai kesinambungan daripada kerangka kurikulum sekolah rendah. Kesepaduan tunjang-tunjang tersebut penting untuk

melahirkan insan yang cemerlang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek sekali gus melahirkan insan yang berfikiran kreatif, kritis dan inovatif.

Penggubalan KSSM dalam bentuk pernyataan standard memberi peluang kepada semua murid untuk memperoleh pendidikan yang sama dan berkualiti. Murid perlu mencapai standard yang telah digariskan oleh KPM dalam setahun dengan berpandukan klasifikasi tingkatan. Standard kandungan, standard pembelajaran dan standard prestasi merupakan tiga eleman yang digariskan oleh KPM dalam penilaian standard ini seperti dalam jadual 1.1 (KPM, 2016a).

Jadual 1.1

Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi


Standard Kandungan	Standard Pembelajaran	Standard Prestasi
Aspek pengetahuan, nilai dan kemahiran perlu dikuasai oleh murid dalam tahun semasa.	Pembelajaran dan pencapaian yang boleh diukur untuk setiap standard kandungan perlu dibentuk berasaskan penetapan kriteria atau indikator kualiti.	Penguasaan kandungan yang dipelajari (<i>indicator of success</i>) perlu dipamerkan oleh murid.

Sumber: Diadaptasi daripada KPM (2017)

Mata pelajaran Pendidikan Moral di bawah KSSM juga menggariskan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) selama 4 jam seminggu dan 96 jam setahun. 96 jam ini merangkumi 64 jam pengendalian pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas manakala berbaki 32 jam lagi merupakan aktiviti di luar waktu pengajaran dan pembelajaran yang memerlukan guru melaksanakan aktiviti tersebut di luar kelas dan di luar waktu sekolah. Cadangan aktiviti di luar waktu pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral adalah seperti menganjurkan aktiviti pembelajaran berasaskan projek, khidmat masyarakat dan aktiviti lain yang dianggap bersesuaian dengan kehendak KSSM. Pelaksanaan aktiviti di luar waktu pengajaran dan pembelajaran memerlukan guru untuk membuat perancangan awal dan direkodkan di dalam buku

rancangan pengajaran harian serta diambil kira sebagai waktu mengajar guru (KPM, 2016a).

Semua aktiviti di luar waktu pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral yang dirancang oleh guru haruslah selari dengan domain moral yang telah digariskan dalam KSSM dan bersesuaian untuk penilaian berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Pendidikan Moral. Domain moral yang dimaksudkan ialah penaakulan moral, emosi moral dan perlakuan moral seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.1 (KPM, 2017).



Rajah 1.1. Hubungan antara Penaakulan Moral, Emosi Moral dan Perlakuan Moral
Sumber: KPM (2017)

Ketiga-tiga domain moral perlu diberi tumpuan oleh guru selari dengan nilai universal yang digariskan dalam KSSM untuk membantu murid berfikir secara rasional dan mencari jalan penyelesaian moral dalam sesuatu situasi. Oleh itu, adalah penting dalam memastikan ketiga-tiga domain moral diaplikasikan oleh murid dengan berteraskan 18 nilai universal sebagai saluran dalam pembentukan insan yang berakhhlak mulia. Nilai universal yang ditekankan dalam KSSM digubal selari dengan

anutan agama dan kepercayaan rakyat Malaysia. Nilai universal juga boleh didefinisikan sebagai nilai murni yang diterima umum oleh semua rakyat di Malaysia (KPM, 2017).

Guru memainkan peranan penting untuk memastikan nilai-nilai universal dapat diterapkan, dihayati dan diamalkan oleh murid sekolah menengah dalam kehidupan seharian. Menerusi penerapan nilai oleh guru, murid dipercayai dapat merungkai dan mencari jalan keluar bagi masalah belia atau keadaan serba salah yang membelenggu murid dengan mengamalkan nilai yang dipelajari dalam kehidupan seharian. Sebanyak 18 nilai yang harus dipupuk oleh guru dalam diri murid iaitu nilai kepercayaan kepada Tuhan, kebebasan, bertanggungjawab, hemah tinggi, hormat, berterima kasih, kasih sayang, keberanian, kejujuran, baik hati, kerajinan, kerjasama, kesederhanaan, toleransi, berdikari, harga diri, patriotisme dan rasional (KPM, 2017).

Pembentukan masyarakat yang berakhhlak mulia merupakan tanggungjawab guru. Oleh hal yang demikian, guru perlu bertindak sebagai agen utama untuk menerapkan ketiga-tiga domain moral iaitu penaakulan moral, emosi moral dan perlakuan moral dengan jayanya dalam diri murid (Akta Pendidikan 1996 (Akta 550)). Kajian ini bertumpu kepada objektif keenam yang digariskan dalam KSSM, iaitu menghayati dan mengamalkan nilai-nilai universal serta berakhhlak mulia. Oleh itu, pelaksanaan ALPdP Pendidikan Moral menjadi tumpuan dalam kajian ini. Hal ini dikatakan demikian kerana aktiviti di luar waktu pengajaran dan pembelajaran merupakan proses lanjutan pembelajaran murid di dalam bilik darjah. Aktiviti ini membolehkan guru mereka situasi tertentu dan mengaitkan pengalaman kehidupan sebenar murid. Guru juga berperanan untuk melatih murid Pendidikan Moral menengah rendah mengaplikasikan nilai yang dipelajari dalam kehidupan seharian melalui ALPdP.

ALPdP merupakan komponen yang baru diperkenalkan dalam silibus Pendidikan Moral bermula tahun 2017 bagi guru Pendidikan Moral yang mengajar murid menengah rendah jika dibandingkan dengan guru Pendidikan Moral yang mengajar Pendidikan Moral menengah atas. Pendidikan Moral SPM merangkumi dua bahagian iaitu kertas 1 dan kertas 2. Kertas 1, merupakan peperiksaan bertulis selama dua jam tiga puluh minit dan diduduki oleh murid di akhir Tingkatan Lima. Kertas 2 pula terbahagi kepada dua bahagian. Bahagian pertama ialah bahagian kerja kursus yang perlu dijalankan oleh murid apabila mereka berada di Tingkatan Empat dan Tingkatan Lima dalam tempoh tujuh hingga sembilan bulan. Bahagian kedua pula merangkumi laporan sahsiah yang dinilai oleh guru berdasarkan pemerhatian iaitu di dalam dan di luar bilik darjah, pentaksiran iltizam berdasarkan folio yang terdiri daripada lapan latihan harian dan laporan khidmat masyarakat mengenai empat aktiviti dalam tiga bidang pembelajaran Pendidikan Moral iaitu perkembangan diri, kekeluargaan dan alam sekitar. Pengenalan Kertas 2 dalam peperiksaan awam SPM menunjukkan inisiatif KPM untuk memasukkan penilaian sahih yang relevan dalam memenuhi objektif Pendidikan Moral.

1.2 Penyataan Masalah

Pendidikan Moral merupakan subjek yang digubal dengan mendukung hasrat agar dapat membentuk insan yang berakhlak mulia dengan menekankan ketiga-tiga domain moral secara seimbang dalam diri murid iaitu domain penaakulan moral, emosi moral dan perlakuan moral (KPM, 2017). Malangnya, situasi sebenar di sekolah tidak berlaku sedemikian rupa. Hal ini dikatakan demikian kerana guru di sekolah menengah lebih memberi penekanan kepada domain penaakulan moral murid berbanding dengan emosi moral dan perlakuan moral kerana subjek Pendidikan Moral diuji dalam peperiksaan awam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Oleh itu, guru lebih cenderung

untuk memastikan murid bersedia bagi menduduki peperiksaan awam dengan melatih murid menjawab soalan-soalan yang menjurus kepada format peperiksaan.

Pernyataan di atas juga disokong oleh Sumintono (2014) yang menyatakan bahawa murid diminta menjawab soalan berdasarkan nilai dan kata kunci yang dipelajari di dalam bilik darjah. Guru turut menekankan kepada murid agar menghafal jawapan yang betul supaya tidak kehilangan markah semasa peperiksaan akan datang. Keadaan ini dianggap memberi impak negatif dalam diri murid kerana penekanan hanya diberi agar murid lulus peperiksaan dan bukannya untuk menghayati nilai dan mengamalkannya dalam kehidupan seharian. Menurutnya lagi, penghafalan nilai merupakan cara terbaik bagi menjamin murid memperoleh markah yang cemerlang dalam peperiksaan awam namun tidak menjamin penghasilan murid secara holistik.

Situasi ini diperkuat lagi dengan kenyataan Chang (2010) yang menyatakan bahawa guru di sekolah Malaysia seolah-olah lebih cenderung untuk mengamalkan model Pendidikan Moral yang tradisional berbanding dengan komponen pendidikan watak dan pembangunan moral kognitif. Chang (2010) turut menyatakan bahawa murid "dipaksa" menghafal set nilai yang diberikan dalam sukanan pelajaran Pendidikan Moral kerana nilai-nilai ini membentuk "pengetahuan kandungan asas" yang diperlukan untuk menjawab peperiksaan awam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Di samping itu, tahap kesediaan guru sentiasa menjadi persoalan apabila sesuatu aktiviti atau program baharu diperkenalkan bagi sesuatu mata pelajaran. Dalam pengenalan KSSM, komponen ALPdP bagi mata pelajaran Pendidikan Moral menengah rendah diperkenalkan untuk murid menengah rendah pada tahun 2017 jika dibandingkan dengan mata pelajaran Sejarah dan Geografi. Kerja kursus untuk mata pelajaran Sejarah dan Geografi telah dilaksanakan sejak tahun 2011.

Semasa pengenalan kerja kursus Pendidikan Moral Tingkatan Empat dan Tingkatan Lima pada tahun 2004 pula terdapat segelintir guru yang kurang jelas dengan pelaksanaan kerja kursus dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Pada awal pengenalan kerja kursus Pendidikan Moral Tingkatan Empat dan Tingkatan Lima, segelintir guru telah mula memberi taklimat kepada murid mengenai kerja kursus Pendidikan Moral setelah mendapat arahan daripada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan telah mula merancang khidmat masyarakat serta meminta murid menyediakan laporan selepas pelaksanaan aktiviti tersebut. Namun begitu, masih terdapat segelintir guru yang kurang jelas dengan perkara tersebut dan mengambil langkah “tunggu dan lihat” (Vishalache, 2006).

Baru-baru ini Malaysia digemparkan mengenai cadangan agar mata pelajaran Pendidikan Moral digantikan dengan “kelas biasa” yang menyentuh isu-isu semasa seperti memelihara alam sekitar, hak asasi manusia, kejahatan “rasuah” dan menjaga golongan yang memerlukan (Vinodh Pillai, 2019). Cadangan ini diusulkan oleh Kumpulan Bertindak Ibu Bapa dalam Pendidikan Melaka. Persoalannya, isu-isu yang dicadangkan dalam penggantian “kelas biasa” sememangnya telah lama wujud dalam silibus Pendidikan Moral menengah atas dan juga dalam silibus terkini KSSM menengah rendah. Cadangan tersebut menimbulkan pelbagai persoalan dan semestinya berbalik kepada guru sebagai agen pelaksana dalam proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral. Vishalache (2017) turut menekankan peranan guru dalam menyuntik murid dengan kemahiran berdaya tahan dan melatih murid supaya mempunyai pandangan yang positif dalam perkara yang dilakukan serta pembentukan insaniah murid perlu diberi perhatian sebelum memfokuskan kepada bidang-bidang lain seperti kerjaya, gred dan kehendak material.

Meskipun terdapat cadangan penggantian mata pelajaran Pendidikan Moral oleh Kumpulan Bertindak Ibu Bapa dalam Pendidikan Melaka (Vinodh Pillai, 2019) namun masih terdapat segelintir pihak yang prihatin dan bersedia untuk bekerjasama dengan pihak sekolah. Tujuan kolaborasi ini adalah bagi menjayakan program berteraskan Pendidikan Moral yang bermanfaat untuk pembangunan sahsiah murid sekolah. Mata pelajaran Pendidikan Moral kini perlu diperkuuh supaya dapat mengimbangi personaliti murid selain memberi fokus kepada pencapaian akademik sahaja (Shaarani Ismail, 2019).

Penumpuan dalam aspek penaakulan moral oleh guru Pendidikan Moral dalam proses pengajaran dan pembelajaran silibus terdahulu menunjukkan wujud kelompongan (*gap*). Jurang di antara “kemahiran kognitif” dan kurang penekanan terhadap aspek emosi moral dan perlakuan moral berlaku dalam silibus terdahulu. Dengan pengenalan sukanan pelajaran yang baharu, guru Pendidikan Moral menengah rendah wajib menjalankan ALPdP Pendidikan Moral selama 32 jam. Usaha ini diambil oleh KPM bagi memastikan murid dididik secara holistik dengan menumpukan pemberatan sama rata kepada domain penaakulan moral, emosi moral dan perlakuan moral melalui pengenalan ALPdP Pendidikan Moral menengah rendah. Oleh itu, dengan mengambil kira isu-isu semasa yang diketengahkan dalam Pendidikan Moral di Malaysia, keperluan penyelidikan mengenai pelaksanaan ALPdP Pendidikan Moral sekolah menengah diperlukan.

Penyelidikan ini perlu berikutan penyelidikan terhad tentang pelaksanaan ALPdP dalam Pendidikan Moral di bawah kurikulum baharu iaitu KSSM. Oleh itu, suara guru tentang persepsi, cabaran dan peluang serta sokongan yang diperoleh guru dalam pelaksanaan ALPdP dapat diteroka oleh penyelidik melalui kajian ini. Di samping itu, kajian pelaksanaan ALPdP ini mampu menjawab persoalan sama ada

pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral pada masa ini masih berfokus kepada domain penaakulan moral semata-mata atau sudah mula menampakkan keseimbangan antara domain penaakulan moral, emosi moral dan perlakuan moral sejajar dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

1.3 Rasional Kajian

Dapatan kajian tentang guru Pendidikan Moral menengah rendah di Malaysia yang terlibat secara langsung dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Pendidikan Moral telah dirungkaikan dalam kajian ini. Maklumat tentang persepsi guru Pendidikan Moral dalam penerimaan aktiviti di luar waktu pengajaran dan pembelajaran yang diperkenalkan oleh KPM, cabaran dan peluang serta sokongan yang diberikan oleh pihak berkepentingan kepada guru Pendidikan Moral dalam pelaksanaan ALPdP Pendidikan Moral dilaporkan oleh penyelidik secara mendalam. Hasil dapatan kajian yang diperoleh daripada guru tentang pelaksanaan ALPdP telah menambahkan pengetahuan dan telah menghimpunkan pelbagai kaedah dan kreativiti dalam pelaksanaan ALPdP ini.

Oleh itu, hasil dapatan kajian ini telah memberi gambaran sebenar kepada pihak bertanggungjawab mengenai pelaksanaan ALPdP dalam kalangan guru Pendidikan Moral menengah rendah di sekolah. Penemuan penyelidikan ini juga memberi maklumat yang berguna kepada guru Pendidikan Moral menengah rendah mengenai cadangan aktiviti di luar waktu pengajaran dan pembelajaran yang boleh dipertimbangkan oleh guru serta membuat penambahbaikan dalam pelaksanaan ALPdP Pendidikan Moral pada masa akan datang. Kajian ini juga berguna kepada penyelidik pada masa hadapan untuk membuat penyelidikan lanjutan mengenai aktiviti di luar waktu pengajaran dan pembelajaran.

1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti persepsi guru Pendidikan Moral tentang ALPdP selama 32 jam dalam Pendidikan Moral menengah rendah. Seterusnya, cabaran dan peluang pelaksanaan ALPdP Pendidikan Moral menengah rendah dalam kalangan guru Pendidikan Moral telah diteroka oleh penyelidik. Akhir sekali, kajian ini dijalankan untuk memahami sokongan yang diterima oleh guru Pendidikan Moral dalam pelaksanaan ALPdP Pendidikan Moral menengah rendah.

1.5 Objektif Kajian

Secara khususnya, tiga objektif telah dicapai melalui kajian ini iaitu:

1. Mengenal pasti persepsi guru Pendidikan Moral mengenai aktiviti di luar waktu pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral menengah rendah.
2. Meneroka cabaran dan peluang guru Pendidikan Moral dalam pelaksanaan aktiviti di luar waktu pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral menengah rendah.
3. Memahami sokongan yang diterima oleh guru Pendidikan Moral dalam pelaksanaan aktiviti di luar waktu pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral menengah rendah.

1.6 Persoalan Kajian


Kajian ini telah menjawab persoalan berikut:

1. Apakah persepsi guru terhadap pengenalan aktiviti di luar waktu pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral menengah rendah?
2. Apakah cabaran dan peluang guru dalam pelaksanaan aktiviti di luar waktu pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral menengah rendah?
3. Apakah sokongan yang diterima oleh guru Pendidikan Moral menengah rendah dalam pelaksanaan aktiviti di luar waktu pengajaran dan pembelajaran?

1.7 Kerangka Teori

Kerangka teori untuk penyelidikan ini dibina berdasarkan teori John Dewey (1897) dan teori Rogers (1951, 1969). Teori ini dianggap sesuai dan relevan dengan kajian ini kerana teori Dewey masih digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran abad ke-21 (Williams, 2017). Di samping itu, teori Dewey turut dinyatakan sebagai *evergreen* dan sesuai digunakan dalam era moden untuk meningkatkan pengajaran (Miovska-spaseva, 2016). Dewey turut menekankan perkaitan antara minat, perkembangan intelek dan pengalaman murid dalam pendidikan (Tukiran, Long, Redzuan, & Hassan, 2019) manakala Rogers pula menfokuskan kepada pembelajaran berpusatkan murid dan pendedahan kepada persekitaran yang betul (Patel, 2016).

Secara ringkas teori John Dewey (1897) menekankan rangsangan murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Di samping itu, teori ini turut menekankan peranan penting sekolah dalam menyediakan persekitaran yang membolehkan murid meneroka perkara baharu manakala Rogers (1951, 1969) menyatakan bahawa pengajaran merupakan proses mengaitkan pengalaman murid dengan aktiviti pembelajaran. Bukan itu sahaja, malah guru juga perlu merancang aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang sesuai dengan menekankan komponen intelek dan emosi murid. Penerangan secara terperinci mengenai kedua-dua teori ini dibincangkan dalam Bab 2. Dengan berpandukan teori John Dewey dan Rogers maka kerangka teori untuk kajian ini telah dibina dengan mengintegrasikan teori sedia ada dengan keperluan kajian ini. Kerangka teori dibina dengan menfokuskan pelaksanaan ALPdP Pendidikan Moral menengah rendah seperti dalam Rajah 1.2.



Rajah 1.2. Kerangka Teori


Sumber: Diadaptasi daripada teori John Dewey (1897) dan Rogers (1951;1969)

Pelaksanaan ALPdP membolehkan guru merancang aktiviti yang dapat memberikan pelbagai pengalaman sebenar kepada murid melalui mata pelajaran Pendidikan Moral. Pembelajaran aktiviti di luar waktu pengajaran dan pembelajaran juga membolehkan guru merancang pembelajaran yang dapat merangsang penaakulan moral, emosi moral dan perlakuan moral murid. Penekanan kepada ketiga-tiga domain ini penting dalam Pendidikan Moral untuk membentuk murid secara holistik. Perancangan guru dalam pelaksanaan ALPdP dapat mewujudkan kerjasama dan memperluas hubungan dan jaringan antara guru, murid dan masyarakat dalam pelaksanaan program yang berkaitan dengan topik pembelajaran dalam Pendidikan Moral. Aktiviti ini memperkaya pengetahuan dan pengalaman murid. Di samping itu, dapat mengubah perspektif dan pemahaman murid tentang sesuatu isu atau masalah. Aktiviti di luar waktu pengajaran dan pembelajaran juga boleh merangsang pemikiran kreatif guru dan murid.

Peruntukan masa sebanyak 32 jam dalam pelaksanaan ALPdP Pendidikan Moral membolehkan guru merancang situasi sebenar yang memerlukan tindakan moral. Pada masa yang sama, guru perlu memberi ruang dan peluang kepada murid untuk membuat sesuatu keputusan. Oleh itu, guru perlu bertindak sebagai pemudah cara sahaja dalam konteks ini (KPM, 2016a). Pelaksanaan ALPdP ini mewujudkan pembelajaran bermakna kepada murid Pendidikan Moral yang berada di Tingkatan Satu hingga Tingkatan Tiga (KPM, 2016a). Hal ini dikatakan demikian kerana pembelajaran secara teori yang dijalankan di dalam kelas selama 64 jam memberi pemberatan kepada penaakulan moral manakala pembelajaran di luar waktu adalah lanjutan pembelajaran teori yang memberi keseimbangan antara domain penaakulan moral, emosi moral dan perlakuan moral dalam diri murid. Oleh itu, adalah menjadi kewajipan guru bagi memastikan murid diberi peluang dengan menyediakan ruang untuk pembelajaran berdasarkan pengalaman agar dapat mencipta nilai moral yang tinggi dalam diri murid.

1.8 Kerangka Konseptual

Rajah 1.3 menggambarkan kerangka konseptual yang dibina berdasarkan objektif kajian, persoalan kajian dan teori yang digunakan dalam kajian ini.



Rajah 1.3. Kerangka Konseptual

Pengenalan 32 jam ALPdP Pendidikan Moral menunjukkan usaha Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam proses kemenjadian murid secara holistik. Kemenjadian murid secara holistik dirancang melalui pembelajaran bermakna yang relevan dengan kehidupan seharian. Aktiviti yang dirancang oleh guru mestilah selari dengan matlamat moral yang menekankan domain penaakulan moral, emosi moral dan perlakuan moral. Hal ini selari dengan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang menggariskan pendidikan di Malaysia sebagai suatu usaha yang berterusan ke arah memperkembang potensi individu secara holistik dan bersepadu. Kurikulum Pendidikan Moral turut menggariskan matlamat untuk melahirkan insan berakhhlak mulia dan berintegriti. Matlamat tersebut boleh dicapai dengan pemupukan nilai universal yang berasaskan prinsip moral untuk mencapai keharmonian negara (KPM, 2017).

Keberkesanan kurikulum KSSM yang diperkenalkan oleh KPM terletak di bahu pelaksana iaitu guru. Oleh itu, kerangka kajian ini dibina dengan memfokuskan kepada guru sebagai agen pelaksana yang melaksanakan ALPdP Pendidikan Moral. Tumpuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti persepsi, meneroka cabaran dan peluang serta memahami sokongan yang diterima oleh guru Pendidikan Moral menengah rendah dalam pelaksanaan ALPdP.

1.9 Kepentingan Kajian

Kajian ini membolehkan para pendidik menyuarakan cabaran dan peluang yang dilalui sepanjang pelaksanaan ALPdP Pendidikan Moral. Pada masa yang sama, kajian ini memberi peluang kepada penyelidik pada masa hadapan untuk mengkaji dengan lebih mendalam tentang topik ini. Dapatan kajian ini boleh dijadikan sebagai batu loncatan untuk meneroka dengan lebih lanjut sekiranya penyelidik pada masa hadapan mempunyai minat dalam topik yang sama. Memandangkan ALPdP Pendidikan Moral baru diperkenalkan pada tahun 2017 maka penyelidikan mengenai topik ini kurang. Maklumat tentang pelaksanaan aktiviti di luar waktu pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan guru Pendidikan Moral sekolah menengah telah dikumpulkan oleh penyelidik melalui kajian ini.

PPPM (2013-2025) menekankan aspirasi murid berdasarkan pengetahuan, kemahiran memimpin, kemahiran berfikir, etika dan kerohanian, identiti nasional serta kemahiran dwibahasa. Pada masa yang sama, anjakan transformasi sistem ketiga daripada 11 anjakan berhasrat untuk melahirkan rakyat yang menghayati nilai dalam kehidupan dengan mengukuhkan Pendidikan Moral. Di samping itu, pengukuhan dalam mata pelajaran Pendidikan Moral termasuk dengan memberikan tumpuan yang lebih kepada persefahaman dan perpaduan yang erat sesama murid. Dalam usaha untuk merealisasikan aspirasi kerajaan, kajian ini dapat membantu Bahagian Pembangunan

Kurikulum (BPK) mengetahui pelaksanaan ALPdP Pendidikan Moral dalam kalangan guru menengah rendah.

Di samping itu, kajian ini turut melaporkan peluang dan cabaran serta sokongan yang diperoleh guru dalam pelaksanaan ALPdP Pendidikan Moral di sekolah. Kajian ini juga meningkatkan kesedaran guru dalam pemupukan nilai moral dan kesedaran murid melalui pengamalan nilai moral dalam kehidupan seharian. Penerapan nilai moral secara holistik dalam diri murid penting untuk membentuk generasi muda yang boleh menyumbang kejayaan kepada negara dengan nilai integriti yang tinggi.

1.10 Batasan Kajian

Pembinaan protokol temu bual dan protokol pemerhatian adalah berpandukan objektif kajian ini untuk mengenal pasti persepsi guru, meneroka cabaran dan peluang serta sokongan yang diperoleh guru dalam pelaksanaan ALPdP. Oleh itu, instrumen ini tidak berupaya untuk meneliti keseluruhan kriteria pelaksanaan ALPdP Pendidikan Moral menengah rendah. Lebih jelas lagi, kajian ini hanya mengkaji persepsi, cabaran dan peluang serta sokongan yang diperoleh guru Pendidikan Moral dalam pelaksanaan ALPdP di sekolah menengah. Penyelidik membataskan elemen kajian ini setelah mengambil kira aspek keperluan kajian dalam menjawab persoalan kajian, masa dan kos penyelidikan.

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menumpukan kepada kaedah temu bual (*one-to-one*), pemerhatian dan penelitian dokumen. Hasil dapatan kajian ini tidak boleh digeneralisasikan kerana kajian ini merupakan kajian kualitatif. Meskipun tidak dapat digeneralisasikan namun kajian ini telah memberikan dapatan yang kaya dengan maklumat secara mendalam kepada penyelidik. Sampel dalam kajian ini dipilih berdasarkan persampelan bertujuan. Oleh itu, kajian ini telah bertumpu kepada guru

yang memenuhi kriteria yang telah digariskan untuk mencapai objektif dan persoalan kajian. Kriteria yang dimaksudkan ialah peserta kajian merupakan guru Pendidikan Moral menengah rendah, mengajar Pendidikan Moral menengah rendah dari tahun 2017 hingga tahun semasa 2019 dan pernah mengikuti kursus dalaman atau kursus luar berkaitan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) atau Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Kesemua peserta kajian yang terdiri daripada tujuh orang guru Pendidikan Moral menengah rendah telah melibatkan diri dalam kajian ini secara sukarela. Peserta kajian ini merupakan guru Pendidikan Moral sekolah menengah di sekitar Lembah Klang yang memenuhi kriteria yang telah ditetapkan bagi menjawab persoalan kajian yang telah dibina oleh penyelidik.

Selanjutnya, tidak dapat dinafikan bahawa teori-teori dalam Pendidikan Moral sememangnya sangat meluas. Dalam melaksanakan kajian ini, penyelidik hanya memanfaatkan teori yang relevan dengan bidang kajian untuk dijadikan asas dalam membantu penyelidik memahami pelaksanaan ALPdP Pendidikan Moral. Teori John Dewey (1891) dan teori Rogers (1951, 1969) bersesuaian dengan topik penyelidik dan dimanfaatkan sepenuhnya dalam kajian ini.

1.11 Definisi Operasional

Penyelidik menggunakan beberapa konsep penting dalam kajian ini. Maksud konsep berdasarkan konteks penggunaan sepanjang kajian ini dibincangkan dalam penulisan seterusnya.

1.11.1 Pelaksanaan Aktiviti di Luar Waktu Pengajaran dan

Pembelajaran Pendidikan Moral

Guru bukan penyalur pengetahuan tetapi guru merupakan fasilitator kepada murid dalam penerokaan dunia sebenar (Ormrod, 2008). Itu merupakan definisi yang dinyatakan oleh Ormrod (2008) dalam artikelnya mengenai fungsi guru. Dalam

konteks kajian ini, proses pelaksanaan ALPdP dalam kalangan guru Pendidikan Moral menengah rendah diberi tumpuan. Pelaksanaan yang diketengahkan dalam kajian ini ialah cara pengendalian ALPdP Pendidikan Moral sebelum, semasa dan selepas. Penerapan domain penaakulan moral, emosi moral dan perlakuan moral oleh guru melalui pengendalian ALPdP Pendidikan Moral turut diberi tumpuan oleh penyelidik dalam kajian ini. Seterusnya, meneroka cabaran dan peluang serta sokongan yang diperoleh guru dalam pelaksanaan ALPdP ini.

1.11.2 Aktiviti di Luar Waktu Pengajaran dan Pembelajaran

Aktiviti di luar waktu pengajaran dan pembelajaran merupakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan secara terancang dan berstruktur di luar bilik darjah (sama ada di dalam sekolah atau di luar sekolah) selama 32 jam setahun (KPM, 2016a). Aktiviti di luar waktu pengajaran dan pembelajaran dalam kajian ini bertumpu kepada guru Pendidikan Moral yang mengajar Tingkatan Satu hingga Tingkatan Tiga bermula dari tahun 2017 (Lampiran A).

1.11.3 Pendidikan Moral

Pendidikan Moral diajar di sekolah menengah dengan harapan dapat melahirkan murid yang bermoral dan berakhhlak mulia dengan menjadikan domain moral iaitu penaakulan moral, emosi moral dan perlakuan moral sebagai asas dalam proses pengajaran dan pembelajaran (KPM, 2017). Konteks kajian ini bertumpu kepada mata pelajaran Pendidikan Moral seperti yang digariskan dalam DSKP Pendidikan Moral bagi menengah rendah. Proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral untuk menengah rendah telah dibahagikan kepada dua iaitu 64 jam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas manakala 32 jam aktiviti di luar waktu pengajaran dan pembelajaran. Tumpuan kajian ini hanyalah kepada 32 jam ALPdP yang dilaksanakan oleh guru Pendidikan Moral menengah rendah.

1.12 Kesimpulan

Pengajaran dan pembelajaran yang berkesan di peringkat sekolah mampu meningkatkan kualiti sistem pendidikan di Malaysia. Guru sebagai pelaksana utama yang merealisasikan kandungan kurikulum perlu melaksanakan aktiviti di luar waktu pengajaran dan pembelajaran dengan sebaik mungkin supaya dapat membentuk murid secara holistik. Sehubungan itu, tumpuan terhadap persepsi, cabaran dan peluang serta sokongan yang diperoleh guru dalam pelaksanaan ALPdP di sekolah dikenal pasti melalui kajian ini. Diharap dapatan kajian ini membantu pihak berkepentingan mendapat input yang bermanfaat mengenai pelaksanaan ALPdP Pendidikan Moral dalam kalangan guru sekolah menengah. Bab seterusnya membincangkan teori-teori yang digunakan dalam kajian ini, penjelasan dokumen pekeliling yang dikeluarkan oleh KPM dan hasil dapatan kajian terdahulu tentang pelaksanaan aktiviti di luar bilik darjah.

BAB 2

SOROTAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Teori berkaitan dengan pelaksanaan ALPdP Pendidikan Moral dikupas dalam bab ini. ALPdP Pendidikan Moral merupakan aktiviti yang dilaksanakan secara terancang dan berstruktur di luar bilik darjah sama ada di dalam sekolah atau di luar sekolah selama 32 jam setahun (KPM, 2016a).

Perbincangan dalam bab ini bermula dengan sejarah ringkas dan senario Pendidikan Moral di Malaysia. Seterusnya, teori yang berkaitan dengan pelaksanaan aktiviti di luar bilik darjah dan konsep pembelajaran luar bilik darjah di luar negara dan di Malaysia. Turut disertakan dalam bab ini ialah kajian lepas berkaitan aktiviti pengajaran dan pembelajaran di luar bilik darjah. Bab ini turut mengenal pasti jurang yang terdapat dalam proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral di Malaysia dan kepentingan dalam mengintegrasikan penaakulan moral, emosi moral dan perlakuan moral secara holistik oleh guru Pendidikan Moral melalui ALPdP.

2.2 Sejarah Pendidikan Moral di Malaysia

Selari dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang menekankan pembentukan murid secara menyeluruh dan bersepadu (Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) maka pengenalan pembangunan dan pembaharuan dalam pendidikan menunjukkan usaha kerajaan bagi memastikan sistem pendidikan yang bersesuaian dirancang sejajar dengan keperluan pembangunan negara. Jawatankuasa Kabinet telah mengkaji semula dasar pendidikan negara dengan mengesyorkan agar Pendidikan Moral diperkenalkan sebagai subjek peperiksaan.

Laporan kabinet pada tahun 1979 menyatakan bahawa:

“To build a disciplined, cultured and united society, it is recommended that while Muslim students study Islamic Religious Knowledge, and this includes other pupils who choose to follow this subject, non-Muslim pupils should be taught Moral and Ethics education. All pupils who study this subject, Moral and Ethics Education, must take it in the examination. In both these subjects, respect for the individual and the freedom to embrace any religion in a multi-religious society must be cultivated”

“Untuk membina masyarakat yang berdisiplin, berbudaya dan bersatu maka disarankan agar murid Islam mempelajari ilmu pengetahuan Islam manakala murid bukan Islam harus diajar Pendidikan Moral dan Etika. Semua murid yang mempelajari subjek Pendidikan Moral dan Etika perlu menduduki peperiksaan. Kedua-dua subjek ini perlu memupuk sikap menghormati individu dan menerima seadanya agama yang dianuti oleh masyarakat yang terdiri daripada pelbagai lapisan (Chang, 2010)”.

Pendidikan Moral dan nilai sentiasa diiktiraf dan diakui dalam kurikulum sekolah Malaysia sejak zaman pemerintahan British (Rahimah Binti Haji, 2015). Pada tahun 1983, Pendidikan Moral telah diperluas ke sekolah menengah dengan pengenalan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Bermula tahun 1993 mata pelajaran Pendidikan Moral merupakan mata pelajaran teras dalam silibus sekolah menengah. Memandangkan mata pelajaran Pendidikan Moral merupakan mata pelajaran teras bagi murid Tingkatan Lima maka semua murid bukan Islam Tingkatan Lima perlu menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran Pendidikan Moral.

Kepelbagaiannya masyarakat Malaysia merupakan antara cabaran dalam mendidik murid menerusi Pendidikan Moral (Vishalache, 2010).

Pada tahun 2000 pembuat dasar bersama dengan Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) telah memperkenalkan sukanan pelajaran dan lembaran penilaian formatif untuk menilai pengamalan nilai murid di luar bilik darjah menerusi kerja kursus Pendidikan Moral bagi murid Tingkatan Empat dan Tingkatan Lima. Namun begitu, pada peringkat awal banyak kelemahan yang dikenal pasti oleh penggubal. Pembuat dasar terpaksa menilai semula pengenalan kerja kursus berkenaan meskipun telah mula dilaksanakan oleh segelintir guru sebelum dilaksanakan semula kerana sikap kurang serius dalam kalangan guru dan murid terhadap pelaksanaan kerja kursus Pendidikan Moral bagi murid Tingkatan Empat dan Tingkatan Lima (Vishalache, 2006).

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 menampakkan transformasi secara menyeluruh dalam sistem pendidikan kebangsaan. Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi murid menengah rendah bermula tahun 2017 telah menggunakan pelaksanaan jumlah jam dalam tahun persekolahan. KSSM menggariskan 96 jam setahun untuk proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral menengah rendah. Peruntukan 96 jam ini dibahagikan kepada dua iaitu 64 jam pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah dan 32 jam aktiviti di luar waktu pengajaran dan pembelajaran yang perlu dilaksanakan di luar bilik darjah. Kegemilangan dan kekuatan pelaksanaan KSSM terletak kepada perancangan dan pengendalian secara sistematik dan bersepadu. Oleh itu, kerjasama semua pihak penting dalam merealisasikan perkara ini (KPM, 2016a).

2.3 Senario Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Moral di Malaysia

Ettikan, Surayyah & Kalthom (2015) menyatakan bahawa Pendidikan Moral di Malaysia berdepan dengan pelbagai masalah dari segi matlamat dan kurikulum serta latihan guru. Umum mengetahui bahawa guru cemerlang berfungsi sebagai pakar bagi mata pelajaran yang diajar oleh guru berkenaan. Namun begitu, kebanyakan guru cemerlang Pendidikan Moral tidak mempunyai kelulusan ikhtisas dalam mata pelajaran Pendidikan Moral (Ettikan, Surayyah & Kalthom, 2015). Vishalache (2009) turut menekankan bahawa Pendidikan Moral di Malaysia dikelaskan sebagai wajib dan kompleks.

Mata pelajaran Pendidikan Moral sering diabaikan oleh guru di sekolah meskipun mata pelajaran Pendidikan Moral merupakan mata pelajaran teras. Kajian yang dijalankan oleh Vishalache dan Supramani (2014) menunjukkan bahawa 86 daripada 138 orang guru menyatakan bahawa Pendidikan Moral tidak diajar bagi calon Ujian Peperiksaan Sekolah Rendah untuk memberi ruang dan tumpuan kepada subjek yang diuji dalam Ujian Peperiksaan Sekolah Rendah seperti Bahasa Melayu, Bahasa Tamil, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains. Secara umumnya, proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah lebih tertumpu kepada mata pelajaran peperiksaan. Oleh itu, subjek Pendidikan Moral tidak terkecuali dalam hal ini. Persepsi ini dibuktikan melalui dapatan kajian yang diperoleh daripada 138 orang guru Pendidikan Moral sekolah rendah jenis kebangsaan Tamil. Secara keseluruhan, hanya 48 buah sekolah daripada 138 buah sekolah yang memberi penekanan dalam pengajaran Pendidikan Moral kepada kelas yang bakal menduduki Ujian Peperiksaan Sekolah Rendah (Vishalache & Supramani, 2014).

Senario ini menggambarkan matlamat guru seolah-olah hanya untuk memastikan murid menguasai aspek kognitif sahaja dan kurang mengembangkan aspek perasaan moral dan perlakuan moral (Chia, 2007). Kajian yang dijalankan oleh Chia (2007) tentang kaedah konvensional dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral ke atas 150 orang murid, 3 orang guru Pendidikan Moral dan empat orang guru praktikal yang mengajar Pendidikan Moral di sekolah menengah mendapati bahawa segelintir guru khususnya guru pelatih lebih teruja dengan jawapan betul yang diberikan oleh murid hasil daripada situasi yang dibincangkan berbanding dengan nilai yang berjaya dipupuk melalui perbincangan tersebut. Kenyataan ini turut disokong oleh Vishalache (2009) yang menyatakan bahawa guru kurang memberi penekanan kepada aspek perkembangan sosial dan perasaan moral murid jika dibandingkan dengan aspek kognitif. Dapatkan tersebut selari dengan kajian yang dijalankan oleh Abd. Shatar (2009) yang menyatakan bahawa guru lebih fokus dalam menyalurkan fakta moral, hafalan dan proses pengajaran dan pembelajaran masih bersifat sehala.

Kajian yang dijalankan oleh Sathis Rao (2015) ke atas 100 responden yang terdiri daripada murid Tingkatan Empat dan Tingkatan Lima yang dipilih berdasarkan persampelan bertujuan mendapati bahawa tahap penaakulan moral 96% murid bermasalah disiplin berada pada peringkat tidak matang iaitu 2 dan ke bawah meskipun domain penaakulan moral sering diberi keutamaan di sekolah. Murid pada peringkat ini dikategorikan sebagai tidak matang dan beranggapan bahawa kuasa menjadikan sesuatu itu betul dan akhlak adalah berdasarkan kepada kepatuhan melakukan sesuatu apabila disuruh oleh orang yang lebih berkuasa (Sathis Rao, 2015).

Kajian yang dijalankan oleh Edward dan Nadarajan (2018) ke atas murid Tingkatan Empat di daerah Dalat, Sarawak untuk menangani isu tingkah laku pula melaporkan bahawa tiada sebarang perbezaan yang signifikan kompetensi moral murid dengan tahap pendidikan dan sektor pekerjaan ibu bapa. Skor min yang tinggi dalam pengetahuan moral dan perasaan moral menunjukkan kedua-dua komponen ini menyumbang kepada kompetensi moral dan wujud korelasi yang kuat di antara keempat-empat komponen dalam kompetensi moral. Pada masa yang sama, guru juga sedia maklum bahawa pengetahuan moral, pertimbangan moral dan emosi moral yang tinggi dijangka dapat membentuk tingkah laku moral murid sekolah menengah namun guru kurang memberi penekanan sama rata kepada ketiga-tiga domain moral di sekolah.

Ironiknya kajian yang dijalankan oleh Vishalache (2007) ke atas 16 orang murid Pendidikan Moral Tingkatan Empat mendapati bahawa penggunaan dilema kehidupan sebenar dalam pengajaran Pendidikan Moral menjadikan pengajaran lebih bermakna dan murid dapat menyelesaikan masalah dalam kehidupan sehari-hari secara matang dan realistik. Ini sekali gus mengurangkan jurang antara pemikiran moral, perasaan moral dan tingkah laku moral. Hasil dapatan kajian ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Nadarajan (2017) ke atas 18 orang murid Pendidikan Moral Tingkatan Empat yang dipilih berdasarkan persampelan bertujuan. Kajian tersebut mendapati bahawa melalui aktiviti forum, murid moral Tingkatan Empat boleh berfikir secara rasional dan logik dengan mengambil kira perlakuan bermoral. Pada masa yang sama, kemahiran kognitif seperti penaakulan, pemikiran kritis, kreatif dan inovasi dapat dikembangkan dalam diri murid dan sekali gus menyiapkan murid untuk menghadapi cabaran yang bakal ditempuhi dengan bijak (Nadarajan, 2017).

Kejayaan sesuatu pengajaran dan pembelajaran sangat bergantung kepada penguasaan pengetahuan dan kefahaman guru mengenai kandungan mata pelajaran (Roslina, Nik Mohd Rahimi, & Hamdzun, 2019). Pengetahuan yang mendalam tentang mata pelajaran yang diajar atau kaedah yang ingin diterapkan melalui proses pengajaran dan pembelajaran mesti dikuasai oleh guru (Fadilla & Zamri, 2019). Latihan pendidikan guru perlu mempersiap guru pelatih dengan alam perkhidmatan yang sebenar. Guru pelatih perlu dilatih untuk membuat refleksi diri dengan analisis amalan pengajaran dalam konteks realiti pendidikan dengan meluas. Guru pelatih juga perlu didedahkan dengan dasar pendidikan terkini dan kontemporari dalam pengajaran dan pembelajaran (Tengku Sarina Aini & Fatimah Sahida, 2018).

Jelasnya, kelompongan (*gap*) dalam penerapan ketiga-tiga domain moral secara seimbang masih wujud dalam proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral di sekolah menengah. Di samping itu, pemahaman guru dalam pelaksanaan aktiviti di luar waktu pengajaran dan pembelajaran sering menjadi persoalan dengan mengambil kira pelaksanaan kerja kursus Pendidikan Moral yang telah diperkenalkan sebelum ini bagi murid Tingkatan Empat dan Tingkatan Lima pada tahun 2000. Pengenalan aktiviti di luar waktu pengajaran dan pembelajaran merupakan langkah penggubal dasar dalam memastikan ketiga-tiga domain moral dapat diterapkan dalam diri murid. Pada masa yang sama, memberi ruang dan peluang kepada murid untuk mengimplementasikan nilai yang dipelajari melalui aktiviti di luar bilik darjah selama 32 jam setahun dalam kehidupan sehari-hari.

Persoalannya setelah tiga tahun pengenalan pelaksanaan ALPdP Pendidikan Moral, sejauh manakah pelaksanaan ALPdP di sekolah? Kajian ini dijalankan untuk meneroka dan memahami situasi guru sebagai agen pelaksana dalam merealisasikan

ALPdP dengan menerapkan ketiga-tiga domain moral iaitu penaakulan moral, emosi moral dan perlakuan moral dalam kalangan murid sekolah menengah.

2.4 Teori

Teori yang digunakan dalam kajian ini ialah teori John Dewey (1897) dan teori Rogers (1951, 1969).

2.4.1 Teori John Dewey (1897)

Menurut Dewey (1897) pendidikan sebenar datang melalui rangsangan yang dirasai oleh kanak-kanak melalui proses pengajaran dan pembelajaran yang menyediakan peluang kepada kanak-kanak untuk meneroka diri sendiri. Rangsangan-rangsangan ini membantu kanak-kanak untuk membentuk perpaduan dalam kalangan masyarakat dengan mengetepikan perasaan dan tindakan yang dirasakan betul mengikut perspektif sendiri semata-mata untuk menjaga kebajikan bersama. Menurutnya lagi, sekolah merupakan institusi sosial utama manakala proses pendidikan merupakan proses sosial yang mendorong kanak-kanak untuk terus bersosial dalam kehidupan.

Di samping itu, perancangan kurikulum yang relevan, berkesan dan menarik harus dirancang oleh guru. Contohnya guru boleh merancang pengajaran dan pembelajaran dengan menggunakan teknologi terkini untuk menarik minat murid. Teori pembelajaran sosial Dewey merupakan teori yang sesuai untuk memenuhi keperluan sosial murid melalui penggunaan teknologi. Konsep pembelajaran abad ke-21 seperti *Responsive Classroom*, *Montessori Schools*, *Place-Based Education* dan *Philosophy for Children* merupakan pembelajaran yang menggunakan teori Dewey sebagai panduan dalam penggubalan kurikulum (Williams, 2017).

Dewey (1897), turut menegaskan bahawa pendidikan merupakan proses kehidupan yang dilalui oleh kanak-kanak dan bukannya proses persediaan untuk kehidupan akan datang. Oleh itu, pihak sekolah perlu bertindak dengan wajar dalam memastikan pelaksanaan ALPdP dirancang dengan mengambil kira situasi nyata dan pengalaman murid dalam kehidupan sehari-hari (Dewey, 1897).

Teori ini dipilih dalam kajian ini sejajar dengan matlamat kajian yang ingin meneroka pelaksanaan ALPdP yang dijalankan oleh guru Pendidikan Moral menengah rendah. Teori Dewey relevan dan terbuka untuk para pendidik serta menawarkan pengajaran dan pembelajaran *evergreen* dalam meningkatkan amalan kontemporari di sekolah. Banyak konsep Dewey dimasukkan ke dalam percubaan era moden untuk peningkatan pengajaran dan dianggap membawa hasil (Miovska-spaseva, 2016).


Aktiviti yang dirancang oleh guru Pendidikan Moral seharusnya bersetujuan dengan kanak-kanak seperti yang ditegaskan oleh Dewey (1897) agar kelangsungan ALPdP Pendidikan Moral dapat dijalankan dengan berkesan. Turut dinyatakan oleh Dewey (1897) pendidikan yang tidak dibentuk dengan mengaitkan realiti kehidupan kebiasaannya boleh menjurus kepada pendidikan yang kurang bermakna kepada kanak-kanak.

Menurutnya lagi kebanyakan pendidikan sekarang gagal kerana mengabaikan prinsip asas sekolah sebagai satu bentuk kehidupan masyarakat. Sekolah hanya berfungsi sebagai tempat sesuatu maklumat disalurkan, tempat untuk mempelajari sesuatu mata pelajaran dan memupuk sesuatu norma yang diterima umum dalam kalangan kanak-kanak (Dewey, 1897). Nilai yang diajar di sekolah digambarkan seolah-olah kandungan yang dipelajari di sekolah adalah untuk masa depan dan bukan untuk dipraktikkan dalam keadaan semasa. Hasilnya, kandungan yang dipelajari

kanak-kanak tidak menjadi sebahagian daripada pengalaman hidup kerana kanak-kanak dididik untuk persediaan masa hadapan semata-mata (Dewey, 1897).

Dewey (1897) turut menyatakan bahawa latihan moral yang terbaik dan paling mendalam adalah apabila seseorang individu dapat melalui kemahiran komunikasi yang baik dalam kesatuan kerja dan pemikiran. Peranan guru bukanlah hanya untuk mengajar dan membentuk tabiat tertentu dalam diri murid tetapi perlu berperanan sebagai ahli komuniti yang mempengaruhi dan meninggalkan kesan kepada kanak-kanak agar kanak-kanak dapat memberi respon yang sewajarnya mengikut situasi sebenar. Penegasan Dewey jelas bahawa guru berperanan untuk membantu murid meneroka perkaitan antara minat, perkembangan intelek dan pengalaman yang berterusan dan bukannya penilaian peperiksaan semata-mata (Tukiran, Long, Redzuan, & Hassan, 2019).

Dewey (1897) dalam teori *learning by doing* turut menyatakan bahawa guru juga berperanan dalam mewujudkan keadaan sosial sebenar di sekolah agar melatih murid dengan situasi yang benar-benar memerlukan pelibatan murid agar pembelajaran bermakna dapat diwujudkan. Rajah 2.1 menjelaskan kadar pengekalan purata dalam proses pengajaran dan pembelajaran berdasarkan teori John Dewey (1897). Penumpuan guru mestilah berdasarkan kepada pembelajaran berpusatkan murid kerana ALPdP memerlukan pelibatan murid secara langsung dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Hal ini dikatakan demikian kerana ALPdP merupakan proses pelaksanaan aktiviti lanjutan daripada proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah.



Rajah 2.1. Kadar Pengekalan Purata dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran
Sumber: Diadaptasi daripada Makmal Latihan Kebangsaan, Bethel Maine (2005)


2.4.2 Teori Rogers (1951, 1969)

Memandangkan ALPdP Pendidikan Moral dirancang oleh guru dengan berpusatkan murid maka konsep pengajaran berpusatkan pelajar yang dikembangkan oleh Rogers (1951) sesuai digunakan dalam kajian ini. Rogers (1951) menggariskan hipotesis berikut mengenai pendidikan berpusatkan pelajar. Menurutnya, pengajaran tidak berlaku secara statik tetapi berperanan untuk menyampaikan pengajaran dengan berkesan. Hasil daripada teori keperibadiannya, Rogers (1951) menyatakan bahawa semua orang wujud dalam dunia pengalaman yang sentiasa berubah. Setiap orang bertindak balas dan bertindak berdasarkan persepsi dan pengalaman yang dilalui.

Seterusnya, kecenderungan pembelajaran seseorang lebih tinggi apabila pembelajaran tersebut ada kaitan dengan diri sendiri dan dapat meningkatkan potensi diri (Rogers, 1951). Oleh itu, perkaitan proses pengajaran dan pembelajaran dengan murid adalah penting. Sesuatu aktiviti perlu dilaksanakan dengan berasaskan

pengalaman murid. Dalam konteks kajian ini pengalaman murid dapat dikaitkan dengan merujuk kepada pelaksanaan ALPdP Pendidikan Moral yang dirancang oleh guru dengan mengambil kira potensi diri murid. Di samping itu, murid akan didedahkan dengan sikap keterbukaan dalam penerokaan perkara baharu dan mengaitkannya dengan pengalaman sedia ada. Rogers (1951) turut menegaskan bahawa pengajar harus terbuka untuk belajar daripada murid dan juga berusaha untuk mengaitkan situasi yang berlaku dengan mata pelajaran yang diajar oleh guru. Interaksi yang kerap dengan murid akan membantu guru untuk mencapai matlamat yang ingin dicapai melalui proses pengajaran dan pembelajaran. Pengajar hanya akan berfungsi sebagai mentor yang memandu aktiviti yang dirancang dan bukannya pakar yang memberi maklumat penting kepada proses pengajaran dan pembelajaran.

Rogers (1969) turut menyatakan bahawa pembelajaran pengalaman merujuk kepada perubahan peribadi dan pertumbuhan individu. Rogers (1969) berpendapat bahawa semua manusia mempunyai kecenderungan untuk belajar dan guru berperanan untuk mempermudah pembelajaran berkenaan. Hal ini termasuk peranan guru dalam menetapkan suasana positif untuk pembelajaran, menjelaskan tujuan pembelajaran kepada murid, menganjurkan dan menyediakan sumber pembelajaran, mengimbangi komponen intelek dan emosi pembelajaran. Murid juga perlu didedahkan dengan persekitaran yang betul. Hal ini dikatakan demikian kerana Rogers percaya bahawa setiap individu mempunyai potensi untuk menilai kehidupan mereka (Patel, 2016). Di samping itu, guru digalakkan untuk berkongsi perasaan dan pemikiran dengan murid tetapi tidak mendominasi sesuatu proses pengajaran dan pembelajaran. Rajah 2.2 menggambarkan secara ringkas teori Rogers (1951, 1969) dalam proses pengajaran dan pembelajaran.



Rajah 2.2. Teori Rogers

Sumber: Diadaptasi daripada teori Rogers (1951, 1969)

Rajah 2.2 jelas menunjukkan perkaitan antara teori dengan pelaksanaan ALPdP ini. Hal ini dikatakan demikian kerana teori ini selari dengan garis panduan Kementerian Pendidikan Malaysia yang menfokuskan kepada kemenjadian murid secara holistik dengan mengambil kira kemahiran sampingan untuk penyelesaian masalah dalam kehidupan seharian murid.

2.5 Konsep Pengajaran dan Pembelajaran Luar Bilik Darjah di Luar Negara dan di Malaysia

Pengajaran dan pembelajaran luar bilik darjah di luar negara dan di Malaysia dibincangkan dalam penulisan ini. Konsep pelaksanaan aktiviti pengajaran dan pembelajaran di luar negara dan di Malaysia diketengahkan dalam perbincangan ini.


2.5.1 Konsep Pengajaran dan Pembelajaran Luar Bilik Darjah di Luar Negara

Terdapat banyak definisi mengenai pembelajaran di luar bilik darjah, namun begitu pembelajaran di luar bilik darjah secara umumnya bertujuan untuk mempelajari sesuatu perkara baharu dengan kaedah yang berbeza, menarik, pantas, lebih cekap dan dengan menggunakan sumber sebanyak yang mungkin. Definisi klasik Donaldson dan Donaldson (1958) menyatakan bahawa pembelajaran di luar bilik darjah adalah "*education in, about and for the outside*". Ketiga-tiga kata kunci ini digunakan untuk menjelaskan pembelajaran di luar bilik darjah pada masa tersebut. Perkataan "*in*" dalam takrif merujuk kepada tempat aktiviti pembelajaran di luar bilik darjah dilaksanakan. Perkataan "*about*" merujuk kepada sukanan pelajaran yang biasanya dikaitkan dengan persekitaran manakala perkataan "*for*" merujuk kepada keperluan pembelajaran luar bilik darjah dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Selepas tahun 1980, pembelajaran di luar bilik darjah ditakrifkan sebagai proses pembelajaran eksperimen melalui latihan, pembelajaran secara bersemuka dan proses yang memerlukan pemantauan rapi semasa pelaksanaan pembelajaran di luar bilik darjah. Pembelajaran di luar bilik darjah boleh didefinisikan sebagai kaedah pengajaran, aktiviti berasaskan pengalaman, kebiasaannya dijalankan di luar bilik darjah, memerlukan penggunaan kesemua deria dan domain, dijalankan berpandukan kurikulum mengikut mata pelajaran dan berkait dengan hubungan manusia dan alam

sekitar (Priest, 1986). Kandungan pembelajaran di luar bilik darjah adalah berdasarkan hubungan dengan alam sekeliling. Pembelajaran di luar bilik darjah juga boleh dilaksanakan di luar kawasan sekolah contohnya dengan menganjurkan lawatan sambil belajar atau aktiviti lain yang dianggap sesuai sekiranya selaras dengan matlamat dan objektif kurikulum. Oleh itu, pembelajaran di luar bilik darjah merupakan gabungan pendidikan yang sempurna berdasarkan pengembaraan dan pengalaman (Torkos, 2018).

Di United States, pembelajaran di luar bilik darjah atau pembelajaran luar kelas merupakan suatu proses pembelajaran praktikal yang membolehkan murid untuk menggunakan pengetahuan dan kemahiran yang diperoleh di dalam kelas secara meluas dalam kehidupan seharian. Pembelajaran di luar bilik darjah juga diketengahkan kerana pembelajaran di luar bilik darjah merupakan proses pembelajaran berasaskan pengalaman yang mampu memberikan impak yang mendalam kepada murid. Pembelajaran di luar bilik darjah yang dirancang mengambil kira aspek-aspek seperti isu tempatan, tradisi budaya dan keperluan semasa seseorang. Pelaksanaan pembelajaran di luar bilik darjah wajib dilaksanakan di luar bilik darjah dan perlu dijalankan secara kreatif dan inovatif. Rajah 2.3 menunjukkan Pembelajaran di Luar Bilik Darjah (PLBD) dan Pembelajaran di Dalam Bilik Darjah (PDBD) yang berkualiti tinggi (Mosley, Cobb, & Elliott, 2018).



Rajah 2.3. Pembelajaran di Luar Bilik Darjah yang Berkualiti Tinggi

Sumber: Diterjemah Mosley et al., (2018)

Lingkaran luar dalam Rajah 2.3 menggambarkan kelancaran kaedah ini dari dalam dan luar bilik darjah serta berulang kali dilaksanakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Pembelajaran di dalam dan di luar bilik darjah saling berkait dan pelaksanaan di luar bilik darjah merupakan proses lanjutan daripada proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Tiga domain yang diberi tumpuan dalam pelaksanaan pembelajaran di luar bilik darjah adalah domain kurikulum, lokasi luar, aplikasi dunia sebenar dan diikuti dengan deskriptor (Mosley et al., 2018).

Falsafah Dewey dan Aristotle mengenai pertumbuhan peribadi dan kebijaksanaan praktikal menyokong pelaksanaan pembelajaran di luar bilik darjah kerana pembelajaran di luar bilik darjah sesuai dijalankan di sekolah untuk

memberikan pendidikan yang holistik dan progresif kepada murid. Oleh itu, kapasiti pembangunan murid dapat ditingkatkan sebagai sebahagian daripada usaha moral. Pembelajaran di luar bilik darjah juga membantu murid membuat keputusan berkaitan isu-isu sensitif bukan hanya berlandaskan kepada pemahaman peribadi semata-mata tetapi dengan mengambil kira pegangan agama dan kepercayaan orang lain. Pembelajaran holistik dan interdisiplin adalah pendekatan terbaik yang membolehkan perkembangan kualiti intelektual dan moral (Thorburn & Allison, 2017).

2.5.2 Konsep Pengajaran dan Pembelajaran Luar Bilik Darjah di Malaysia

Di Malaysia, pengajaran dan pembelajaran di luar bilik darjah diperkenalkan bermula tahun 2017 dalam Pendidikan Moral dan dijadualkan di luar waktu persekolahan bagi murid menengah rendah. Pelaksanaan kurikulum yang efektif di peringkat sekolah adalah penting untuk memastikan pembentukan modal insan secara holistik dengan ciri-ciri yang memenuhi kehendak enam aspirasi murid sebagaimana yang disebutkan dalam PPPM (2013 -2025). Oleh itu, guru merupakan agen utama yang membekalkan murid dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang bersepadu (KPM, 2016a). Pengetahuan dan kemahiran pihak pentadbir sekolah dalam pengurusan kurikulum sekolah penting untuk memastikan aktiviti di luar waktu pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan dengan berkesan. Pengurusan kurikulum melibatkan proses perancangan, penganjuran, pengurusan, bimbingan, pemantauan dan pelaksanaan dengan menggunakan pelbagai sumber untuk mencapai matlamat yang ditetapkan dalam kurikulum. Di peringkat sekolah, pengurusan kurikulum diketuai oleh pengetua sekolah dan turut dibantu oleh penolong kanan, ketua bidang dan guru. Identiti murid dapat dibentuk seperti yang termaktub dalam Falsafah

Pendidikan Kebangsaan sekiranya pengurusan kurikulum di peringkat sekolah dilaksanakan secara berkesan.

Jadual 2.1, 2.2 dan 2.3 merupakan cadangan aktiviti di luar waktu pengajaran dan pembelajaran yang dibekalkan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK). Cadangan ALPdP Pendidikan Moral disediakan oleh pihak BPK mengikut tingkatan untuk rujukan guru (KPM, 2016b).

Jadual 2.1

Cadangan ALPdP bagi Mata Pelajaran Pendidikan Moral Tingkatan Satu

Bil.	Standard kandungan	Cadangan aktiviti	Masa yang dicadangkan (jam)
1	Kenali Potensi Diri	• Mereka cipta bahan	3
2	Hubungan Kekeluargaan	• Merancang projek	3
3	Hubungan Persahabatan	• Mengadakan forum	2
4	Kesejahteraan dalam Kalangan Warga Sekolah	• Mengadakan permainan atau sukaneka	3
5	Keselamatan Kawasan Kediaman Tanggungjawab Bersama	• Membina model kediaman dengan ciri-ciri keselamatan	3
6	Sayangi Alam Sekitar	<ul style="list-style-type: none"> • Mengadakan lawatan ke taman-taman di dalam atau di luar kawasan sekolah dan menulis refleksi • Mereka bentuk model atau landskap Hutan Bandar. • Melibatkan diri dalam gotong-royong 	3 3
7	Etiket di Rumah	<ul style="list-style-type: none"> • Mengadakan aktiviti jelajah ilmu (<i>Gallery walk</i>) 	2
8	Ketegihan Membawa Mudarat	<ul style="list-style-type: none"> • Mengadakan pameran mini 	3
9	Rasuah Musuh Negara	<ul style="list-style-type: none"> • Mengadakan lawatan ke Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 	4
Jumlah Jam			32

Sumber: Diadaptasi daripada KPM (2016b)

Jadual 2.2

Cadangan ALPdP bagi Mata Pelajaran Pendidikan Moral Tingkatan Dua

Bil	Standard kandungan	Cadangan aktiviti	Masa yang dicadangkan (jam)
1	Agama atau Kepercayaan Membentuk Keperibadian Diri	<ul style="list-style-type: none"> • Mengadakan aktiviti Minda 	2
2	Tanggungjawab Diri dalam Keluarga	<ul style="list-style-type: none"> • Mengadakan projek lawatan 	4
3	Adab Persahabatan	<ul style="list-style-type: none"> • Mengadakan perbahasan 	2
4	Hidup Berjiran	<ul style="list-style-type: none"> • Melaksanakan projek 	3
5	Masyarakat Penyayang	<ul style="list-style-type: none"> • Aktiviti mengumpul sumbangan 	2
6	Perkhidmatan Awam Menjamin Kesejahteraan Hidup	<ul style="list-style-type: none"> • Menganjurkan lawatan • Mengadakan projek pameran 	4
7	Gaya Hidup Sihat dan Selamat	<ul style="list-style-type: none"> • Mengadakan pameran mini • Menyertai sesi senamrobik 	2
8	Adab di Tempat Awam	<ul style="list-style-type: none"> • Mengadakan perbahasan 	2
9	Etika dan Undang-undang Siber	<ul style="list-style-type: none"> • Projek membina laman web 	2
10	Keselamatan Jalan Raya	<ul style="list-style-type: none"> • Mengadakan lawatan 	2
11	Lindungi Hak Wanita, Pengguna, Orang Kurang Upaya dan Pekerja demi Kesejahteraan Bersama	<ul style="list-style-type: none"> • Mengadakan Teater forum • Menghasilkan risalah 	2
Jumlah Jam			32

Sumber: Diadaptasi daripada KPM (2016b)

Jadual 2.3

Cadangan ALPdP bagi Mata Pelajaran Pendidikan Moral Tingkatan Tiga

Bil	Standard kandungan	Cadangan aktiviti	Masa yang dicadangkan (jam)
1	Anugerah Alam Ciptaan Tuhan	<ul style="list-style-type: none"> • Mengadakan pameran • Teater forum 	3 2
2	Mengekalkan Amalan Tradisi Kekeluargaan dalam sesuatu Kaum	<ul style="list-style-type: none"> • Menyertai forum • Pertandingan pakaian tradisional 	2 2
3	Hidup Bersatu padu dalam Kepelbagaiannya Agama, Bangsa, Budaya dan Bahasa	<ul style="list-style-type: none"> • Melaksanakan projek lawatan 	4
4	Perkhidmatan Awam Kebaikan Bersama	<ul style="list-style-type: none"> • Menghasilkan brosur 	2
5	5R (<i>recycle, reuse, reduce, rethink and repair</i>) untuk Bumi Hijau	<ul style="list-style-type: none"> • Melaksanakan projek kitar semula 	2
6	Tanggungjawab Sosial	<ul style="list-style-type: none"> • Mengutip derma 	1
7	Hindari Jenayah Juvenil	<ul style="list-style-type: none"> • Menganjurkan lawatan sambil belajar 	4
8	Kebebasan Bersuara	<ul style="list-style-type: none"> • Berpidato 	2
9	Pelihara Tradisi dalam Masyarakat Majmuk	<ul style="list-style-type: none"> • Menganjurkan jamuan muhibah peringkat kelas berteraskan tradisi 	3
10	Undang-undang Kemanusiaan Antarabangsa	<ul style="list-style-type: none"> • Mengadakan pameran • Membuat projek membantu mangsa 	2 3
Jumlah Jam			32

Sumber: Diadaptasi daripada KPM (2016b)

Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) telah mencadangkan aktiviti di luar waktu pengajaran dan pembelajaran untuk dijadikan panduan oleh guru Pendidikan Moral menengah rendah mengikut tingkatan. Secara ringkasnya antara aktiviti yang dicadangkan oleh BPK ialah pembelajaran aktif, pembelajaran khidmat masyarakat dan pembelajaran berasaskan projek.

Strategi pembelajaran aktif membolehkan guru melatih murid dengan pembelajaran *hands-on* dan *minds-on* melalui aktiviti seperti kerja kumpulan, sumbang saran, main peranan, forum dan lain-lain manakala pembelajaran khidmat masyarakat membolehkan murid terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam aktiviti kemasyarakatan. Pembelajaran berasaskan projek pula merupakan aktiviti yang berpusatkan murid dan murid perlu menyediakan laporan tugas dalam bentuk projek dalam tempoh masa yang ditetapkan. Ketiga-tiga aktiviti yang dicadangkan oleh BPK ini mampu merangsang penaakulan moral, emosi moral dan perlakuan moral sebelum, semasa dan selepas pelaksanaan ALPdP (KPM, 2018).

2.6 Kajian Lepas berkaitan Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran di Luar Bilik Darjah

Penulisan ini membincangkan kajian lepas berkaitan aktiviti pengajaran dan pembelajaran di luar bilik darjah dan mengenal pasti kelompongan (*gap*).

2.6.1 Kesediaan Guru dalam Pelaksanaan Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran di Luar Bilik Darjah

Noor dan Sahip (2010) telah menjalankan kajian di Malaysia untuk mengetahui tahap kesediaan guru, pengurusan masa guru, pengurusan peralatan serta beberapa halangan yang dihadapi oleh guru dalam pelaksanaan pentaksiran kerja kursus berasaskan sekolah bagi mata pelajaran Kemahiran Hidup. Dapatan kajian diperoleh melalui kaedah deskriptif dengan menggunakan soal selidik ke atas 36 orang guru

Kemahiran Hidup di Johor. Hasil kajian mendapati bahawa guru merupakan agen utama dalam pelaksanaan Pentaksiran Kerja Kursus Berasaskan Sekolah. Kenyataan ini disokong dengan dapatan sebanyak 89.23 peratus yang bersetuju bahawa guru Kemahiran Hidup perlu mempunyai tahap kesediaan yang tinggi untuk pelaksanaan pentaksiran (Noor & Sahip, 2010).

Kajian Noor dan Sahip (2010) selari dengan kajian yang dijalankan oleh Gholami (2009) ke atas 6 orang guru yang menekankan bahawa kearifan profesional guru sebagai agen moral perlu ada dalam diri seseorang dalam melakukan sesuatu perkara dengan betul, di lokasi yang sesuai, pada waktu yang betul dan dengan kaedah yang betul. Rohani, Hazri dan Mohammad Zohir (2017) turut menyatakan bahawa pengetahuan yang luas dan mendalam tentang persekitaran, konteks dan murid mampu memupuk kesan positif dalam proses pembelajaran. Program yang dirancang dengan teliti untuk menarik minat murid dalam pembelajaran di luar bilik darjah mampu memperkayakan persekitaran sekolah dan komuniti setempat (Qualters, 2010).

Noor Lela dan Nor Atikah (2018) telah menjalankan kajian ke atas 111 orang guru pelatih di universiti awam Malaysia dan mendapati bahawa kemahiran menyelesaikan masalah secara kritis serta kemahiran berkomunikasi guru pelatih berada di tahap sederhana tinggi. Kajian tersebut memberi gambaran bahawa guru pelatih memerlukan lebih penerapan dalam kemahiran berfikir aras tinggi (Noor Lela & Nor Atikah, 2018). Kebanyakan guru turut menyedari bahawa proses pengajaran dan pembelajaran di luar bilik darjah memerlukan kemahiran yang berbeza jika dibandingkan dengan pembelajaran di dalam bilik darjah (Feille, 2017). Guru pendidikan luar kelas perlu memiliki set kemahiran teknikal seperti empati, amanah dan kreativiti (Rawleigh et al., 2019).

Kajian Torkos (2018) di Arad County ke atas 120 orang guru prasekolah, guru sekolah rendah dan segelintir lagi terdiri daripada guru bidang sosiologi, guru psikologi serta guru sekolah menengah yang mengajar subjek lain. Kajian tersebut melaporkan bahawa guru sekolah rendah dan guru prasekolah menunjukkan minat dan lebih proaktif untuk mendapatkan maklumat dengan mengamalkan sikap keterbukaan bagi meningkatkan pendidikan berkualiti melalui pembelajaran di luar bilik darjah berbanding guru lain.

2.6.2 Fungsi Guru dalam Pelaksanaan Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran di Luar Bilik Darjah

Di Australia, proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah tidak sama dengan tanggungjawab guru dalam pelaksanaan pendidikan yang melibatkan persekitaran luar. Hal ini demikian kerana guru hanya akan bertindak sebagai penyelia atau fasilitator semasa menjalankan aktiviti pembelajaran luar (Leggett & Newman, 2017). Michelle (2012) turut menyatakan dapatan yang sama bahawa fungsi guru dalam pembelajaran di luar bilik darjah agak berbeza daripada pembelajaran tradisional. Guru hanya bertindak sebagai fasilitator, pencetus motivasi, sumber rujukan dan pembekal sokongan kepada murid (Michelle, 2012).

Peranan guru yang digariskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (2016a) selari dengan peranan guru yang dinyatakan oleh Bowers (2016) iaitu guru harus berusaha untuk mengetahui dan memahami kurikulum yang telah dibangunkan oleh penggubal. Bowers (2016) turut mengesyorkan guru untuk terlibat secara langsung dalam proses pembangunan dan perkembangan kurikulum agar dapat menjamin kejayaan sesebuah sekolah. Hal ini demikian kerana guru merupakan agen utama dalam penyampaian kurikulum. Melalui pengetahuan, pengalaman dan kecekapan guru adalah pemangkin untuk pembangunan kurikulum. Pelibatan guru dalam proses

pembangunan kurikulum adalah penting untuk memastikan kohesi antara kandungan kurikulum dan keperluan murid. Hasil dapatan kajian Bowers (2016) membuktikan bahawa masih terdapat segelintir guru yang kurang jelas tentang keperluan kurikulum yang dibangunkan oleh penggubal.

Miovska-spaseva (2016) turut menyatakan bahawa kurikulum yang digubal tidak memenuhi keperluan sekolah dan syarat-syarat pengajaran dan pembelajaran mempunyai kekangan dalam pelaksanaan. Antara cabaran guru ialah ruang pembelajaran yang terhad, bilangan murid yang ramai dalam satu kelas, kekurangan bahan rujukan, kekurangan sumber pengajaran dan kemudahan teknologi pendidikan dalam pelaksanaan inovasi pengajaran. Kesannya ramai guru yang menunjukkan tentangan terhadap pembaharuan dalam pendidikan (Miovska-spaseva, 2016).

Kajian yang dijalankan oleh Amanda Lloyd, Son Truong dan Tonia Gray (2018) di Sekolah Rendah Australia pula mendapati bahawa guru digalakkan untuk menghargai pembelajaran di luar bilik darjah kerana pembelajaran di luar bilik darjah dapat memberikan peluang kepada guru untuk memantau murid secara holistik berbanding dengan pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Menjadi tanggungjawab guru untuk menyesuaikan aktiviti kandungan kurikulum dengan persekitaran pembelajaran dan bukannya melaksanakan aktiviti semata-mata tanpa sebarang langkah berjaga-jaga (Lloyd et al., 2018). Husamah (2013) turut menekankan bahawa lingkungan dalam pembelajaran di luar bilik darjah sebaik-baiknya meliputi lingkungan alam, lingkungan sosial dan lingkungan buatan. Terence dan Kerry (2018) turut menekankan bahawa aktiviti pendidikan nilai harus dijalankan selari dengan dunia nyata.

Dalam pengajaran di luar bilik darjah, pendidik masih melahirkan kebimbangan tentang peranan guru dalam pelaksanaan kegiatan pembelajaran di luar bilik darjah kerana pengawasan yang teliti harus diberi keutamaan (Leggett & Newman, 2017). Payne & Wattchow (2008) turut menekankan bahawa masalah utama dalam pelaksanaan aktiviti di luar bilik darjah adalah pemeriksaan keselamatan tempat pelaksanaan sesuatu aktiviti. Guru dan pihak berwajib perlu kerap memeriksa kawasan yang terdedah dengan risiko kemalangan sekiranya ingin menjalankan aktiviti di tempat berkenaan. Pada masa yang sama, perkara lain juga perlu diberi perhatian seperti pemilihan pakaian dan kasut yang sesuai, perbincangan teratur dengan murid yang terlibat dalam aktiviti, pembangunan dasar keselamatan dan surat makluman kepada ibu bapa, pengajur dan pengurus serta memastikan bilangan guru mencukupi semasa menjalankan aktiviti dan menyediakan peraturan serta garis panduan mengenai pengendalian sumber semula jadi sepanjang aktiviti tersebut.

Bukan itu sahaja malah para guru perlu melengkapkan diri dengan ilmu dan kemahiran, bersedia untuk mengintegrasikan diri dengan masyarakat, selari dengan pembangunan dan perubahan serta menyesuaikan diri sepenuhnya mengikut peredaran masa (Torkos, 2018). Hal ini demikian kerana proses sosialisasi murid bergantung kepada guru dalam menyediakan iklim moral di dalam kelas, pengamalan nilai, gaya penampilan serta sikap kepimpinan (Tan, Rahimah, & Zuraini, 1985). Pelaksanaan aktiviti di luar bilik darjah sangat bergantung kepada perancangan dan pelaksanaan guru berdasarkan tujuan aktiviti (Mankiw et al., 2018).

Kualiti manusia dapat ditingkatkan melalui pembelajaran di luar kelas. Pemahaman jelas guru tentang pelaksanaan pembelajaran luar kelas penting dalam memastikan murid dapat diintegrasikan dengan alam semula jadi melalui aktiviti yang menjurus kepada perubahan tingkah laku murid. Guru perlu jelas bahawa pengajaran

dan pembelajaran di luar kelas bukanlah hanya sekadar menempatkan murid di luar kelas dengan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang sama seperti di dalam kelas (Zahroh, 2017).

Sikap individualisme dalam kalangan murid turut menjadi penghalang dalam aktiviti berkumpulan di luar bilik darjah. Oleh itu, pemantauan secara teliti diperlukan bagi memastikan murid mengikuti aktiviti yang dikendalikan oleh guru (Karim, 2019). Sekiranya pendidik komited untuk mewujudkan suasana yang selamat maka ini memberi faedah kepada murid untuk mengatasi cabaran hidup dan meningkatkan kesediaan untuk pembelajaran serta meningkatkan pencapaian akademik selari dengan tingkah laku (Chan, 2016). Guru juga perlu memainkan peranan dengan memikirkan kesesuaian aktiviti untuk pelaksanaan pembelajaran luar kelas yang berpusatkan murid dan menyediakan pembelajaran berasaskan pengalaman kerana program pembelajaran di luar bilik darjah tidak boleh dibekalkan dengan set arahan pelaksanaan lengkap dan manual latihan. Hal ini demikian kerana aktiviti yang dirancang mestilah bersesuaian dengan murid dan disesuaikan mengikut keadaan semasa (Lloyd et al., 2018).

Di samping itu, kerja lapangan, pelaksanaan aktiviti di luar bilik darjah yang betul, perancangan sempurna, pengajaran dan pembelajaran yang berkesan mampu menawarkan murid peluang untuk mengembangkan pengetahuan, kemahiran dan nilai tambah melalui aktiviti seharian yang diikuti (Dillon et al., 2006). Pendidikan luar kelas berasaskan pengalaman meskipun sering diabaikan sebagai sebahagian daripada kurikulum sekolah merupakan pendidikan yang berharga kepada murid (James & Williams, 2017). Peranan guru adalah untuk memberi ruang kepada murid untuk bekerjasama secara berkumpulan dan memberi peluang agar murid menyuarakan pendapat mereka (Wibowo, 2010).

2.6.3 Pelaksanaan Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran di Luar Bilik

Darjah

Pembelajaran di luar bilik darjah boleh digunakan sebagai pedagogi utama untuk menyampaikan kurikulum sekolah menengah. Baru-baru ini pembelajaran di luar bilik darjah telah mendapat perhatian daripada pihak kerajaan, pembuat dasar dan guru di Scotland. Secara asasnya, sistem pendidikan Scotland menekankan bahawa murid harus dijadikan tumpuan utama dan dijadikan sebagai pusat dalam pembinaan kurikulum dan bukannya disesuaikan dalam sistem kurikulum (Christie et al., 2016).

Mengikut kajian yang dijalankan oleh Christie, Beames dan Higgins (2016) pembelajaran di luar bilik darjah boleh dibahagikan kepada tiga peringkat iaitu mengenal pasti persoalan kajian, menjalankan kajian dan berkongsi dapatan dengan rakan sekelas. Peringkat pertama akan bermula sebaik sahaja murid dikenalkan dengan pembelajaran di luar bilik darjah. Tujuan utama peringkat pertama adalah untuk memberi ruang kepada murid untuk bertanya soalan berkaitan sosiobudaya dan persekitaran (Christie, Beames, & Higgins, 2016).

Peringkat kedua ialah peringkat kajian, murid digalakkan untuk membawa kamera dan buku catatan untuk merekodkan dapatan bagi segala persoalan yang dikemukakan dalam peringkat pertama. Murid juga digalakkan untuk menggunakan pelbagai sumber bagi tujuan pengumpulan data kajian. Peringkat ketiga ialah perkongsian dapatan kajian. Murid boleh berkongsi dapatan dengan guru, rakan dan komuniti. Murid juga boleh menyampaikan dapatan kajian ini dengan pelbagai cara mengikut kreativiti mereka seperti drama, tarian, poster dan cara lain yang bersesuaian. Namun begitu, kesemua proses ini tidak boleh mengganggu jadual waktu sedia ada, tidak melibatkan kos yang tinggi dan tiada peningkatan sumber tenaga dalam pelaksanaan pembelajaran di luar bilik darjah (Christie, Beames, & Higgins, 2016).

Kajian yang dijalankan oleh Grimwood, Gordon dan Stevens (2018) pula melaporkan bahawa pengajar mempunyai tiga metafora melalui aktiviti di luar bilik darjah antaranya pembelajaran di luar bilik darjah mempunyai ruang, melibatkan ruang dan memperluas ruang untuk menghubungkan murid dengan alam semula jadi. Penemuan ini juga menunjukkan bagaimana pendidik memperluas amalan mereka dalam komuniti yang lebih besar. Implikasi kajian ini menjelaskan mengenai amalan kontemporari pendidikan pengalaman luar, makna dan kesan pembelajaran berdasarkan alam sekitar (Grimwood, Gordon, & Stevens, 2018).

Maynard dan Waters (2007) telah menjalankan kajian ke atas penyelia pra-sekolah dan guru pra-sekolah di empat buah sekolah yang terletak di South Wales pula mendapati bahawa pelaksanaan aktiviti pembelajaran di luar bilik darjah dijalankan dalam keadaan terhad. Pada masa yang sama, guru pra-sekolah menjalankan aktiviti di luar waktu dengan mengambil kira keadaan cuaca. Oleh itu, aktiviti yang dijalankan agak sama dengan aktiviti yang dilakukan di dalam bilik darjah. Turut ditekankan dalam kajian tersebut bahawa perancangan proses pengajaran dan pembelajaran di luar bilik darjah dapat dijalankan secara holistik dan diintegrasikan dalam diri murid sekiranya guru dapat memahami konsep pelaksanaan dan faedah pembelajaran di luar bilik darjah (Maynard & Waters, 2007).

Pembelajaran di luar bilik darjah boleh dijalankan di dalam sekolah dengan menyediakan pengajaran dan pembelajaran secara formal atau tidak formal kepada murid manakala di luar sekolah pula aktiviti seperti berkebun, kebajikan haiwan, lawatan ke muzium, kerja projek dan sebagainya boleh dilaksanakan oleh guru (Wibowo, 2010). Pembelajaran bermakna yang dijalankan di luar bilik darjah tidak semestinya dijalankan di lokasi yang jauh dengan khidmat tenaga pengajar yang terlatih tetapi perlu dilaksanakan oleh guru dengan menekankan pelibatan murid agar

murid dapat memikul tanggungjawab dan menjalankan aktiviti yang dirancang (Simon Beames, 2010). Faktor opsyen guru juga bukan penghalang untuk melaksanakan pengajaran (Rohaida & Zamri, 2016).

Perancangan aktiviti untuk pembelajaran di luar bilik darjah mampu menjadi jambatan kepada guru untuk menghubungkan alam sekitar dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Kajian yang dijalankan oleh Rohana, Rosta, Azizi dan Ismi Arif (2013) ke atas 128 orang murid dengan menggunakan reka bentuk kuasi-eksperimental mendapati bahawa Pendidikan Alam Sekitar melalui penghayatan melukis mural dapat meningkatkan ilmu dan kesedaran murid sekali gus menerapkan kesan positif dalam diri murid tentang alam sekitar. Dapatkan kajian yang dijalankan oleh Kelly (2019) dengan menggunakan reka bentuk kuasi-eksperimental ke atas 44 orang pelajar universiti selari dengan dapatan Rohana, Rosta, Azizi dan Ismi Arif (2013). Kelly (2019) turut menyatakan bahawa pengalaman langsung murid dengan alam sekitar dapat menstruktur semula hubungan murid dengan alam sekitar.

2.6.4 Pendekatan Guru dalam Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran di Luar Bilik Darjah

Salah satu aktiviti yang dicadangkan untuk pembelajaran di luar bilik darjah adalah pembelajaran perkhidmatan antarabangsa. Kajian untuk menyangkal pandangan bahawa emosi mempunyai peranan terhad dalam pembelajaran perkhidmatan antarabangsa telah dijalankan oleh Larsen (2017) ke atas 10 orang pelajar universiti di Afrika Timur. Larsen (2017) menjalankan kajian tersebut untuk membuktikan bahawa emosi adalah sebahagian daripada pengalaman pembelajaran perkhidmatan antarabangsa. Di samping itu, matlamat kajian tersebut adalah untuk memahami bagaimana latihan pembelajaran perkhidmatan antarabangsa boleh menerapkan pengalaman emosi murid dengan menggunakan teori *non-cognitive*

emotional processes. Hasil dapatan kajian membuktikan bahawa pengalaman emosi yang sangat tinggi dapat dialami oleh pelajar melalui pembelajaran perkhidmatan antarabangsa. Tindak balas emosi bukan sekadar pemangkin terhad yang menyebabkan proses pembelajaran dan perubahan transformasi berlaku tetapi merupakan satu bentuk pemahaman dalam diri pelajar (Larsen, 2017).

Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam kalangan murid dapat ditingkatkan melalui strategi pembelajaran koperatif dalam pengajaran dan pembelajaran di luar bilik darjah. Hal ini demikian kerana pelaksanaan pembelajaran koperatif memberi ruang kepada murid melibatkan diri dalam proses interaksi. Melalui proses interaksi murid mampu meningkatkan keupayaan analisis, memberikan idea baharu serta membuat hubung kait (Azieyana & Andin, 2018). Perkara sama turut ditekankan oleh Taqwan dan Haji (2019) bahawa pembelajaran luar kelas mempengaruhi gaya pembelajaran murid dan meningkatkan tahap pemikiran murid. Di Finland, fokus pembelajaran di luar bilik darjah ditumpukan kepada kemahiran kumpulan, kemahiran alam sekitar dan pertumbuhan individu (Karppinen, 2012).

Menurut Torkos (2018) pelbagai aktiviti boleh dilaksanakan menerusi pembelajaran di luar bilik darjah antaranya pengembalaan, lawatan atau perkhemahan. Melalui pelaksanaan aktiviti tersebut didapati hubungan antara murid dan guru bertambah baik dan kesannya dapat mewujudkan hubungan budaya yang lebih banyak (Torkos, 2018; Lloyd, Truong, & Gray, 2018). Penerapan kepentingan kerja berpasukan, kesediaan memikul tanggungjawab dan pembelajaran secara kolaboratif merupakan pembelajaran berkesan yang boleh diambil kira oleh guru (Kamarul, Farah, Hasnah, Manoriza, & Zairinia, 2017).

Kaedah pembelajaran di luar bilik darjah digunakan secara meluas di sekolah menengah Scotland terutamanya bagi murid yang berumur antara 11-14 tahun. Pembelajaran di luar bilik darjah merupakan kaedah terbaik untuk mengimplementasikan kandungan kurikulum dengan kombinasi pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Bukan itu sahaja, malah didapati bahawa pembelajaran di luar bilik darjah dapat mengurangkan tekanan dalam kalangan murid (Christie et al., 2016). Di Finland, terdapat ramai pendidik yang berdedikasi berpendapat bahawa keseimbangan sikap dan sumber demi kesejahteraan umum hanya dapat dicapai melalui pembelajaran di luar bilik darjah (Karppinen, 2012).

2.6.5 Implikasi Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran di Luar Bilik Darjah

Hasil semakan sistematik yang dijalankan ke atas 21 kajian telah melaporkan pengalaman 508 orang murid di Kanada mendapati bahawa program pendidikan di luar kelas mempunyai kesan positif terhadap murid kerana dapat meningkatkan keyakinan diri, kesedaran diri, kemahiran kepimpinan dan komunikasi serta memupuk ikatan persahabatan yang kukuh dalam kalangan murid (Rawleigh, Kemp, & Asfeldt, 2019). McGowan (2016) telah menjalankan kajian ke atas 26 orang murid di Ontario, Kanada turut menunjukkan kesan positif dalam diri murid. Pendidikan luar kelas menunjukkan peningkatan dalam kemahiran penyelesaian masalah, kemahiran interpersonal dan keberkesanannya diri dalam kalangan remaja (McGowan, 2016).

Terence dan Kerry (2018) turut menyatakan bahawa pengujian dan pengukuran kesan *Character Education* dengan mengambil kira persekitaran pembelajaran menampakkan kesan positif dalam perkembangan interpersonal dan intrapersonal murid. Pembelajaran berdasarkan pengalaman dapat membantu murid membuat refleksi terhadap sesuatu keputusan (Schlabach & Wagman, 2018). Bukan itu sahaja,

malah kesihatan mental dan fizikal juga boleh dilatih melalui pembelajaran di luar bilik darjah. Sepanjang aktiviti pembelajaran di luar bilik darjah murid dapat mengembangkan kemahiran dan kecekapan pengurusan, mencari model yang positif, belajar untuk mengembangkan peluang kepimpinan, perkembangan peribadi, persahabatan, menyedari keadaan saling memerlukan dan sentiasa belajar antara satu sama lain.

Pembelajaran di luar bilik darjah juga memberi peluang kepada murid untuk menerapkan sikap bertanggungjawab dan berdikari serta meningkatkan interpersonal dan intrapersonal, pelibatan aktif, kemahiran menyelesaikan masalah dan membangunkan kemampuan murid untuk membuat keputusan. Segelintir orang dewasa percaya bahawa pembelajaran di dalam bilik darjah lebih selamat tanpa menyedari bahawa pembelajaran di luar bilik darjah menawarkan penggunaan pelbagai sumber semula jadi dan menyediakan pembelajaran yang lebih terbuka (Torkos, 2018).

Kebanyakan pendidik turut bersetuju bahawa aktiviti di luar bilik darjah memberi murid kebebasan dan peluang untuk meneroka perkara baharu (Leggett & Newman, 2017). Kajian yang mewakili lebih daripada 12,000 peserta menunjukkan bahawa pendidikan di luar bilik darjah mempunyai kesan kecil hingga sederhana ke atas hasil yang diukur seperti perubahan dalam konsep diri, keyakinan diri dan dalam mengawal sesuatu keadaan (Neill & Richards, 1998).

Di samping itu, aktiviti luar atau pengembaraan dapat membina semangat kekitaan dalam kumpulan. Pengalaman yang diperoleh melalui pengembaraan memberi ruang kepada murid untuk meningkatkan daya tahan dengan pendedahan kepada situasi yang mencabar (Kelly, 2019). Aktiviti di luar kelas juga mampu mewujudkan pengalaman bekerja secara berkumpulan dan menyokong antara satu

sama lain dengan mengetepikan status sosial. Murid berasa selesa berada dalam kumpulan yang menghargai dan menerima murid seadanya (Bell, Gass, Christopher, & Starbuck, 2014).

Kajian yang dijalankan oleh Leach (2018) di Midwestern United States mendapati bahawa pembelajaran persekitaran humanistik dapat memupuk hubungan peribadi dalam kalangan guru dan murid, memupuk kolaborasi, kemahiran sosial, kemahiran komunikasi, nilai menghormati dan pembinaan perwatakan remaja. Hubungan di antara guru dan murid dapat ditingkatkan melalui persekitaran pembelajaran di luar bilik darjah. Hal ini dibuktikan melalui kajian yang telah dijalankan oleh Terence dan Kerry (2018). Pada masa yang sama, murid juga dapat menghubungkan pengalaman, pengetahuan dan ilmu (Morris & Donnell, 2005).

Perubahan ketara iaitu sikap positif terhadap pembelajaran dapat dilihat dalam diri murid menerusi pendidikan luar kelas yang merangkumi perubahan sikap. Di samping itu, pendidikan luar kelas dapat menggalakkan komunikasi antara kumpulan, perkongsian idea dan maklumat serta autonomi (Torkos, 2019). Menurut Meighan dan Rubenstein (2018) pendidikan di luar bilik darjah mampu mengenal pasti keseimbangan antara sikap dan tingkah laku baik dalam kalangan masyarakat di dunia moden ini. Murid yang terlibat dalam pembelajaran di luar bilik darjah mempunyai sikap yang lebih positif terhadap sekolah, berasa lebih bertanggungjawab, menunjukkan tanggungjawab terhadap kerja sekolah, memupuk keyakinan yang lebih tinggi serta harga diri dan seterusnya peningkatan dalam pencapaian akademik (Meighan & Rubenstein, 2018).

Kajian yang dilakukan oleh Clarke-Vivier dan Lee (2018) ke atas 309 orang guru di Northen New England mendapati bahawa pembelajaran di luar sekolah turut meningkatkan pelibatan murid dalam sesuatu aktiviti dengan mencetuskan perasaan

ingin tahu, meningkatkan minat dan menyediakan pengalaman yang sukar dilupakan oleh murid. Kurniasari (2019) turut menyatakan bahawa pembelajaran di luar sekolah membolehkan murid menimba pengetahuan dengan kaedah pembelajaran yang berkesan tanpa rasa bosan. Di samping itu, murid dapat mengembangkan bakat dan minat diri secara maksimum dengan kerjasama dan sokongan daripada pihak sekolah dan ibu bapa.

Pembelajaran di luar bilik darjah juga boleh memberi manfaat dalam pembangunan moral murid (Thorburn & Allison, 2017). Guru juga bersetuju bahawa proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral sangat penting dalam membentuk murid yang bermoral, berdisiplin dan menghargai nilai moral (Vishalache & Supramani, 2014). Bukan itu sahaja malah aktiviti di luar bilik darjah memberi peluang kepada guru untuk meningkatkan keberkesanannya diri pendidik dan dipercayai boleh membawa perubahan positif dalam diri guru dengan menjadikan guru lebih inovatif dan yakin untuk mengendalikan aktiviti di luar kelas (Nundy, Dillon, & Dowd, 2009). Seterusnya, murid mempunyai peluang untuk mempelajari khazanah tempatan dan meningkatkan pelibatan dalam komuniti melalui pembelajaran di luar bilik darjah (Thompson, 2010). Torkos (2019) turut menyatakan bahawa pendidikan luar kelas diminta oleh ibu bapa untuk dijalankan sepanjang tahun meskipun mendapat tentangan pada peringkat awal pengenalan.

Christie, Beames dan Higgins (2016) telah menjalankan kajian terhadap guru Matematik, Geografi dan murid dari tiga buah sekolah menengah di Scotland. Kajian yang dijalankan bertujuan untuk mengumpulkan respon mengenai pendekatan pengajaran berdasarkan sekolah yang memberi peluang kepada murid untuk mengetahui dengan lebih mendalam tentang manusia dan kehidupan melalui pendidikan di luar bilik darjah. Data kajian dikumpulkan melalui pemerhatian peserta,

soal selidik pendek dan temu duga dengan 150 orang murid yang berumur antara 11-14 tahun dan 10 orang guru. Dapatan kajian membuktikan bahawa pembelajaran di luar bilik darjah adalah cara yang berkesan untuk pengajaran mata pelajaran Geografi dan Matematik dalam kalangan murid yang berumur antara 11-14 tahun (Christie et al., 2016). Dapatan kajian yang dikemukakan oleh Christie, Beames dan Higgins (2016) seiring dengan kajian yang dijalankan oleh Lloyd, Truong dan Gray (2018) yang menyatakan bahawa pembelajaran di luar bilik darjah boleh meningkatkan kreativiti dan imaginasi murid serta menunjukkan peningkatan dalam pencapaian akademik murid.

Pencapaian akademik antara murid cemerlang dan lemah sering dilaporkan dalam laporan pencapaian akademik tahunan. Jurang sosial memberi kesan negatif untuk jangka masa yang panjang dalam kalangan murid. Jurang ini telah dikurangkan dengan memperkenalkan cara alternatif dalam kandungan kurikulum pelajaran. Cara alternatif yang dicadangkan untuk merapatkan jurang sosial yang wujud dalam kalangan murid ialah dengan mengimplementasikan pembelajaran di luar bilik darjah. Hal ini demikian kerana, pembelajaran di luar bilik darjah menggariskan manfaat. Pembelajaran di luar bilik darjah juga dapat meningkatkan kerjasama dengan rakan-rakan, meningkatkan kecekapan, pencapaian akademik murid, memperkuat persahabatan dan harga diri dalam kalangan murid (Quibell, Charlton, & Law, 2017).

Pada masa yang sama, banyak perkaitan kolerasi emosi sosial dilaporkan sedikit demi sedikit terhadap pencapaian pendidikan. Pendidikan program pembelajaran di luar bilik darjah berasaskan kurikulum berstruktur untuk kanak-kanak sekolah rendah: "*Wilderness Schooling*" telah dijalankan. Reka bentuk yang sepadan: Pengajian Alam Sekitar ($n = 223$) dan persekolahan konvensional ($n = 217$) digunakan untuk membandingkan data dalam pencapaian bacaan Bahasa Inggeris dan penulisan

Bahasa Inggeris serta Matematik. Penemuan itu dikumpulkan pada tiga masa yang berlainan: pra- (T1) dan selepas campur tangan (T2) dan pada 6 minggu susulan (T3). Data menunjukkan bahawa kanak-kanak dalam kumpulan sekolah menengah menunjukkan peningkatan yang ketara dalam ketiga-tiga subjek (bacaan Bahasa Inggeris dan penulisan Bahasa Inggeris serta Matematik). Penemuan ini menggalakkan pembelajaran di luar bilik darjah dijalankan untuk mata pelajaran teras yang lain dengan harapan terdapat peningkatan dalam pencapaian akademik (Quibell et al., 2017).

Pembelajaran luar kelas juga memperkayakan pengetahuan dan meningkatkan pemikiran kritikal (Mankiw, Strasser, & Bresson, 2018). Turut dinyatakan dalam kajian tersebut bahawa pembelajaran luar sekolah berasaskan pendekatan *place-responsive* merupakan pendekatan bersepada yang merupakan jambatan untuk menghubungkan tempat dan murid. Murid sering didedahkan dengan pembelajaran di luar bilik darjah yang berbeza dan mempunyai hubungan relevan dengan kehidupan seharian (Lloyd, Truong, & Gray, 2018). Salah sebuah sekolah rendah di Australia turut menyatakan bahawa pendekatan pembelajaran di luar bilik darjah berperanan untuk menghubungkan murid dengan persekitaran tempat dan kandungan pembelajaran yang dikaitkan dengan kehidupan sehari-hari murid. Penemuan kajian kes tersebut menunjukkan pembelajaran luar berasaskan tempat sesuai sebagai pedagogi tempatan. Pedagogi berasaskan tempat mempunyai asas yang kukuh untuk pembelajaran di luar bilik darjah. Pembelajaran di luar bilik darjah adalah luas, merangkumi pedagogi sedia ada dan boleh merangsang pemikiran murid untuk melahirkan idea baharu (Lloyd et al., 2018).

Namun begitu pembelajaran di luar bilik darjah yang tidak berstruktur tidak akan memberi sebarang impak dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Perkara sama turut dilaporkan oleh Lloyd, Truong dan Gray (2018) mengenai pengalaman pembelajaran *The Forest School* yang dijangka mampu memberi pengalaman yang bermakna kepada murid namun tidak tercapai berikutan pedagogi kurikulum yang masih dalam perancangan. Kesannya, program sebegini boleh menjadi program “*drag and drop*”.

2.6.6 Isu dalam Pelaksanaan Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran di Luar Bilik Darjah

Walaupun guru pada dasarnya ingin melaksanakan aktiviti di luar bilik darjah namun guru takut akan reaksi murid, kurang percaya pada diri sendiri dan kurang yakin dengan pengurusan kelas. Pada masa yang sama, guru juga bimbang pembelajaran di luar bilik darjah akan menjadi penyebab silibus terganggu dan silibus tidak dapat dihabiskan mengikut ketetapan masa. Di samping itu, guru sedar bahawa keadaan negatif yang dicetuskan oleh guru iaitu sikap diri adalah penghalang kepada aktiviti di luar bilik darjah dan ini memberi kesan kepada proses pengajaran dan pembelajaran di luar bilik darjah. Kesan pembelajaran murid dipengaruhi oleh sikap guru (Masitah et al., 2013). Perkara ini turut disokong apabila segelintir guru yang turut menyatakan bahawa mereka kurang yakin untuk mendedahkan murid dengan pembelajaran di luar bilik darjah dan penerokaan baharu (Torkos, 2018; Dymont, 2005).

Pendidikan luar kelas memerlukan guru untuk menyesuaikan diri dan berfikiran kreatif agar dapat mewujudkan pembelajaran yang berkesan supaya pendidikan luar kelas tidak menjadi program “*drag and drop*” (Lloyd et al., 2018). Pembelajaran di luar bilik darjah sepatutnya berfungsi sebagai pembelajaran berasaskan pengalaman yang melibatkan murid secara langsung dan mencabar tahap

mental dan sosial agar situasi ini dapat diharungi dan digunakan sebagai asas untuk tindakan pada masa hadapan (Eroshkin et al., 2017). Guru turut menyatakan bahawa masalah pengangkutan, keupayaan guru, peruntukan kewangan, ujian, masa perancangan, keselamatan dan akses menjadi penghalang dalam pelaksanaan aktiviti di luar bilik darjah (Ernst, 2016).

Tenaga kerja yang terhad di sekolah turut menjadi penghalang dalam pelaksanaan pembelajaran di luar sekolah (Kurniasari, 2019). Kurniasari (2019) turut menyatakan bahawa tenaga pengajar yang lebih muda perlu dilantik untuk melaksanakan pembelajaran di luar sekolah kerana tenaga pengajar muda lebih bertenaga dan mudah mendampingi murid. Di samping itu, turut dicadangkan agar penggubal kurikulum dapat melantik tenaga pelatih pembelajaran di luar sekolah atau pembelajaran tidak formal untuk merancang aktiviti bersesuaian.

Pembelajaran di luar bilik darjah bagi murid menengah rendah telah dilaksanakan di Malaysia bagi mata pelajaran Sejarah dan Geografi sejak tahun 2011 namun bagi mata pelajaran Pendidikan Moral menengah rendah hanya mula diperkenalkan pada tahun 2017. Bagi murid yang menduduki Peperiksaan Menengah Rendah (PMR) dan kini dikenali sebagai Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) adalah wajib untuk melengkapkan kerja kursus bagi subjek Sejarah dan Geografi. Meskipun kaedah pembelajaran kerja kursus melalui aktiviti pembelajaran di luar bilik darjah menyediakan banyak faedah, namun terdapat beberapa kekangan yang dihadapi oleh murid dalam pelaksanaannya seperti kematangan pengetahuan, kelonggaran fakta, kecelaruan sumber dan kelonggaran penjanaan kemahiran dalam pelaksanaan projek Kerja Kursus Sejarah (KKS) dan sekaligus membantutkan hasrat falsafah pendidikan sejarah dalam pembentukan “*little historian*” secara meluas (Salleh, Ahmad, & Ayudin, 2009). Di samping itu, pemberatan kepada mata pelajaran tertentu turut

diketengahkan apabila hasil dapatan kajian Vishalache dan Supramani (2014) menyatakan bahawa guru menekankan keperluan ceramah dan seminar Pendidikan Moral bagi guru dan pentadbir sekolah. Hal ini demikian kerana sesetengah mata pelajaran seperti Pendidikan Moral sering diabaikan oleh pentadbir sekolah dan membantutkan kelangsungan sesuatu aktiviti.

Peranan pihak pentadbir turut ditekankan oleh Bowers (2016) dengan menyatakan bahawa pengurusan sekolah perlu merangka strategi jangka pendek dan jangka panjang untuk mewujudkan situasi yang mampu menguji tahap pemikiran murid sama seperti kemahiran berfikir aras tinggi. Pelan jangka pendek dan jangka panjang harus menjadi panduan dalam strategi pelaksanaan kurikulum, ko-kurikulum dan sokongan lain termasuk pelibatan masyarakat, pihak swasta dan ibu bapa. Budaya sekolah yang menyokong penting dalam kelangsungan pendidikan nilai (Terence & Kerry, 2018).

Irwan Fariza, Mohd Mahzan dan Abdul Razaq (2018) telah menjalankan kajian ke atas 200 orang murid Tingkatan 4 dari empat jenis sekolah iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan, Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan, Sekolah Menengah Kebangsaan Agama dan Sekolah Berasrama Penuh di Negeri Sembilan dan mendapati bahawa hubungan signifikan diantara kemahiran insaniah murid dan faktor sokongan persekitaran wujud dengan nilai ($r = 0.701$) dan sig 0.000 ($p < 0.01$). Maka, hasil dapatan kajian tersebut dengan mengambil kira hubungan signifikan menggalakkan pihak sekolah untuk menganjurkan program yang bersesuaian agar kemahiran insaniah dalam kalangan murid dapat ditingkatkan oleh guru (Irwan Fariza, Mohd Mahzan, & Abdul Razaq, 2018).

Tidak dapat dinafikan bahawa perubahan kurikulum merupakan masalah utama dan cabaran yang perlu ditangani dengan berkesan (Aeria, Siraj, Sakika, Hussin, & Norman, 2017). Oleh itu, semua pihak berkepentingan harus bekerjasama untuk merealisasikannya terutama pihak yang terlibat secara langsung dengan murid. Sekolah juga perlu mewujudkan budaya pembelajaran berterusan untuk memastikan seiring dengan perubahan mengikut keperluan dan keadaan semasa sistem pendidikan (Bowers, 2016) manakala jurulatih sekolah perlu mendapatkan latihan secara langsung daripada jurulatih daerah bagi mengurangkan pencairan maklumat dan jurang kompetensi antara kedua-dua pihak (Natrah, Jamil, & Kamisah, 2019). Pengurusan masa dalam kalangan guru merupakan antara cabaran dalam memastikan sokongan daripada ibu bapa diperoleh di samping keadaan geografi sekolah dalam pelaksanaan aktiviti di luar bilik darjah (Casto, 2016).

Satu kajian yang dijalankan di Scotland turut menyatakan bahawa kerjasama dan kesungguhan pihak berkepentingan penting untuk menangani masalah yang wujud dalam pembaharuan kurikulum pembelajaran di luar bilik darjah. Rancangan yang teratur boleh diwujudkan melalui organisasi profesional atau hubungan "rakan kongsi kritikal" secara tidak rasmi. Sistem ini akan membolehkan jadual waktu guru diatur supaya guru dapat bekerja bersama rakan sekerja yang lain, merancang strategi, turut mengambil kira pembelajaran, penilaian dan pelibatan serta peranan guru, pentadbir, ibu bapa dan ahli psikologi (Darling-Hammond & McLaughlin, 2011).

Darling-Hammond dan McLaughlin (2011) juga berpendapat bahawa pembuat dasar perlu memikirkan cara yang sesuai untuk pelaksanaan, pembiayaan aktiviti dan pengurusan di sekolah. Semua jenis organisasi seperti persatuan profesional, institusi kebangsaan dan rangkaian sekolah perlu memastikan bahawa guru mempunyai input ketara dan berharga dalam pembangunan kurikulum dan penilaian amalan. Dasar yang

diperkenalkan perlu disokong dengan persekitaran untuk pembelajaran yang bermakna.

Kajian yang dijalankan oleh Arsaythamby dan Mary Macdalena (2013) ke atas 33 orang guru sekolah menengah mendapati bahawa pemantauan klinikal membantu guru untuk mengetahui kekurangan dan kelebihan ketika penyampaian pengajaran serta meningkatkan pengajaran yang berkesan. Pemantauan berterusan perlu dilaksanakan oleh pihak pentadbir kerana penyeliaan klinikal dalam pengajaran guru sekolah menengah membawa kesan positif dan amalan penyeliaan klinikal yang tinggi (Arsaythamby & Mary Macdalena, 2013).

2.7 Kesimpulan

Secara keseluruhan, bab ini membincangkan pelaksanaan aktiviti di luar waktu pengajaran dan pembelajaran yang dikendalikan oleh guru di luar bilik darjah. Kepentingan kerjasama semua pihak terutamanya guru, pihak sekolah, penggubal kurikulum, ibu bapa dan masyarakat turut dibincangkan dalam bab ini. Menerusi kajian lepas yang telah dibincangkan kelompongan (*gap*) turut dikenal pasti dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di luar bilik darjah.

Persoalan kajian yang dibangkitkan dalam kajian ini dijawab dengan menggunakan pendekatan metodologi kualitatif kerana kaedah ini bersesuaian dengan fokus kajian. Kesesuaian kaedah tersebut telah diperjelas dengan lebih lanjut dalam bab seterusnya. Bab seterusnya menyentuh subtopik metodologi kajian yang merangkumi reka bentuk kajian, instrumen kajian, prosedur pengumpulan data, teknik pengumpulan data, jadual prosedur kerja, pengurusan data, analisis data, kesahan dan kebolehpercayaan, analisis Cohen Kappa, kajian rintis, etika penyelidikan dan kerangka kajian.

BAB 3

METODOLOGI

3.1 Pengenalan

Bab ini memberikan maklumat tentang metodologi yang dipilih untuk menjalankan kajian ini. Penyelidik membincangkan reka bentuk penyelidikan, kumpulan sasaran dan instrumen kajian. Di samping itu, perihalan kaedah pengumpulan data dan prosedur analisis data turut dibentangkan oleh penyelidik. Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti persepsi guru terhadap ALPdP (32 jam) Pendidikan Moral, meneroka cabaran dan peluang guru dalam pelaksanaan ALPdP Pendidikan Moral serta untuk memahami sokongan yang diperoleh guru Pendidikan Moral dalam melaksanakan aktiviti di luar waktu pengajaran dan pembelajaran.

3.2 Konteks Kajian dan Lokasi Kajian

Konteks kajian ini adalah tentang “Pelaksanaan Aktiviti di Luar Waktu Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Moral Sekolah Menengah”. Konteks pelaksanaan ALPdP Pendidikan Moral menengah rendah merangkumi persepsi guru, cabaran dan peluang serta sokongan yang diperoleh guru Pendidikan Moral menengah rendah. Guru Pendidikan Moral yang terlibat dalam kajian ini ialah guru yang mengajar murid Tingkatan Satu hingga Tingkatan Tiga bermula dari tahun 2017 di sekolah menengah terpilih mengikut waktu pelaksanaan sebenar ALPdP Pendidikan Moral. Temu bual, pemerhatian dan penelitian dokumen adalah berdasarkan konteks kajian sahaja dan segala dapatan kajian merujuk hanya kepada konteks masa dan pihak yang terlibat sahaja.

Pengumpulan data dalam kajian ini telah melibatkan enam buah sekolah menengah di sekitar Lembah Klang. Sebuah sekolah di bawah tanggungjawab Pejabat Pegawai Daerah Hulu Langat, empat buah sekolah di bawah Pejabat Pegawai Daerah

Bangsar Pudu dan dua buah sekolah lagi di bawah Pejabat Pegawai Daerah Sentul. Rasional pemilihan sekolah tersebut adalah disebabkan kesanggupan pentadbir dan guru Pendidikan Moral menengah rendah yang bersetuju untuk mengambil bahagian sebagai peserta kajian secara sukarela dalam kajian ini. Pada masa yang sama, peserta kajian memenuhi kriteria yang digariskan oleh penyelidik dan mampu menjawab persoalan kajian ini.

3.3 Rasional Pemilihan Guru Pendidikan Moral Menengah Rendah sebagai Peserta Kajian

Sorotan literatur yang diketengahkan dalam Bab 2 telah membincangkan senario pelaksanaan Pendidikan Moral, kesediaan guru, fungsi guru, pelaksanaan guru, pendekatan guru, implikasi dan isu dalam pengajaran dan pembelajaran di luar bilik darjah. Kesimpulannya, guru merupakan agen utama dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di luar bilik darjah. Oleh itu, wujud kelompongan mengenai fungsi guru yang boleh dikaji oleh penyelidik dalam ALPdP di luar bilik darjah dalam kalangan guru Pendidikan Moral menengah rendah.

Maka, kajian ini berfokus kepada guru Pendidikan Moral menengah rendah sebagai agen pelaksana ALPdP bagi mengetahui persepsi, meneroka cabaran dan peluang serta sokongan yang diperoleh guru dalam pelaksanaan ALPdP ini. Di samping itu, setakat ini di Malaysia kebanyakan kajian pembelajaran di luar bilik darjah hanya tertumpu kepada mata pelajaran tertentu seperti Sejarah, Kemahiran Hidup dan Geografi.

3.3.1 Latar Belakang Peserta Kajian

Seramai tujuh orang guru Pendidikan Moral menengah rendah terlibat dalam kajian ini. Enam orang guru merupakan guru yang berkhidmat di Kuala Lumpur dari zon Bangsar Pudu dan zon Sentul manakala seorang lagi guru berkhidmat di Selangor

dari zon Hulu Langat. Di samping itu, seorang guru daripada sebuah sekolah di Kuala Lumpur telah memberi kerjasama sepenuhnya untuk menjayakan kajian rintis dalam kajian ini. Nama peserta kajian dan sekolah peserta kajian dalam kajian ini ialah nama samaran yang direka untuk memenuhi etika penyelidikan dengan tidak mendedahkan nama guru dan nama sekolah asal peserta kajian.

Peserta kajian pertama (PK1) merupakan Humie dari SMK Amanah yang berbangsa Melayu, berumur 36 tahun, berkelulusan ijazah sarjana muda dan merupakan guru bukan opsyen Pendidikan Moral manakala Aida merupakan peserta kajian kedua (PK2) dari SMK Amanah yang berbangsa Melayu, berumur 32 tahun, berkelulusan ijazah sarjana muda dan merupakan guru opsyen Pendidikan Moral (major). Seterusnya, peserta kajian ketiga (PK3) Mastura dari SMK Cemerlang merupakan guru berbangsa Melayu, berumur 35 tahun, berkelulusan ijazah sarjana dan merupakan guru opsyen Pendidikan Moral (major).

Peserta kajian keempat (PK4) pula Lim dari SMK Dedikasi berbangsa Cina, berumur 35 tahun, berkelulusan ijazah sarjana muda dan bukan guru opsyen Pendidikan Moral. Peserta kajian kelima (PK5) Siti dari SMK Harapan yang berbangsa Melayu, berumur 32 tahun, berkelulusan ijazah sarjana muda dan merupakan guru opsyen Pendidikan Moral (major). Peserta kajian yang keenam (PK6) ialah Prema dari SMK Gigih, berbangsa India, berumur 50 tahun, berkelulusan ijazah sarjana muda dan merupakan guru opsyen Pendidikan Moral (minor). Peserta kajian ketujuh (PK7) pula ialah Normiza dari SMK Usaha yang berbangsa Melayu, berumur 29 tahun, berkelulusan ijazah sarjana muda dan merupakan guru bukan opsyen Pendidikan Moral. Kesemua peserta kajian terdiri daripada guru perempuan kerana kesanggupan guru berkenaan secara sukarela melibatkan diri dalam kajian ini.

3.4 Pemilihan Peserta Kajian

Jumlah guru Pendidikan Moral di Malaysia terdiri daripada 17,607 orang guru manakala guru Pendidikan Moral yang mengajar menengah rendah terdiri daripada 10,793 orang guru (KPM, 2019). Oleh itu, penyelidik telah mengumpulkan maklumat secara dalam talian melalui laman web rasmi Jabatan Pendidikan mengikut negeri untuk memilih peserta kajian. Pemilihan peserta kajian dibuat oleh penyelidik dengan mengambil kira kenyataan Seidman (1998) yang menekankan kepentingan pemilihan peserta kajian. Seidman (1998) menyatakan bahawa peserta kajian mesti terdiri daripada mereka yang mampu menjawab persoalan kajian yang telah diketengahkan oleh penyelidik. Di samping itu, peserta kajian juga mesti terdiri daripada individu yang sedang mengalami pengalaman secara aktif mengikut konteks kajian penyelidik. Penyelidik telah memberi tumpuan kepada sekolah-sekolah di sekitar Kuala Lumpur dan Selangor. Penelitian sekolah-sekolah menengah di sekitar Lembah Klang telah diselidik dan satu senarai pendek telah disediakan oleh penyelidik.

Negeri-negeri yang dipilih untuk kajian ini telah dirujuk kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan untuk kelulusan menjalankan kajian. Seterusnya, surat kelulusan daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan dipanjangkan kepada Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Jabatan Pendidikan Negeri Selangor beserta surat iringan dan pengakuan pelajar dari Universiti Malaya untuk kelulusan jabatan pendidikan mengikut negeri. Setelah mendapat kelulusan daripada Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Jabatan Pendidikan Negeri Selangor, pengesahan bagi menjalankan kajian ini diperoleh penyelidik daripada pengetua sekolah yang berkenaan. Setelah mendapat persetujuan pihak pentadbir sekolah, penyelidik telah bertemu dengan ketua panitia dan guru Pendidikan Moral untuk menjelaskan prosedur kajian dan kandungan

surat kebenaran untuk mendapatkan persetujuan peserta kajian. Tempoh masa selama dua minggu telah diberikan kepada guru Pendidikan Moral untuk membuat pertimbangan sama ada hendak terlibat dalam kajian ini atau sebaliknya. Tiada unsur paksaan daripada pihak penyelidik. Guru Pendidikan Moral menengah rendah diminta untuk menghubungi penyelidik sekiranya berhasrat untuk melibatkan diri dalam kajian ini secara sukarela. Tindakan susulan iaitu proses penyusunan jadual dan kutipan data telah dibuat oleh penyelidik setelah guru bersetuju untuk melibatkan diri dalam kajian ini dengan menandatangi surat kebenaran (Lampiran B).

3.5 Penentuan Bilangan Peserta Kajian

Dengan mengambil kira matlamat penyelidikan kualitatif, persampelan bertujuan (*purposive sampling*) telah digunakan dalam kajian ini. Guru Pendidikan Moral menengah rendah telah dipilih sebagai peserta kajian kerana mampu menjawab persoalan kajian yang digariskan dalam kajian ini selari dengan kenyataan Fraenkel, Wallen dan Hyun (2012) yang menekankan bahawa penyelidik harus memilih peserta kajian yang benar-benar berkaitan dengan kajian penyelidik dan tidak memilih hanya berdasarkan kesediaan seseorang. Uma (2003) turut menyokong pernyataan ini dengan menyatakan bahawa dalam kes tertentu menjadi sesuatu keperluan untuk mendapatkan maklumat daripada kumpulan sasaran dan bukannya mendapatkan maklumat dari seseapa sahaja mengikut kesediaan peserta kajian.

Di samping itu, guru Pendidikan Moral menengah rendah dalam kajian ini merupakan individu yang “kaya dengan maklumat” selari dengan kenyataan Devers dan Frankel (2000) yang menyatakan bahawa untuk mencapai matlamat kajian ini penyelidik harus memilih kes yang memberikan wawasan yang paling besar. Patton (2002) turut menyatakan bahawa persampelan bertujuan (*purposive sampling*) membolehkan penyelidik memperoleh maklumat secara mendalam dan kaya dengan

maklumat berkaitan isu yang dikaji. Chua (2014) turut menegaskan prosedur persampelan bertujuan hanya tertumpu kepada sekumpulan subjek yang mempunyai kriteria yang telah digariskan untuk menjadi peserta kajian.

Tujuh orang guru yang mengajar Pendidikan Moral bagi murid menengah rendah merupakan peserta kajian ini. Penetapan bilangan peserta dalam kajian ini dibuat berdasarkan kepada beberapa faktor. Pertama dengan mengambil kira cadangan saiz sampel yang dikemukakan oleh beberapa penulis dalam penyelidikan kualitatif iaitu seramai empat hingga tiga puluh peserta kajian dalam sesuatu kajian (Sim, Saunders, Waterfield, & Kingstone, 2018). Kedua berasaskan pandangan Miles dan Huberman (1994) kriteria pemilihan kes adalah berdasarkan kepada peserta kajian yang mempunyai banyak maklumat. Ketiga Lincoln dan Guba (1985) yang menyatakan bahawa jumlah sampel dalam kajian ini bergantung kepada pengumpulan data.

Sekiranya data yang dikumpulkan menjadi tepu dan berlaku pengulangan maka kutipan data boleh dihentikan, perkara yang sama turut dinyatakan oleh Creswell dan Poth (2018) manakala Bowen (2008) menyatakan bahawa penyelidik boleh menemu bual peserta kajian yang lain sekiranya terdapat sumber lain. Oleh itu, pada peringkat awal penyelidikan, penyelidik telah menetapkan seramai lima peserta kajian dalam kajian ini. Meskipun bilangan awal peserta kajian yang ditetapkan oleh penyelidik ialah seramai lima peserta kajian namun penyelidik mengambil maklum bahawa boleh berlaku perubahan dalam bilangan peserta kajian yang ditemu bual berdasarkan pengumpulan data dengan mengambil kira pengulangan dan maklumat yang tepu.

Penyelidik telah memilih peserta kajian menggunakan teknik persampelan bertujuan dengan mengambil kira cadangan Gay (1996). Oleh itu, peserta kajian seramai tujuh orang telah dipilih berdasarkan kriteria yang digariskan oleh penyelidik.

Kriteria pertama ialah guru perlu mengajar mata pelajaran Pendidikan Moral bagi murid menengah rendah (Tingkatan Satu, Tingkatan Dua atau Tingkatan Tiga). Kriteria kedua ialah guru tersebut mestilah mengajar murid berkenaan bermula dari tahun 2017. Kriteria ketiga ialah guru tersebut pernah mengikuti kursus DSKP atau KSSM yang dianjurkan oleh BPK atau Panitia Pendidikan Moral di peringkat sekolah. Selain itu, kelulusan pihak pengurusan sekolah dan kesanggupan peserta kajian untuk menjadi sebahagian daripada kajian ini turut diberi pertimbangan oleh penyelidik. Sekiranya guru mempunyai ketiga-tiga kriteria berkenaan guru tersebut layak untuk menjadi peserta kajian ini.

3.6 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk yang dipilih oleh penyelidik menggambarkan perancangan penyelidik menjalankan sesuatu kajian (Bogdan & Biklen, 1998; Yin, 1994). Perancangan merupakan proses yang penting agar penyelidik dapat menjalankan kajian dengan betul. Antara perancangan yang terkandung dalam sesuatu pelaksanaan adalah pemilihan kaedah kajian, pemilihan peserta kajian, prosedur pengumpulan data, analisis data dan penulisan laporan kajian.

3.6.1 Kajian Kes

Mengambil kira kenyataan Bogdan dan Biklen (1998) serta Yin (1994) penyelidikan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes telah dipilih dalam kajian ini. Pendekatan kajian secara kualitatif dianggap sesuai digunakan kerana tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti, meneroka dan memahami sokongan guru Pendidikan Moral menengah rendah dalam pelaksanaan ALPdP. Kajian ini dijalankan secara mendalam untuk menjawab persoalan kajian yang telah dibina oleh penyelidik.

Data deskriptif dikutip melalui penyelidikan kualitatif dalam kajian ini. Taylor dan Bogdan (1984) menyatakan bahawa data deskriptif boleh diperoleh melalui catatan dan pemerhatian seseorang. Maka kaedah temu bual, pemerhatian dan penelitian dokumen telah digunakan oleh penyelidik untuk mengumpulkan maklumat bagi kajian ini. Data deskriptif secara sistematik dan mendalam dikumpulkan tentang pelaksanaan ALPdP oleh guru Pendidikan Moral menengah rendah selari dengan kenyataan Chua (2014) yang menyatakan bahawa reka bentuk kajian secara deskriptif merupakan prosedur pengumpulan maklumat secara teratur dan mendalam tentang keadaan sosial, perlakuan individu atau peristiwa khusus untuk mengetahui bagaimana perlakuan individu dan keadaan sosial berlaku. Di samping itu, kajian kes dipilih sebagai reka bentuk kajian ini kerana sesuai untuk mengkaji sesuatu fenomena dalam kajian kualitatif seperti yang diketengahkan oleh Baxter dan Jack (2008) bahawa kajian kes merupakan alat kepada penyelidik untuk mempelajari fenomena kompleks mengikut skop kajian penyelidik.

Di samping itu, reka bentuk kajian kes membolehkan penyelidik menjalankan penyelidikan dalam keadaan sebenar dengan pelaku sebenar secara heuristik dan bukan berdasarkan justifikasi tentang sesuatu perkara. Oleh itu, pemilihan reka bentuk kajian kes dalam pelaksanaan ALPdP ini telah memberi ruang kepada penyelidik untuk memahami proses pelaksanaan ALPdP. Reka bentuk kajian kes telah digunakan dalam kajian ini selari dengan kenyataan Yin (1994) iaitu melalui kajian kes konteks sebenar yang sedang berlaku dapat dikaji oleh penyelidik. Seterusnya, membolehkan teori dan prinsip abstrak mudah difahami oleh pembaca (Cohen, Manion, & Morrison, 2007).

Tambahan lagi, kajian kes membolehkan sesuatu kajian dijalankan secara menyeluruh dengan menggunakan bukti daripada pelbagai sumber bagi tujuan penganalisisan dan penilaian yang dilakukan secara *specific phenomenon* (Anderson, 1998; Merriam, 1988; Yin, 1994). Dalam kajian ini, kes yang diketengahkan adalah berkaitan pelaksanaan ALPdP oleh guru Pendidikan Moral menengah rendah di sekolah sekitar Lembah Klang. Semua peserta kajian ini mengajar Pendidikan Moral menengah rendah bermula dari tahun 2017 dan pernah mengikuti kursus DSKP atau KSSM yang dianjurkan oleh BPK atau pihak sekolah melalui kursus dalaman. Kajian ini meliputi aspek-aspek yang dicadangkan dalam KSSM dan DSKP Pendidikan Moral untuk pelaksanaan ALPdP Pendidikan Moral.

Tujuan kajian ini dijalankan adalah seperti yang dinyatakan dalam Bab 1, untuk mengkaji pelaksanaan ALPdP oleh guru Pendidikan Moral menengah rendah. Oleh itu, penyelidik telah memilih tujuh orang guru Pendidikan Moral menengah rendah sebagai peserta kajian ini untuk menjawab persoalan kajian yang telah dikemukakan. Selain melakukan temu bual dengan peserta kajian penyelidik telah menjalankan pemerhatian dan penelitian dokumen sepanjang proses pengumpulan data selari dengan kenyataan Eisenhardt (1989) bahawa kajian kes adalah gabungan kaedah pengumpulan data seperti arkib, wawancara, pemerhatian dan penjelasan yang direkodkan secara kualitatif (naratif) atau kuantitatif (berangka) atau kedua-duanya. Dengan kaedah ini, pelaksanaan ALPdP oleh guru Pendidikan Moral menengah rendah telah dikaji oleh penyelidik. Di samping itu, gambaran secara holistik dalam konteks ALPdP dapat dilihat. Jadual 3.1 memberi gambaran jelas kesesuaian reka bentuk kajian kes dalam pelaksanaan kajian ini.

Jadual 3.1
Ciri-ciri Kajian Kes dan Ciri-ciri Kajian ini

Ciri-ciri kajian kes	Ciri-ciri kajian ini
1 Khusus (<i>particularistic</i>) - Tertumpu kepada sesuatu situasi, program atau fenomena	Pelaksanaan ALPdP Pendidikan Moral dalam kalangan guru menengah rendah.
2 Penjelasan (<i>Descriptive</i>) - Dapatkan kajian mantap dan kaya dengan deskriptif mengenai fenomena yang dikaji oleh penyelidik	Menjelaskan persepsi, cabaran dan peluang serta sokongan yang diperoleh guru dalam pelaksanaan ALPdP Pendidikan Moral menengah rendah
3 Heuristik (<i>Heuristic</i>) - Kes yang dikaji menjelaskan dan memberi kefahaman kepada pembaca mengenai fenomena yang dikaji oleh penyelidik	Melaporkan kepada pembaca mengenai persepsi, cabaran dan peluang serta sokongan yang diperoleh guru dalam pelaksanaan ALPdP Pendidikan Moral menengah rendah

3.7 Instrumen Kajian

Kajian kualitatif menggariskan penyelidik sebagai instrumen kajian utama. Penyelidik menjalankan kajian ini dengan berpandukan protokol temu bual dan protokol pemerhatian yang dibentuk bersesuaian dengan persoalan kajian.

3.7.1 Penyelidik sebagai Instrumen Kajian

Penyelidik adalah sebahagian daripada penyelidikan dan penyelidik berada di tengah-tengah siasatan (Brodsky, 2008). Hal ini demikian kerana, penyelidikan kualitatif adalah kajian tentang pengalaman dan situasi manusia, alat yang cukup berkesan diperlukan untuk menangkap kerumitan pengalaman manusia dan memerlukan penyelidik untuk terlibat secara aktif dalam bidang kajian.

Penyelidik adalah instrumen utama atau sederhana untuk memastikan kesinambungan siasatan (Xu, M. A., & Storr, G. B., 2012). Oleh itu, penyelidik sebagai instrumen diperlukan untuk menjalankan kajian kualitatif kerana hanya manusia yang boleh menyesuaikan diri dengan pelbagai situasi dan bertindak balas kepada alam sekitar (Ary et al., 2010). Dalam kajian kualitatif ini dengan mengambil kira perkara-perkara tersebut penyelidik telah menjadi instrumen utama dalam

menjalankan kajian ini. Penyelidik telah menemu bual peserta kajian, membuat pemerhatian dan membuat penelitian dokumen yang berkaitan untuk mengumpulkan maklumat tentang ALPdP.

Memandangkan instrumen utama dalam kajian ini ialah penyelidik maka penyelidik telah membina hubungan yang baik (*rappor*) dengan peserta kajian. Hal ini penting untuk memastikan kelangsungan pengumpulan data sepanjang penyelidikan ini sejajar dengan pendapat Glazier (2016) iaitu pemahaman yang memuaskan dan komunikasi dapat dicapai dengan hubungan baik (*rappor*) yang tinggi.

Oleh itu, penyelidik telah membina hubungan baik dengan peserta kajian supaya peserta kajian berasa selesa dengan penyelidik semasa proses pengumpulan data. Sebelum kajian dijalankan hubungan baik antara penyelidik dengan peserta kajian telah dibina melalui perbualan tidak formal. Pada masa yang sama, penyelidik telah memastikan bahawa temu bual dijalankan dalam bentuk perbualan dan bukannya sebagai sesi wawancara rasmi. Tujuannya adalah untuk memastikan keselesaan peserta kajian dalam berkongsi maklumat dengan penyelidik.

Penyelidik membuat penyelidikan berkaitan kajian ini kerana topik ini merupakan dilema guru Pendidikan Moral menengah rendah dalam mengaplikasikan sukanan pelajaran baharu Pendidikan Moral, terutama dalam pelaksanaan ALPdP. Penyelidik juga mempunyai enam tahun pengalaman mengajar Pendidikan Moral di sekolah menengah dan mempunyai dua tahun pengalaman mengajar sukanan pelajaran baharu, KSSM. Penyelidik mendapat masih terdapat kekeliruan dalam pelaksanaan 32 jam aktiviti di luar waktu pengajaran dan pembelajaran mengikut pengalamannya sendiri. Kekeliruan ini masih wujud meskipun kesemua guru telah mengikuti kursus dalam berkaitan DSKP atau KSSM yang dianjurkan oleh Panitia Pendidikan Moral

sekolah. Topik ini diketengahkan berikutan pemahaman yang berbeza dalam kalangan rakan sekerja penyelidik dalam pelaksanaan ALPdP.

3.7.2 Protokol Temu Bual

Penyelidik telah memilih protokol temu bual dalam pelaksanaan kajian ini supaya penyelidik dapat mengumpulkan maklumat berdasarkan pengalaman peserta kajian secara mendalam selari dengan kenyataan Castillo-Montoya (2016) yang menyatakan bahawa peserta kajian dapat menggambarkan pengalaman yang dialami melalui temu bual dan sekali gus membekalkan penyelidik dengan data kualitatif yang kaya, mendalam serta terperinci.

Di samping itu, protokol temu bual merupakan cara yang berkesan untuk mendapatkan data asli daripada peserta kajian secara langsung. Memandangkan kajian ini bertujuan untuk mengkaji pelaksanaan aktiviti di luar waktu pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral yang menekankan ketiga-tiga aspek moral iaitu penaakulan moral, emosi moral dan perlakuan moral maka kaedah temu bual merupakan kaedah berkesan untuk mengumpulkan maklumat daripada peserta kajian.

Penyelidik turut mengambil kira kenyataan Suria Baba dan Zahara Aziz (2009) yang menekankan bahawa penyelidik berpeluang untuk mengumpulkan maklumat yang diluahkan peserta kajian melalui protokol temu bual. Kenyataan Jacob dan Furgerson (2012) turut diberi penekanan oleh penyelidik bahawa protokol temu bual diperlukan supaya dapat membimbing penyelidik untuk mendapatkan data yang dikehendaki. Hal ini demikian kerana penyelidik merupakan novis dalam bidang penyelidikan. Oleh itu, penyelidik telah menjadikan protokol temu bual sebagai panduan untuk menjalankan temu bual dalam kajian ini selari dengan kenyataan Jacob dan Furgerson (2012) iaitu protokol temu bual dapat membantu penyelidik memfokuskan soalan agar memperoleh data yang bermakna.

Cadangan protokol temu bual yang dikemukakan oleh Creswell (2008) telah digunakan oleh penyelidik untuk meneliti, mengumpulkan data dan memperoleh maklumat secara menyeluruh tentang pelaksanaan ALPdP Pendidikan Moral menengah rendah. Maklumat tentang persepsi, cabaran dan peluang serta sokongan yang diperoleh guru turut dikutip. Penyelidik juga dapat bersemuka dengan peserta kajian untuk mendapatkan pengesahan maklumat yang dikutip melalui kaedah temu bual dan rakaman audio. Maklumat secara lisan telah dikumpulkan dalam bentuk deskriptif untuk melaporkan ALPdP Pendidikan Moral. Fungsi penyediaan protokol temu bual adalah untuk memastikan penyelidik tidak tersasar daripada fokus kajian yang boleh menjawab persoalan kajian. Selain itu, penyelidik dapat memahami situasi yang dilalui dan difikirkan oleh peserta kajian melalui temu bual (Mohamad Nor Mohamad Taib, 2000).

Protokol temu bual yang dibina untuk kajian ini mengandungi tiga bahagian (Lampiran C). Bahagian awal memerlukan butiran mengenai nama sekolah, lokasi sekolah, nama guru, kelas, bilangan murid, tajuk pelajaran, tarikh, hari dan masa. Bahagian A dalam temu bual ini ialah peringkat permulaan temu bual atau membina *rappoert*. Sesi pengenalan diri dibuat oleh penyelidik pada peringkat ini. Seterusnya, peserta kajian diberi penjelasan mengenai maklumat tentang jangka masa temu bual, objektif kajian, etika kerahsiaan dan tujuan data yang dikumpulkan daripada peserta kajian. Sebanyak empat soalan disediakan oleh penyelidik dalam bahagian B yang dikemukakan kepada peserta kajian bagi mengetahui pemahaman mereka mengenai pelaksanaan ALPdP. Soalan ini menjurus kepada pemahaman asas guru mengenai silibus baharu Pendidikan Moral dan pelaksanaan ALPdP.

Bahagian terakhir dalam temu bual ini ialah bahagian C. Bahagian C mengandungi enam soalan bagi menjawab setiap persoalan kajian ini. Memandangkan kajian ini mempunyai tiga persoalan kajian maka jumlah soalan yang disediakan adalah 18 soalan. Peserta kajian dikemukakan dengan soalan semi struktur bertujuan untuk mendapatkan pelbagai jawapan berkaitan pelaksanaan ALPdP Pendidikan Moral menengah rendah. Maklumat lanjut diperoleh daripada peserta kajian dengan mengajukan soalan-soalan *probe* (Lincoln & Denzin, 1994). Pelaksanaan guru dalam aktiviti di luar waktu pengajaran dan pembelajaran dengan berpandukan DSKP dan Buku Penerangan KSSM yang dikeluarkan oleh KPM merupakan asas dalam pembinaan soalan temu bual semi struktur. Kesahan instrumen diukur melalui kajian rintis sebelum digunakan dalam kajian sebenar.

Penyelidikan ini dilakukan bertujuan untuk meneroka pelaksanaan ALPdP mengikut perspektif guru, peluang dan cabaran serta sumber sokongan guru. Oleh itu, penyelidik telah menemu bual pegawai Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) untuk mengetahui idea asal atau jangkaan pelaksanaan ALPdP selama 32 jam setahun bagi mata pelajaran Pendidikan Moral. Selepas menemu bual pegawai BPK, penyelidik telah menemu bual guru yang memenuhi kriteria yang digariskan untuk menjawab persoalan kajian ini bagi mengetahui pelaksanaan ALPdP diikuti dengan penelitian dokumen seperti laporan, gambar aktiviti dan bukti yang relevan serta pemerhatian. Walaupun kajian ini tidak dapat digeneralisasikan namun kajian ini merupakan kajian mendalam yang dapat memberikan gambaran tentang persepsi, cabaran dan peluang serta sokongan yang diperoleh guru dalam pelaksanaan ALPdP Pendidikan Moral menengah rendah.

3.7.3 Protokol Pemerhatian

Penyelidik telah menggunakan kaedah pemerhatian dalam kajian ini selari dengan kenyataan Creswell (2008) dan Merriam (2009) yang menyatakan bahawa proses pemerhatian merangkumi pengumpulan maklumat secara terbuka selain mendapatkan gambaran sebenar sesuatu kejadian yang berlaku di lokasi kajian. Dalam konteks kajian ini, protokol pemerhatian telah menjawab persoalan kajian yang disenaraikan oleh penyelidik. Penyelidik membuat pilihan ini dengan mengambil kira kenyataan Creswell (2008) dan Mohamad Nor Mohamad Taib (2000) yang menyatakan bahawa salah satu cara terbaik untuk mengutip data sekunder adalah melalui pemerhatian. Hal ini demikan kerana melalui pemerhatian penyelidik mampu mengumpulkan data tidak verbal yang dapat dilihat melalui perlakuan peserta kajian. Di samping itu, kaedah pemerhatian turut memberi peluang kepada penyelidik untuk melihat sendiri secara langsung kelangsungan sesuatu proses dan bukan hanya berdasarkan persepsi yang dinyatakan oleh peserta kajian (Lim, 2007).

Kaedah pemerhatian telah dijalankan oleh penyelidik untuk mengenal pasti persepsi, meneroka cabaran dan peluang serta memahami sokongan yang diperoleh guru Pendidikan Moral menengah rendah dalam pelaksanaan ALPdP. Aspek pengendalian guru semasa, sebelum dan selepas dicatatkan dan data yang menjawab mana-mana persoalan kajian telah dikumpulkan oleh penyelidik melalui pemerhatian ini. Di samping itu, penyelidik turut menyediakan senarai semak pemerhatian untuk mengetahui pelibatan guru dalam pelaksanaan ALPdP Pendidikan Moral menengah rendah. Protokol pemerhatian dibina oleh penyelidik setelah membuat rujukan dengan pakar dalam bidang Pendidikan Moral.

Catatan lapangan dibuat sepanjang pemerhatian dalam pelaksanaan ALPdP oleh peserta kajian menerusi perkataan, bahasa tubuh atau bahasa isyarat. Sepanjang tempoh pemerhatian penyelidik memberi fokus kepada persediaan guru sebelum, semasa dan selepas pelaksanaan aktiviti, kawalan kelas, bimbingan kepada murid sepanjang aktiviti dan sokongan pelbagai pihak dalam pelaksanaan ALPdP Pendidikan Moral. Gambar dan video diambil untuk dilampirkan dalam laporan kajian dengan izin peserta kajian. Instrumen pemerhatian mengandungi tiga bahagian iaitu sebelum pelaksanaan ALPdP yang merangkumi persediaan guru, semasa pelaksanaan ALPdP yang memberi fokus kepada proses pelaksanaan ALPdP dan akhir sekali aktiviti susulan selepas pelaksanaan ALPdP (Lampiran D).

Penyelidik bertindak sebagai pemerhati luar dalam kajian ini untuk meneroka pelaksanaan ALPdP oleh guru Pendidikan Moral menengah rendah. Status penyelidik dimaklumkan kepada peserta kajian selari dengan kenyataan Chua (2014) bahawa peserta kajian sedia maklum tentang status penyelidik dalam sesuatu kajian.

Penyelidik berada bersama guru semasa proses pelaksanaan ALPdP serta melihat kelangsungan pelaksanaan ALPdP Pendidikan Moral sambil membuat catatan berdasarkan pemerhatian. Dalam keadaan ini penyelidik bertindak sebagai pemerhati pasif dengan tidak mengambil bahagian dalam aktiviti yang diperhati dan membiarkan aktiviti dijalankan dalam *setting* biasa. Situasi ini telah memberi peluang kepada penyelidik untuk melihat dengan lebih dekat dan memahami kelangsungan proses ALPdP yang dikendalikan oleh guru. Kenyataan ini selari dengan Mohd. Majid Konting (2000) yang menyatakan bahawa penyelidik mempunyai pandangan sebenar mengenai data yang dikumpul dan Merriam (2002) yang menyatakan bahawa data asal “*first hand encounter*” mengenai guru dapat dikumpulkan melalui pemerhatian.

3.8 Prosedur Pengumpulan Data

Proses pengumpulan data melibatkan penyelidik dan tujuh orang guru Pendidikan Moral menengah rendah yang merupakan peserta kajian ini. Proses pengumpulan data oleh penyelidik dibahagikan kepada dua bahagian iaitu peringkat pertama meliputi persediaan sebelum kajian ini dijalankan dan peringkat kedua pula proses pengumpulan data semasa kajian dijalankan.

3.8.1 Peringkat Pertama

Peringkat pertama terbahagi kepada tiga bahagian yang dibincangkan oleh penyelidik dalam penulisan seterusnya.

3.8.1.1 Memohon Kebenaran

Permohonan kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia (Lampiran E) dan *University of Malaya Research Ethics Committee* (UMREC) (Lampiran F) dibuat oleh penyelidik. Penyelidik telah mendapat kelulusan daripada kedua-dua pihak untuk menjalankan kajian ini. Surat kelulusan tersebut digunakan oleh penyelidik untuk memohon kebenaran daripada pihak Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Jabatan Pendidikan Negeri Selangor seterusnya daripada pihak Pejabat Pendidikan Bangsar Pudu, Sentul dan Hulu Langat. Setelah mendapatkan surat kebenaran daripada pihak Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (Lampiran G) dan surat kebenaran daripada Jabatan Pendidikan Negeri Selangor (Lampiran H). Seterusnya, surat tersebut diserahkan kepada pihak Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) sebagai makluman dan kepada pihak sekolah untuk mendapatkan pengesahan dan kebenaran daripada pihak pentadbir bagi menjalankan kajian ini di sekolah.

3.8.1.2 Perancangan Kerja


Penyelidik telah merancang proses pengumpulan data dengan teliti. Perancangan kerja melibatkan kaedah temu bual, pemerhatian dan penelitian dokumen diberi tumpuan dengan mengambil kira takwim sekolah agar proses pengumpulan data berjalan dengan lancar.

3.8.1.3 Persediaan Peralatan

Peralatan yang diperlukan semasa pengumpulan data telah disediakan terlebih dahulu sebelum proses pengumpulan data. Antara perkara yang dititikberatkan oleh penyelidik ialah alat perakam audio, kamera dan video. Penyelidik memastikan alat perakam audio, kamera dan video berfungsi dengan baik dan mampu digunakan sepenuhnya semasa proses pengumpulan data. Di samping itu, peralatan lain seperti alat tulis, buku log, instrumen protokol temu bual dan pemerhatian turut disemak oleh penyelidik sebelum bergerak ke lokasi kajian.

3.8.2 Peringkat Kedua

Peringkat kedua merupakan kemuncak dalam kajian ini. Dapatan kajian dikumpulkan melalui proses temu bual, pemerhatian dan penelitian dokumen mengikut objektif dan persoalan kajian yang digariskan dalam Bab 1. Rajah 3.1 merupakan kronologi proses pengumpulan data secara ringkas daripada peringkat pertama hingga peringkat kedua.



Rajah 3.1. Kronologi Proses Pengumpulan Data

3.9 Teknik Pengumpulan Data

Pengumpulan data melalui teknik temu bual merupakan data primer penyelidik dalam kajian ini. Data sekunder dalam kajian ini dikumpulkan melalui teknik pemerhatian. Penelitian dokumen pula digunakan sebagai sumber sokongan untuk memperkuat data primer dan data sekunder yang telah dikumpulkan oleh penyelidik. Catatan buku log dan rakaman audio turut dijadikan sebagai data sokongan oleh penyelidik. Penyelidik menggunakan teknik tersebut dengan mengambil kira kenyataan Kamarul Azmi Jasmi (2012) yang menyatakan bahawa data kualitatif dikumpulkan dengan cara temu bual, pemerhatian tidak turut serta, penelitian dokumen dan nota lapangan serta diari penyelidik merupakan nadi dalam mengesahkan kajian lapangan yang telah dilaksanakan dalam kajian kualitatif.

Penyelidik menggunakan peralatan audio dan video sepanjang pengumpulan data dalam kajian ini selari dengan kenyataan Fraenkel, Wallen dan Hyun (2012) yang menyatakan bahawa peralatan tersebut digunakan di tempat kejadian dan ditambah dengan pemerhatian penyelidik tentang apa yang berlaku. Penyelidik turut membuat

salinan dan menyimpan segala dokumen berkaitan kajian ini selari dengan kenyataan Louis Cohen, Lawrence Manion dan Keith Morrison (2007) yang menyatakan bahawa jenis data yang dikumpulkan dalam penyelidikan kualitatif termasuk skrip temu bual, nota, foto, rakaman audio, rakaman video, buku harian, ulasan peribadi, memo, rekod rasmi, petikan buku teks dan apa-apa sahaja yang boleh menyampaikan maklumat sebenar. Tujuan pelbagai protokol digunakan oleh penyelidik dalam kajian ini adalah untuk memastikan data temu bual yang dikutip melalui rakaman audio dan data pemerhatian direkodkan dengan teliti untuk menjamin kesahan serta kualiti data yang dikutip oleh penyelidik (Olsen, 2012). Jadual 3.2 menunjukkan teknik pengumpulan data yang telah digunakan dalam kajian ini.

Jadual 3.2
Teknik Pengumpulan Data

Bil.	Instrumen	Teknik pengumpulan data
1	Protokol temu bual	Temu bual semi struktur (one-to-one)
2	Protokol pemerhatian	Pemerhatian tidak turut serta
3	Penelitian dokumen dan rakaman audio	Catatan dan rakaman audio

3.9.1 Temu Bual Semi Struktur

Penyelidik memilih temu bual semi struktur dalam kajian ini sebagai salah satu proses pengumpulan data untuk mengetahui perkara yang sukar diperhatikan secara langsung. Dengan erti kata lain, temu bual semi struktur merupakan cubaan untuk memahami pemikiran seseorang melalui perkongsian maklumat. Pemilihan temu bual semi struktur oleh penyelidik dalam kajian ini selari dengan kenyataan Seidman (1998) dan Patton (1990) yang menyatakan bahawa tujuan temu bual diadakan bukanlah hanya sekadar untuk mendapatkan jawapan bagi soalan yang dikemukakan tetapi untuk memahami pengalaman seseorang.

Pertemuan secara bersemuka dijalankan oleh penyelidik untuk mengumpulkan maklumat dalam kajian ini. Temu bual semi struktur membolehkan peserta kajian mengeluarkan maklumat, mengemukakan pandangan mengikut konteks yang disoal oleh penyelidik. Peserta kajian ditemu bual oleh penyelidik untuk mendapatkan perkongsian maklumat dan pengalaman dalam pelaksanaan ALPdP mengikut konteks kajian ini. Temu bual ini telah distrukturkan berdasarkan keperluan objektif kajian dan persoalan kajian ini. Walaupun protokol temu bual telah distrukturkan sebelum proses temu bual dijalankan oleh penyelidik namun peserta kajian boleh memberikan penjelasan dan penerangan mereka secara bebas. Penyelidik juga telah mengubahsuai soalan temu bual mengikut keperluan semasa agar peserta kajian dapat menjawab objektif kajian dan persoalan kajian. Rakaman audio digunakan oleh penyelidik untuk merekodkan proses temu bual. Di samping itu, catatan turut dibuat semasa temu bual diadakan untuk merekodkan isi perbualan dan gambaran peserta kajian ketika ditemu bual dengan mengambil kira cara penuturan, mimik muka dan bahasa badan mereka.

3.9.2 Pemerhatian

Selain temu bual, data untuk pelaksanaan ALPdP Pendidikan Moral dikumpulkan melalui pemerhatian. Pengamatan melalui pemerhatian membentarkan penyelidik untuk mengumpul maklumat langsung dalam kalangan guru dalam pelaksanaan ALPdP Pendidikan Moral. Hal ini sejajar dengan pendapat Creswell (2012) iaitu kelebihan pemerhatian ialah kaedah ini membolehkan pengumpulan data sebagai fenomena yang berlaku di dalam penyelidikan dan dapat memberikan data sebenar mengenai tingkah laku orang yang dipelajari. Di samping itu, kaedah pemerhatian ini juga membolehkan pengumpulan data yang lebih besar dan mendapatkan maklumat yang lebih objektif daripada peserta kajian.

Berpandukan kenyataan Merriam (2009) yang menyatakan bahawa masa keseluruhan yang diperuntukkan di lokasi, bilangan lawatan dan bilangan pemerhatian yang dilakukan setiap kali lawatan tidak dapat ditentukan terlebih dahulu. Oleh itu, penyelidik menentukan bilangan pemerhatian berdasarkan hasil dapatan pada masa itu dan diberhentikan apabila data menjadi tepu. Hal ini selari dengan kenyataan Merriam (2009) pada satu ketika, masa dan wang akan habis, dan maklumat baharu akan menjadi terhad dan tepu. Sekiranya maklumat telah menjadi tepu maka pemerhatian boleh diberhentikan.

Setelah mengambil kira kesemua aspek tersebut pemerhatian dalam kajian ini telah dilakukan sebanyak sebelas kali untuk mengumpulkan maklumat berkaitan dengan pelaksanaan ALPdP Pendidikan Moral. Dalam kajian ini, penyelidik berfungsi sebagai pemerhati pasif sahaja dan tidak terlibat dalam apa-apa aktiviti yang dijalankan oleh peserta kajian. Dalam erti kata lain penyelidik hanya berfungsi sebagai pemerhati sahaja dan bukan peserta kajian. Penyelidik memilih kaedah ini kerana kaedah ini tidak mengganggu proses pelaksanaan ALPdP sedia ada.

3.9.3 Penelitian Dokumen

Sebagai pelengkap kepada kaedah temu bual dan pemerhatian, penyelidik memilih kaedah penelitian dokumen untuk menyokong dapatan yang diperoleh melalui temu bual dan pemerhatian berkaitan dengan kajian ini. Pemilihan kaedah penelitian dokumen dibuat dengan mengambil kira kenyataan O’Leary (2004) yang menyatakan bahawa penelitian dokumen digunakan dalam pelbagai bidang penyelidikan sebagai salah satu kaedah pengumpulan data utama atau sebagai pelengkap kepada kaedah lain.

Dokumen sedia ada berkaitan dengan aktiviti di luar waktu pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral diteliti oleh penyelidik di sekolah peserta kajian. Penyelidik telah mengumpul, mengkaji semula dan menganalisis dokumen sedia ada serta mengumpulkan maklumat bagi menyokong dapatan yang diperoleh melalui kaedah temu bual dan pemerhatian. Hal ini selari dengan kenyataan Bowen (2009) bahawa penelitian dokumen ialah satu bentuk penyelidikan kualitatif, dokumen ialah sumber data yang ditafsirkan oleh penyelidik untuk memberikan suara dan makna kepada topik yang dipelajari. Antara penelitian dokumen yang dibuat melalui kajian ini ialah penelitian laporan guru, Rancangan Pengajaran Harian (RPH), laporan dan hasil kerja murid, dokumentasi serta fail panitia Pendidikan Moral.

Sepanjang proses penelitian dokumen catatan mengenai pelaksanaan ALPdP dibuat oleh penyelidik. Penelitian dokumen dan perekodan data sangat penting untuk tujuan penjelasan terhadap perkara yang berkaitan dengan kajian semasa proses analisis data dan triangulasi data. Jadual 3.3 menunjukkan ringkasan kaedah pengumpulan data yang digunakan dalam kajian ini untuk menjawab persoalan kajian yang dibina oleh penyelidik.

Jadual 3.3
Kaedah Pengumpulan Data Mengikut Persoalan Kajian

Bil	Persoalan kajian	Kaedah pengumpulan data
1	Apakah persepsi guru terhadap pengenalan aktiviti di luar waktu pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral menengah rendah?	Kaedah temu bual Kaedah pemerhatian Penelitian dokumen
2	Apakah cabaran dan peluang guru dalam pelaksanaan aktiviti di luar waktu pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral menengah rendah?	Kaedah temu bual Kaedah pemerhatian Penelitian dokumen
3	Apakah sokongan yang diterima oleh guru Pendidikan Moral menengah rendah dalam pelaksanaan aktiviti di luar waktu pengajaran dan pembelajaran?	Kaedah temu bual Kaedah pemerhatian Penelitian dokumen

3.10 Jadual Prosedur Kajian

Kajian ini dijalankan di 6 buah sekolah. Ketetapan tarikh, masa temu bual, pemerhatian dan penelitian dokumen dibuat oleh penyelidik mengikut kelapangan serta kesanggupan guru. Jadual 3.4 memaparkan prosedur kajian kes yang telah dilaksanakan oleh penyelidik.

Jadual 3.4

Prosedur Kajian Kes di Enam Buah Sekolah

Guru (Nama Samaran)	Sekolah (Nama Samaran)	Tarikh Temu bual	Bilangan Temu bual	Tarikh Pemerhatian	Bilangan Pemerhatian
Humie	Amanah	24/7/19	1	05/9/19	1
Aida	Amanah	24/7/19	1	18/9/19	1
Mastura	Cemerlang	21/8/19	1	05/9/19	1
Lim	Dedikasi	14/6/19	1	14/6/19	1
Siti	Harapan	18/6/19	1	19/8/19 27/8/19	2
Prema	Gigih	18/7/19	1	18/7/19 06/9/19 11/9/19	3
Normiza	Usaha	19/6/19	1	19/6/19 16/7/19	2
JUMLAH		7		JUMLAH	11

3.11 Pengurusan Data

Data daripada pelbagai sumber dikumpulkan melalui kajian ini selari dengan kenyataan Creswell (2008) iaitu pengurusan data merangkumi proses pengemaskinian data, pemahaman data, penyimpanan data, penyediaan data dan indeks diberikan kepada data. Kaedah manual dan sistem perisian komputer digunakan oleh penyelidik untuk merekodkan data, menyusun data dan menguruskan data dengan teliti. Data yang dikumpulkan melalui temu bual dan pemerhatian disimpan dalam *folder* komputer dan secara manual. Data yang dikumpulkan melalui audio dan video pula disimpan di dalam komputer riba dan diberikan indeks yang selari dengan catatan yang

dibuat semasa proses pengumpulan data. Indeks yang bersesuaian diberikan oleh penyelidik apabila kesemua data temu bual dan pemerhatian ditaip bagi memudahkan jejak audit atau semakan semula. Penyelidik berbuat demikian dengan berpandukan kenyataan Olsen (2012) yang menyatakan bahawa pengurusan data secara sistematik akan memudahkan pencarian semula maklumat bagi tujuan analisis kajian ini.

3.11.1 Transkripsi

Semua data yang dikumpulkan dalam kajian ini telah melalui proses transkripsi sebelum analisis data dijalankan. Penyelidik menggunakan proses pemindahan data dalam bentuk teks bertaip dikenali sebagai transkripsi berpandukan kenyataan Creswell (2012). Transkripsi bagi penyelidikan ini dibuat secara manual dengan menaip perkataan demi perkataan melalui rakaman audio yang telah dibuat untuk menghasilkan data verbatim. Bahan transkripsi seterusnya dipindahkan ke perisian ATLAS.ti untuk membina tema sementara dan subtema yang dikenal pasti daripada data.

Gambar dan rakaman video pula ditranskripkan dengan cara melihat semula gambar dan rakaman video untuk memastikan insiden yang timbul sepanjang pelaksanaan ALPdP Pendidikan Moral. Transkripsi lengkap berdasarkan audio temu bual dibuat oleh penyelidik. Seterusnya, setiap transkripsi temu bual, pemerhatian dan penelitian dokumen yang menjawab persoalan kajian diberikan indeks. Jadual 3.5 menunjukkan indeks yang digunakan dalam penyelidikan berserta penjelasan singkatan indeks.

Jadual 3.5
Indeks yang digunakan dalam kajian ini

Teknik	Indeks	Penjelasan indeks
Temu bual	[SMKGigih/P074/temubual/18.7.19]	[nama sekolah/ huruf awal nama guru diikuti nombor dapatan dalam transkrip/ temu bual/ tarikh temu bual]
Pemerhatian	[SMKAmanah/urbanfarming/5.9.19]	[nama sekolah/ aktiviti yang dijalankan oleh guru semasa pemerhatian/ tarikh pemerhatian]
Penelitian Dokumen	[SMKAmanah/failALPdP/17.4.19]	[nama sekolah/ sumber penelitian dokumen/ tarikh dokumen direkodkan oleh guru]

Proses membuat transkripsi ini melibatkan proses penelitian awal secara tidak langsung. Data yang dikumpulkan melalui temu bual, pemerhatian dan penelitian dokumen menjurus kepada persepsi, cabaran dan peluang serta sokongan yang diperoleh guru dalam pelaksanaan ALPdP dianalisis oleh penyelidik pada peringkat awal. Setiap aspek yang dikenal pasti mengikut objektif kajian ditandakan dan dikumpulkan mengikut kategori bagi memudahkan penyelidik membuat analisis data berdasarkan persoalan kajian yang diketengahkan dalam kajian ini.

3.11.2 Penyaringan Data

Penyaringan data adalah elemen penting dalam proses analisis data. Proses pengekodan membolehkan data disaring dan diinterpretasikan secara bermakna dengan membina tema melalui proses menggugurkan atau memecahkan data yang diperoleh penyelidik. Data dibaca berulang kali dengan teliti agar dapat membentuk tema dan subtema yang sesuai untuk menjawab persoalan kajian ini.

3.11.3 Pengekodan

Maklumat penting berkaitan dengan tema dan persoalan kajian ini dikenal pasti melalui proses penyaringan data menggunakan transkripsi yang disediakan oleh penyelidik di peringkat awal. Penyelidik membuat pengekodan data bagi memudahkan proses pembentukkan kod mengikut persoalan kajian selari dengan kenyataan Creswell (2008) iaitu pengekodan merupakan proses melabel teks bertujuan untuk memberikan maksud kepada teks data. Pengelasan kod memudahkan penyelidik untuk mencari semula dan menyusun data mengikut persoalan kajian dan tema kajian ini. Penyelidik memastikan bahawa kod yang dibentuk adalah selari dengan data yang dikumpulkan melalui kajian ini. Hal ini sejajar dengan pendapat Boeije (2010) yang menjelaskan bahawa kod yang dibentuk oleh penyelidik perlu mewakili suara yang sama dengan data. Rajah 3.2 menunjukkan sebahagian data yang dikodkan oleh penyelidik.

4 quotations for Kehadiran Murid yang Tidak Konsisten				
Search Quotations				
ID	Name		Start	End
2:23	so pelajar tu... cabaran dia... biasalah pelajar kehadiran tu kita kena t...		5:3...	5:499
4:10	Every week actually is different some students they come early and som...		3:4...	3:541
6:11	Cabarannya ialah kehadiran pelajar... masalah utama saya ialah kehadiran...		5:5...	5:1231
12:6	arhhh rata-rata para pelajar tingkatan satu akan tunggulah... sebab mun...		3:4...	3:677

Rajah 3.2. Pengekodan kepada Subtema dan Tema

3.11.4 Penghasilan Tema dan Kategori


Pembacaan data verbatim dilakukan berulang kali oleh penyelidik untuk mengenal pasti ayat yang menjurus kepada tema. Proses penghasilan tema dan kategori dimulakan oleh penyelidik semasa proses pembentukan data verbatim. Pembacaan diteruskan oleh penyelidik sama ada dengan membaca data baharu atau data sedia ada. Sekiranya pembacaan penyelidik memberi gambaran mengenai kategori yang telah

dibentuk maka ayat yang berkaitan dikumpulkan dalam kategori berkenaan yang dikenali dengan proses “*pattern matching*” (Yin, 1984) kerana pengekodan dilakukan dengan mengkategorikan dalam kategori yang telah dibentuk sebelumnya. Pada masa yang sama, sekiranya ayat yang dibaca menjurus kepada kategori lain maka kategori baharu dibentuk oleh penyelidik. Proses ini akan berulang sehingga kesemua data dikategorikan mengikut persoalan kajian ini.

3.12 Analisis Data

Sebaik sahaja data dikumpulkan oleh penyelidik maka bermulalah proses analisis data dalam penyelidikan kualitatif. Merriam (1998) turut menyatakan bahawa temu bual, pemerhatian dan penelitian dokumen buat pertama kali merupakan detik permulaan pengumpulan data dalam kajian. Oleh itu, menjadi tanggungjawab penyelidik untuk mengumpulkan data secara serentak dan berterusan. Data dianalisis secara berterusan bagi memastikan data dikumpulkan selari dengan kehendak kajian, tidak berlaku pengulangan data dan data yang dikumpulkan mencukupi dan relevan untuk menjawab objektif kajian dan persoalan kajian. Di samping itu, analisis berterusan ini dapat memastikan data yang dipungut seterusnya tidak berulang. Pada masa yang sama, analisis data secara berterusan mengelakkan longgokkan data dan memastikan data dikumpulkan secara sistematik dan memudahkan proses analisis data selepas proses pengumpulan data.

Penyelidik telah menggunakan beberapa kaedah analisis data dalam kajian ini. Kaedah analisis tema yang digariskan oleh Braun dan Clarke (2006) telah digunakan sebagai panduan oleh penyelidik untuk membuat analisis data yang diperoleh melalui temu bual. Rajah 3.3 menjelaskan langkah-langkah yang dicadangkan oleh Braun dan Clarke (2006) dalam proses analisis data menggunakan kaedah analisis tema.



Rajah 3.3. Kaedah Analisis Tema

Sumber: Diadaptasi dari Braun dan Clarke (2006)

Bagi analisis data pemerhatian pula penyelidik membaca semua catatan lapangan dan penyelidik menaip semula dengan menggunakan komputer. *Contact summary sheet* (Miles & Huberman, 1994) digunakan oleh penyelidik untuk meringkaskan catatan lapangan lengkap yang diperoleh semasa proses pengumpulan data. Data mengenai catatan pemerhatian, sintesis data dan maklumat asas mengenai peserta kajian dicatatkan oleh penyelidik dalam ringkasan tersebut. Setiap ringkasan mengandungi perkara yang gagal didapati dan perkara yang perlu diberi perhatian dalam pemerhatian seterusnya.

Data yang berkaitan dengan kajian ini dibuat catatan setelah kaedah analisis penelitian dokumen dilakukan oleh penyelidik. Maklumat-maklumat daripada dokumen yang diperoleh penyelidik penting untuk meneroka dan memahami proses pelaksanaan ALPdP oleh guru Pendidikan Moral menengah rendah. Kaedah penelitian dokumen membolehkan penyelidik membuat perbandingan secara triangulasi. Data yang dikumpulkan oleh penyelidik melalui penelitian dokumen dibuat perbandingan dengan data yang didapati melalui temu bual dan pemerhatian. Jadual 3.6 merupakan ringkasan kaedah analisis data yang telah digunakan dalam kajian ini untuk

mengumpulkan data berdasarkan objektif kajian dan persoalan kajian yang dibina oleh penyelidik.

Jadual 3.6

Kaedah Analisis Data mengikut Persoalan Kajian

Bil	Persoalan Kajian	Penganalisisan
1	Apakah persepsi guru terhadap pengenalan aktiviti di luar waktu pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral menengah rendah?	Kaedah analisis tema Catatan lapangan Dokumen diteliti dan makluman berkaitan dicatatkan
2	Apakah cabaran dan peluang guru dalam pelaksanaan aktiviti di luar waktu pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral menengah rendah?	Kaedah analisis tema Catatan lapangan Dokumen diteliti dan makluman berkaitan dicatatkan
3	Apakah sokongan yang diterima oleh guru Pendidikan Moral menengah rendah dalam pelaksanaan aktiviti di luar waktu pengajaran dan pembelajaran?	Kaedah analisis tema Catatan lapangan Dokumen diteliti dan makluman berkaitan dicatatkan

3.13 Kesahan dan Kebolehpercayaan dalam Kajian

Penyelidik memastikan empat kriteria yang digariskan oleh Noraini Idris (2013) yang dianggap penting dalam kajian kualitatif iaitu kredibiliti (*credibility*), kebolehpindaan (*transferability*), kebolehpercayaan (*dependability*), pengesahan (*confirmability*) dirujuk dalam pelaksanaan kajian ini. Penyelidik memastikan kajian ini memenuhi keempat-empat kriteria kesahan yang dicadangkan oleh Noraini Idris (2013). Bagi memastikan kredibiliti (*credibility*) iaitu kesahan dalaman kajian ini, penyelidik telah meningkatkan tempoh masa kutipan data selama enam bulan dan pemerhatian dijalankan dalam keadaan semula jadi serta triangulasi data turut dilakukan oleh penyelidik. Seterusnya kebolehpindaan (*transferability*) atau kesahan luar iaitu deskripsi secara terperinci mengenai kes yang dikaji dibuat oleh penyelidik untuk membolehkan penyelidik lain memahami kajian ini. Pada masa yang sama, penyelidik

mendapatkan pengesahan keaslian data daripada peserta kajian melalui semakan ahli (*member check*) untuk meningkatkan kesahan luar.

Kebolehpercayaan (*dependability*) dicapai oleh penyelidik melalui sesi temu bual dan pemerhatian yang direkodkan secara verbatim dengan menggunakan data transkripsi dan deskripsi yang lengkap dalam nota lapangan. Seterusnya, inkuiri audit telah dilaksanakan oleh empat orang penilai bebas (*inter rater*) yang merupakan pakar dalam bidang kajian ini manakala pengesahan (*confirmability*) kajian dilakukan oleh penyelidik selepas proses pengekodan. Penyelidik telah mendapatkan pengesahan daripada dua orang penilai bebas yang juga pakar rujuk dalam bidang kajian ini iaitu seorang Pensyarah Kanan dari Universiti Malaya dan seorang lagi Penolong Pengarah Sektor Sains Sosial di BPK, KPM. Kesahan dan kebolehpercayaan kajian ini dikukuhkan dengan proses triangulasi, penilaian pakar, semakan ahli dan jejak audit.

Penyelidik sangat menitikberatkan elemen kesahan dan kebolehpercayaan dalam kajian ini kerana menurut Lincoln dan Guba (1985) kejituuan kajian kualitatif dapat ditentukan melalui kesahan dan kebolehpercayaan. Bailey (2007) dan Othman Lebar (2006) turut menekankan bahawa kesahan juga bertujuan untuk mengukur ketepatan kajian mengenai gambaran sebenar tentang perkara yang dikaji. Merriam (2002) pula menjelaskan bahawa kesahan merujuk kepada kemiripan dapatan kajian dengan keadaan sebenar dan kebolehpercayaan pula merujuk kepada kebolehan sesuatu kajian dijalankan semula.

Penyelidik turut mengambil maklum bahawa kesahan kajian dan dapatan kajian sama ada dipercayai atau tidak dipercayai ditentukan melalui kesahan dan kebolehpercayaan. Hal ini demikian kerana kesahan dan kebolehpercayaan dalam sesuatu penyelidikan dapat mengukuhkan hasil dapatan kajian. Perkara ini turut dinyatakan oleh Othman Lebar (2006) yang menyatakan bahawa kesahan dan

kebolehpercayaan menjadi asas sejauh mana sesuatu fenomena diteroka melalui kajian yang dijalankan sehingga menyebabkan dapatan yang diperoleh sukar untuk dipersoal.

3.13.1 Triangulasi

Penyelidik menggunakan teknik triangulasi pelbagai sumber bagi membuktikan kesahan dan kebolehpercayaan dalam penyelidikan ini. Pemeriksaan silang pelbagai sumber data dan prosedur pengumpulan data digunakan oleh penyelidik untuk menilai sejauh mana semua bukti bertumpu dengan berpandukan kenyataan Bowen (2009) yang menyatakan bahawa matlamat triangulasi adalah untuk menyediakan pertemuan bukti yang menunjukkan kredibiliti. Patton (2002) pula menyarankan penggunaan triangulasi untuk memberikan kesahan dan kebolehpercayaan untuk kajian kualitatif. Penyelidik sangat berwaspada semasa melaksanakan kajian ini kerana kajian kualitatif bergantung pada perspektif penyelidik dan setiap penyelidik mempunyai pemberatan sendiri (*bias*). Oleh itu, penyelidik berpegang kepada kenyataan Fraenkel, Wallen dan Hyun (2012) yang menyatakan bahawa penyelidik perlu melihat sesuatu perkara dengan jelas mengikut perspektif masing-masing.

Hasil kajian ini disokong dan dimantapkan oleh penyelidik melalui pengumpulan data dengan menggunakan teknik triangulasi dalam kajian ini. Perbandingan data dilakukan oleh penyelidik dengan mengambil kira data temu bual, pemerhatian, penelitian dokumen dan rakaman audio serta video. Pungutan data melalui temu bual dikumpulkan dan disusuli dengan pemerhatian dan penelitian dokumen serta rakaman audio dan video. Kutipan data yang dilakukan dengan menggunakan pelbagai teknik dan instrumen adalah lebih baik kerana mampu mengurangkan kelemahan dan hasil dapatan kajian yang dikutip lebih diyakini. Oleh

itu, teknik triangulasi dipilih bagi membolehkan maklumat daripada pelbagai sumber untuk menyokong dapatan data yang diperoleh penyelidik.

Pengumpulan data melalui teknik yang berbeza memperkuuh lagi maklumat yang diperoleh melalui kajian ini. Misalnya, data primer, data sekunder dan data sokongan yang diperoleh melalui penyelidikan ini membantu mengukuhkan lagi dapatan kajian. Jelas sekali, penggunaan pelbagai teknik mampu menjamin kesahan dan kebolehpercayaan kajian ini.

3.13.2 Penilaian Pakar

Teknik penilaian pakar (*expert judgment*) merupakan teknik yang digunakan oleh penyelidik dengan meminta bantuan sekumpulan pakar dalam bidang Pendidikan Moral untuk menilai ketepatan dan kesahan kandungan instrumen yang dibina oleh penyelidik. Penyelidik telah mengumpulkan bukti kesahan instrumen temu bual dan pemerhatian melalui empat pakar rujuk. Pakar yang menilai protokol temu bual dan protokol pemerhatian kajian ini ialah Pensyarah Kanan Fakulti Sains Kemanusian dari Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI). Seterusnya, Pensyarah Kanan Jabatan Pendidikan Asas dan Kemanusiaan Universiti Malaya. Profesor Madya merangkap Ketua Jabatan Kemanusiaan Fakulti Pengajian Pendidikan dari Universiti Putra Malaysia dan Penolong Pengarah Sektor Sains Sosial di Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia (Lampiran I).

Pengubahsuaian bagi protokol temu bual dan protokol pemerhatian telah dibuat oleh penyelidik berdasarkan cadangan penambahbaikan daripada para pakar (Lampiran J). Antara penambahan dalam protokol temu bual adalah soalan yang menjurus kepada perkaitan pelaksanaan ALPdP dengan pemahaman nilai dalam kalangan guru dan murid. Selain itu, penambahan dalam permulaan protokol temu bual dan cadangan daripada peserta kajian tentang pelaksanaan ALPdP turut ditambah oleh

penyelidik selepas disarankan oleh pakar. Penambahbaikan dalam protokol pemerhatian pula adalah pada bahagian selepas pelaksanaan ALPdP dengan memberi penekanan dalam penerapan nilai-nilai universal.

Kesahan kandungan protokol temu bual dan protokol pemerhatian oleh pakar dalam pelaksanaan ALPdP Pendidikan Moral dalam kalangan guru menengah rendah dianggap perlu dalam kajian ini. Hal ini demikian kerana pakar dapat membantu untuk meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan penyelidikan.

3.13.3 Semakan Ahli

Teknik semakan ahli (*member check*) turut digunakan oleh penyelidik untuk memperkuat kesahan data selaras dengan saranan Merriam (2002) dan Othman Lebar (2006) yang menyatakan bahawa tujuan semakan ahli dilakukan adalah untuk membolehkan peserta kajian menyemak dan mengesahkan ketepatan maklumat. Oleh itu, maklumat yang dilaporkan oleh penyelidik mesti selari dengan data yang dimaksudkan oleh peserta kajian. Bogdan dan Biklen (1998) turut menyatakan bahawa melalui semakan ahli kebolehpercayaan dapatan dapat dipertingkat oleh penyelidik dalam kajian.

Menurut Miles dan Huberman (1994) pula keadaan *bias* dalam penyelidikan mungkin akan terjadi meskipun penyelidik memastikan peranannya sebagai instrumen kajian utama dan kekaburan penyelidik dalam memahami situasi sebenar boleh menyebabkan kesilapan dalam pungutan data. Oleh itu, penyelidik menggunakan teknik semakan ahli bagi membolehkan peserta kajian membaca data dan membuat penambahbaikan sekiranya perlu dengan mengambil maklum kenyataan Harper dan Cole (2012) yang menekankan bahawa perkara yang perlu disemak oleh penyelidik adalah seperti semakan data, kategori, tema, tafsiran dan kesimpulan kajian.

Penyelidik telah menyediakan borang pengesahan yang perlu ditandatangani oleh peserta kajian. Peserta kajian menandatangani borang pengesahan tersebut setelah menyemak transkripsi temu bual yang disediakan oleh penyelidik. Pengesahan transkrip daripada peserta kajian diperoleh penyelidik tanpa sebarang pindaan (Lampiran K).

3.13.4 Jejak Audit

Dalam kajian ini, penyelidik merekodkan segala aktiviti sehari-hari berfokus kepada pengumpulan data dengan menyediakan buku catatan untuk merekodkan langkah-langkah pengumpulan data. Di samping itu, perekodan menggunakan komputer turut dibuat oleh penyelidik dengan merekodkan tarikh, masa dan cara pengumpulan data sepanjang kajian ini. Hal ini selari dengan kenyataan Carcary (2014) bahawa kebolehpercayaan kajian kualitatif boleh dilakukan dengan kaedah jejak audit. Bailey (2007) pula menyatakan bahawa penceritaan secara terperinci terhadap langkah-langkah yang dilalui oleh penyelidik dalam proses penyelidikan juga boleh menentukan kesahan dan kebolehpercayaan sesuatu kajian.

Penyelidik mengumpulkan setiap data yang direkodkan dengan jelas bertujuan untuk memudahkan penyelidik pada masa hadapan bagi menjelaki dan mendapatkan semula data asal. Proses jejak audit ini dapat meningkatkan kesahihan data dalam kajian ini selari dengan kenyataan Merriam (2009) iaitu pengurusan data secara sistematis dan beretika juga merupakan jejak audit. Menurutnya lagi, jejak audit merupakan proses yang menerangkan secara terperinci mengenai proses pengumpulan data, pengelasan kategori dan pembentukan keputusan melalui penyiasatan. Proses pengauditan data juga dikenali sebagai jejak audit. Tujuan pengauditan dilakukan adalah untuk memudahkan pencarian semula dan menjelaki peristiwa yang berlaku di

lokasi kajian dengan mudah. Dapatan yang diperoleh melalui proses ini dipercayai kesahihannya.

3.14 Analisis Cohen Kappa

Nilai pekali persetujuan Indeks Cohen Kappa diperoleh penyelidik untuk mengukuhkan lagi kebolehpercayaan data seperti yang disarankan oleh McHugh (2012). Persetujuan kod telah dibuat dengan bantuan dua orang pakar. Lampiran L menjelaskan kiraan persetujuan kod yang dibentuk oleh penyelidik. Jadual 3.7 menunjukkan skala persetujuan Cohen Kappa.

Jadual 3.7
Skala Persetujuan Cohen Kappa

Nilai Kappa	Tahap Persetujuan	% Data Bolehpercaya
0 - .20	Tiada	0 – 4%
.21 - .39	Minimum	4 – 15%
.40 - .59	Lemah	15 – 35%
.60 - .79	Sederhana	35 – 63%
.80 - .90	Kuat	64 – 81%
Above .90	Hampir Sempurna	82 – 100%

Sumber: *Interrater Reliability: The Kappa Statistic* (McHugh, 2012)

Perbandingan antara pengekod 1 dan pengekod 2 mencatatkan 61%. Hal ini bermakna kebolehpercayaan antara pengekod dalam proses pengekodan oleh penyelidik telah memenuhi keperluan nilai KAPPA minima yang sederhana iaitu (.60 - .79) (Lampiran L).

3.15 Kajian Rintis

Penyelidik menjalankan kajian rintis ke atas seorang peserta kajian. Peserta kajian yang dipilih merupakan seorang guru Pendidikan Moral di salah sebuah sekolah di Kuala Lumpur dan berkelulusan ijazah sarjana serta merupakan guru opsyen Pendidikan Moral (major). Pemilihan peserta kajian adalah berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan selari dengan objektif kajian ini dengan mengambil kira kesanggupan penyertaan peserta kajian secara sukarela.

Penyelidik meminta peserta kajian untuk memberikan komen terhadap item-item yang mengelirukan, perkataan yang sukar difahami, salah maksud (kabur) dan mencadangkan tempoh masa yang sesuai untuk temu bual pada satu-satu ketika. Perbincangan tentang dapatan kajian rintis telah dibuat oleh penyelidik dengan penyelia yang merupakan pakar dalam bidang Pendidikan Moral. Penyelia telah membantu membuat semakan dan penambahbaikan protokol temu bual serta protokol pemerhatian. Dapatan data kajian rintis ini tidak digunakan dalam hasil dapatan kajian sebenar.

Kajian rintis ini dijalankan oleh penyelidik dengan berpandukan kenyataan Edwin R. Van Teijlingen, dan Vanora Hundley (2001) yang menyatakan bahawa kajian rintis merupakan proses tinjauan kecil atau untuk tujuan eksperimen sebagai persiapan bagi kajian skala besar manakala objektif kedua adalah untuk menguji instrumen kajian. Di samping itu, kajian rintis dikendalikan oleh penyelidik bagi memantapkan penyediaan soalan dalam protokol temu bual (Jacob & Furgerson, 2012) selain memastikan isu atau permasalahan yang dikaji benar-benar wujud. Seterusnya, kajian rintis ini dijalankan oleh penyelidik untuk menentukan anggaran masa pentadbiran temu bual, kebolehpercayaan sesuatu item dan keupayaan peserta kajian memahami kehendak soalan selari dengan kenyataan Creswell (2014) bahawa sesuatu alat kajian dikatakan mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi sekiranya mendapat keputusan yang hampir sama setiap kali digunakan dalam situasi yang sama.

3.16 Etika Penyelidikan


Etika ialah elemen penting yang diberi perhatian oleh penyelidik dalam melaksanakan penyelidikan selari dengan kenyataan Creswell (2014) yang menyatakan bahawa isu-isu etika wujud sepanjang kajian ini dijalankan iaitu semasa pengumpulan data, analisis data dan penulisan laporan dapatan kajian. Penyelidik memastikan agar

peserta kajian dilindungi dari segi kerahsiaan maklumat, kuasa pilihan peserta kajian dalam keterlibatan kajian, penjelasan awal tentang kajian dan salah laku dalam kajian. Dengan merujuk kesemua aspek berkenaan, penyelidik:

- a. Berkongsi maklumat berhubung identiti dan latar belakangnya dengan peserta kajian.
- b. Tujuan dan prosedur kajian dijelaskan secara menyeluruh kepada peserta kajian.
- c. Menjalankan kajian rintis dan kajian sebenar dengan sekolah yang mendapat kelulusan daripada pengetua.
- d. Memastikan kajian tidak mengancam peserta kajian.
- e. Dapatan kajian dilaporkan secara jujur dan ikhlas.
- f. Maklumat mengenai kajian telah dijelaskan kepada peserta kajian dan memberi ruang kepada peserta kajian untuk memutuskan sama ada ingin menjadi peserta kajian ini atau tidak.
- g. Tiada sebarang unsur paksaan ke atas peserta kajian dan peserta kajian boleh menarik diri daripada penyelidikan ini pada bila-bila masa.
- h. Merahsiakan lokasi, nama sekolah, maklumat guru yang terlibat dalam kajian bagi menjaga kerahsiaan dan kehormatan peserta kajian. Data sebenar hanya boleh dilihat oleh penyelidik.
- i. Membincangkan data kajian hanya dengan penyelia sahaja.
- j. Persetujuan daripada peserta kajian diperoleh terlebih dahulu mengenai tarikh, masa dan lokasi temu bual, pemerhatian dan penelitian dokumen bagi mengelakkan sebarang tekanan dan ancaman kepada peserta kajian.

3.17 Kerangka Kajian

Penyelidik menggunakan tiga kaedah pengumpulan data iaitu temu bual, pemerhatian dan penelitian dokumen sepanjang proses pengumpulan data bagi pelaksanaan ALPdP Pendidikan Moral menengah rendah. Pengumpulan data memakan masa selama enam bulan. Rajah 3.4 merupakan ringkasan kajian yang dibincangkan dalam bab 3.



Rajah 3.4. Kerangka Kajian Pelaksanaan ALPdP Pendidikan Moral Sekolah Menengah

3.18 Kesimpulan

Bab ini membincangkan kesemua aspek metodologi dalam kajian ini. Antara aspek yang dibincangkan ialah konteks kajian dan lokasi kajian, rasional pemilihan guru Pendidikan Moral menengah rendah sebagai peserta kajian ini, pemilihan peserta kajian, penentuan bilangan peserta kajian, reka bentuk kajian, instrumen kajian, prosedur pengumpulan data, teknik pengumpulan data, pengurusan data, analisis data, kesahan dan kebolehpercayaan dalam kajian, analisis Cohen Kappa, kajian rintis, etika penyelidikan dan kerangka kajian.

Dalam bab seterusnya, data kualitatif dianalisis dengan menggunakan ATLAS.ti untuk membina tema dan subtema bagi persepsi guru, cabaran dan peluang serta sokongan yang diperoleh guru dalam pelaksanaan ALPdP Pendidikan Moral sekolah menengah.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Penyelidik melaporkan analisis data dan dapatan kajian dalam bab ini. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti persepsi guru Pendidikan Moral mengenai pelaksanaan ALPdP Pendidikan Moral menengah rendah. Seterusnya, penyelidik telah meneroka cabaran dan peluang guru Pendidikan Moral dalam pelaksanaan ALPdP. Akhir sekali, penyelidikan ini telah dijalankan bagi memahami sokongan yang diterima oleh guru Pendidikan Moral dalam pelaksanaan ALPdP Pendidikan Moral menengah rendah.

Protokol temu bual, pemerhatian dan penelitian dokumen digunakan oleh penyelidik dalam proses pengumpulan data untuk mengkaji pelaksanaan ALPdP Pendidikan Moral dalam kalangan guru Pendidikan Moral. Dapatan kajian yang diperoleh dalam kajian ini dilaporkan oleh penyelidik mengikut tema dengan menggunakan perisian ATLAS.ti. Dapatan kajian dilaporkan oleh penyelidik melalui 11 tema dan 20 subtema mengikut persoalan kajian. Bagi persoalan kajian yang pertama, tiga tema dan empat subtema telah dibina oleh penyelidik, enam tema dan 12 subtema bagi persoalan kajian kedua manakala bagi persoalan kajian yang ketiga pula sebanyak dua tema dan empat subtema dibentuk oleh penyelidik.

Peserta kajian dalam kajian ini terdiri daripada tujuh orang guru dari enam buah sekolah di sekitar Lembah Klang. Jadual 4.1 menjelaskan secara terperinci maklumat tentang peserta kajian penyelidikan ini. Maklumat tersebut dinyatakan dengan menggunakan identiti samaran guru dan nama samaran sekolah guru berkenaan selari dengan etika penyelidikan yang telah dijelaskan dalam Bab 3.


Jadual 4.1
Latar Belakang Peserta Kajian

Guru (Nama Samaran)	Sekolah (Nama Samaran)	Opsyen / Bukan opsyen Pendidikan Moral	Kelulusan akademik	Bangsa	Umur
Humie	Amanah	Bukan opsyen	Ijazah sarjana muda	Melayu	36
Aida	Amanah	Major Pendidikan Moral	Ijazah sarjana muda	Melayu	32
Mastura	Cemerlang	Major Pendidikan Moral	Ijazah sarjana	Melayu	35
Lim	Dedikasi	Bukan opsyen	Ijazah sarjana muda	Cina	35
Siti	Harapan	Major Pendidikan Moral	Ijazah sarjana muda	Melayu	32
Prema	Gigih	Minor Pendidikan Moral	Ijazah sarjana muda	India	50
Normiza	Usaha	Bukan opsyen	Ijazah sarjana muda	Melayu	29

4.2 Persepsi Guru mengenai Aktiviti di Luar Waktu Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Moral

Persoalan kajian yang pertama iaitu persepsi guru mengenai pelaksanaan ALPdP dibentangkan melalui domain penguasaan guru Pendidikan Moral menengah rendah. Dapatan dilaporkan dalam tiga kategori. Yang pertama dari segi kognitif guru mengenai ALPdP dilaporkan melalui dua subtema iaitu pemahaman guru yang kurang jelas dan penerimaan ALPdP yang kurang memberangsangkan dalam kalangan guru Pendidikan Moral menengah rendah. Seterusnya, dari segi emosi pula guru menyatakan bahawa kurang motivasi apabila ALPdP diperkenalkan dalam silibus Pendidikan Moral menengah rendah bermula tahun 2017. Akhir sekali, guru menyatakan bahawa ALPdP ini dilaksanakan secara paksaan bukannya secara sukarela


oleh guru Pendidikan Moral menengah rendah bagi merealisasikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Rajah 4.1 menunjukkan dapatan kajian mengenai persepsi guru Pendidikan Moral menengah rendah dalam pelaksanaan ALPdP.



Rajah 4.1. Persepsi Guru Pendidikan Moral Menengah Rendah dalam Pelaksanaan ALPdP

4.2.1 Kognitif

Pentafsiran guru mengenai ALPdP ini dibuktikan melalui hasil dapatan yang diperoleh penyelidik. Dapatan menunjukkan bahawa lima daripada tujuh orang guru Pendidikan Moral menengah rendah masih kurang jelas dengan pelaksanaan ALPdP manakala empat daripada tujuh orang guru Pendidikan Moral menengah rendah turut menyatakan bahawa penerimaan ALPdP ini kurang memberangsangkan dalam kalangan guru. Rajah 4.2 menunjukkan data mengenai perspektif guru tentang ALPdP dari segi kognitif secara terperinci.



Rajah 4.2. Perspektif Guru mengenai ALPdP dari Segi Kognitif

4.2.1.1 Kurang Jelas mengenai Pelaksanaan ALPdP

Kaedah pelaksanaan ALPdP masih menjadi persoalan utama dalam kalangan guru Pendidikan Moral menengah rendah. Berikut dilaporkan hasil dapatan kajian mengenai pemahaman guru dalam pelaksanaan ALPdP.

Humie dan Aida menyatakan bahawa mereka menerima maklumat daripada ketua panitia dan pentadbir bahawa ALPdP ini boleh dilaksanakan sama ada di dalam atau di luar bilik darjah. Pada masa yang sama, kedua-dua guru tersebut turut dimaklumkan bahawa ALPdP ini juga boleh digabungkan atau diselitkan dengan aktiviti sekolah sekiranya bersesuaian dengan topik pembelajaran Pendidikan Moral. Di samping itu, kedua-dua guru tersebut turut digalakkan untuk memberi penekanan kepada kepelbagaian aktiviti semasa pelaksanaan ALPdP.

Namun begitu, kedua-dua guru berkenaan masih menyatakan bahawa mereka kurang jelas dalam pelaksanaan ALPdP ini. Meskipun ALPdP ini dijalankan mengikut jadual yang ditetapkan oleh pihak sekolah namun kedua-dua guru tersebut masih kurang yakin sama ada pelaksanaan ALPdP ini berada di landasan yang betul atau tidak.

Humie: Saya sendiri macam kurang faham... apa aktiviti yang sepatutnya maksudnya macam memang 32 jam tu memang kena fokus kepada luar darjah ke... ataupun dalam bilik darjah pun kita boleh kira juga... yang itu saya tak pastilah... tapi setakat ini pihak sekolah cakap... tak semestinya semua dekat luar bilik darjah... macam dalam kelas pun boleh...

[SMKAmanah/H018/temubual/24.7.19]

Hasil pemerhatian mendapati bahawa guru melaksanakan aktiviti *urban farming* di luar kelas.

[SMKAmanah/*urbanfarming*/5.9.19]

Guru turut mengadakan aktiviti pidato dalam kelas dan aktiviti ini melibatkan semua murid Pendidikan Moral kelas yang diajar.

[SMKAmanah/failALPdP/17.4.19]

Aida: ... *so bila mengajar menengah rendah ni... dia rasa kelainanlah tambah-tambah sekarang dengan buat PLBD apa semua... lepas tu bila moral kita ada extra lagi 32 jam tu... itu jadikan kita mula-mula... eh macam mana ni nak buat ni macam beza dengan menengah atas dengan menengah rendahkan... so kita pun mula belajar sikit-sikitlah... nak buat macam mana apa semua dan arhhh benda ini sebenarnya kita slot... sama ada kita nak slot semasa pdp ataupun memang kita ambil dua waktu khas untuk kita terus buat aktiviti...*

[SMKAmanah/A002/temubual/24.7.19]

Guru menjalankan aktiviti melukis poster sebagai ALPdP. Aktiviti ini dipilih sebagai aktiviti pengukuhan dan pengayaan kepada murid. Aktiviti ini dijalankan di dalam bilik darjah berikutan masalah jerebu yang melanda negara.

[SMKAmanah/melukisposter/18.9.19]

Aktiviti seperti lakonan turut dijalankan oleh guru sebagai salah satu ALPdP. Pemilihan aktiviti bergantung kepada kesesuaian masa dan topik yang dipelajari.

[SMKAmanah/failALPdP/8.4.19]

Kepelbagaiannya aktiviti telah dirancang oleh kedua-dua guru dalam pelaksanaan ALPdP. Meskipun begitu, terdapat beberapa aktiviti yang dijalankan di dalam bilik darjah oleh kedua-dua guru berkenaan. Meskipun kedua-dua guru berkenaan menjalankan ALPdP mengikut arahan ketua panitia dan pentadbir namun ALPdP ini sepatutnya dijalankan di luar waktu sama ada sebelum atau selepas waktu persekolahan dengan mengambil kira sesi persekolahan serta perlu dijalankan di luar bilik darjah. Situasi sama turut dilaporkan di sekolah Normiza. Malangnya ketiga-tiga guru berkenaan tidak peka dengan pelaksanaan ALPdP yang sebenar. Hal ini jelas

membuktikan bahawa guru kurang jelas dalam pelaksanaan ALPdP ini dan hanya akur kepada arahan yang diturunkan oleh ketua panitia mahupun pentadbir sekolah.

Normiza: Mula-mula tu macam tak faham jugalah.. macam mana kena buatkan... arrhhh lepas tu masa awal tahun hari tu... macam KP dah cakap dah kita boleh... boleh *combine* dengan aktiviti sekolah semua rasa macam oklah.. tak beban sangatlah... kita nak fikir 32 jam tu...

[SMKUsaha/N038/temubual/19.6.19]

Normiza mengintegrasikan ALPdP dengan aktiviti sekolah. Aktiviti Sambutan Hari Raya telah dijadikan sebagai salah satu ALPdP. Murid Pendidikan Moral turut hadir untuk menyerikan sambutan Hari Raya yang diadakan pada cuti peristiwa sekolah berkenaan.

[SMKUsaha/sambutanraya/19.6.19]

Hasil semakan dokumen mendapati bahawa guru diberi informasi yang jelas oleh Ketua Panitia. Guru mengintegrasikan aktiviti seperti yang dibincangkan dalam mesyuarat panitia.

[SMKUsaha/minitmesyuarat/25.1.19]

Mastura dan Siti pula dimaklumkan untuk melakukan ALPdP mengikut kreativiti sendiri. Hasil temu bual bersama Mastura, penyelidik telah dimaklumkan oleh Mastura bahawa di sekolahnya pihak pentadbir tidak membenarkan guru untuk menggabungkan aktiviti sekolah dengan ALPdP. Oleh itu, ketetapan hari untuk melaksanakan ALPdP telah dibuat oleh pentadbir Mastura iaitu pada hari Khamis 1.55 tengah hari hingga 3.05 petang.

Mastura: Ok... sefaham saya arhhh Pendidikan Moral Luar Waktu (PMLW) ni... tidak boleh dijalankan sewaktu dalam pdpc... ok arhhh saya merasakan sebelum ini saya pun ingin buat arhhh seperti yang kita cakap tadilah... waktu perasmian bulan kemerdekaan sewaktu RIMUP kita nak jadikan itu sebagai satu nilai tambahlah untuk PMLW tapi rupanya arhhh perkara tu tak boleh dijalankan... maksudnya PMLW ni mesti pada hari Khamis dan pada waktu yang ditetapkan sahaja kerana telah di... telah sebab kita dah ada jadual yang tetap.

[SMKCemerlang/M034/temubual/21.8.19]

Tiada seorang pun murid yang *stayback* untuk ALPdP pada hari berkenaan. Memandangkan guru tersebut terlibat dengan mesyuarat bahas ala parlimen pada hari berkenaan dan SMK Amanah dilantik sebagai ahli jawatankuasa persiapan tempat maka guru merancang untuk melibatkan murid Pendidikan Moral dengan aktiviti tersebut. Namun tidak kesampaian apabila tiada seorang murid pun yang hadir untuk ALPdP.

[SMKCemerlang/pemerhatian/5.9.19]

Semakan dokumen mendapati bahawa ibu bapa memberikan surat tunjuk sebab kepada pihak sekolah sekiranya tidak dapat hadir ALPdP untuk tahun 2019.

[SMKCemerlang/suratketidakhadiran/17.1.19]

Penjadualan ALPdP selepas waktu persekolahan di sekolah Mastura adalah mengikut piawaian yang digariskan oleh KPM. Namun begitu, masih terdapat ketirisan maklumat apabila Mastura dihalang untuk menggabungkan ALPdP dengan aktiviti sekolah yang bersesuaian dengan mata pelajaran Pendidikan Moral adalah tidak wajar. Mastura boleh berbuat demikian seperti yang dilakukan oleh Humie, Aida dan Normiza sekiranya aktiviti sekolah bersesuaian dengan topik pembelajaran ALPdP Pendidikan Moral. Hal ini dapat menjimatkan masa, tenaga dan sumber kewangan.

Di sekolah Siti pula pelaksanaan ALPdP diserahkan sepenuhnya kepada guru berkenaan tanpa sebarang jadual atau peruntukan waktu yang tetap untuk pelaksanaan ALPdP. Siti juga menyatakan bahawa tidak menerima sebarang maklumat daripada ketua panitia mahupun pentadbir mengenai pelaksanaan ALPdP ini. Oleh itu, Siti perlu menjalankan ALPdP dengan mengambil inisiatif sendiri tanpa bantuan daripada pihak lain.

Siti: Sebab kita sendiri cikgu sendiri pun... arr kurang jelas.. dengan apa ni macam mana nak melaksanakan arr Pendidikan Moral di sekolah ini...

[SMKHarapan/S020/temubual/18.6.19]

Guru menjalankan aktiviti nyanyian koir sebagai sebahagian daripada ALPdP sempena bulan kemerdekaan. Guru menjalankan aktiviti ini semasa waktu pengajaran dan pembelajaran sesi persekolahan.

[SMKHarapan/latihankoir/27.8.19]

ALPdP tidak terdapat dalam jadual waktu sekolah sama ada semasa waktu PdP atau luar waktu PdP. Pelaksanaan ALPdP diserahkan sepenuhnya kepada Siti untuk memilih waktu pelaksanaan mengikut kelapangan Siti dan murid.

[SMKHarapan/jadualwaktu/27.9.19]

Hasil dapatan ini membuktikan bahawa masih berlaku ketirisan maklumat dalam kalangan guru Pendidikan Moral menengah rendah dalam pelaksanaan ALPdP. Hal ini demikian kerana makluman yang berbeza diterima daripada ketua panitia mahupun pentadbir dalam pelaksanaan ALPdP ini. Oleh itu, makluman yang disampaikan oleh ketua panitia kepada ahli panitia amat penting dalam memastikan ALPdP dapat dilaksanakan dengan baik serta sistematik.

4.2.1.2 Penerimaan ALPdP yang Kurang Memberangsangkan

dalam Kalangan Guru Pendidikan Moral Menengah

Rendah

Normiza menyatakan bahawa penerimaan ALPdP Pendidikan Moral kurang memberangsangkan dalam kalangan guru pada peringkat awal. Ironiknya, segelintir peserta kajian menyatakan bahawa pelaksanaan ALPdP ini kurang memberangsangkan dari peringkat awal pengenalan sehingga kini. Berikut merupakan luahan peserta kajian mengenai pelaksanaan ALPdP.

Normiza berasa ALPdP ini membebarkan apabila aktiviti ini mula diperkenalkan pada tahun 2017. Hal ini demikian kerana waktu pelaksanaan ALPdP ini tidak dinyatakan secara jelas dan terperinci oleh ketua panitia mahupun pentadbir pada peringkat awal. Namun begitu, lama kelamaan Normiza berasa ALPdP ini tidak lagi membebarkan apabila aktiviti ini telah dimasukkan dalam jadual waktu Normiza

bermula pada tahun 2019. Setelah dimasukkan dalam jadual waktu maka Normiza tidak perlu datang awal ke sekolah untuk melaksanakan ALPdP ini.

Normiza: Mula-mula tu memang rasa macam beban... mula-mula rasa macam tulah... tapi dah lama-lama ni rasa macam biasa dah...

[SMKUsaha/N074/temubual/19.6.19]

Bermula tahun 2019 ALPdP di sekolah Normiza dijalankan semasa waktu PdP sekolah. Guru diberi lima waktu dan bebas untuk memilih hari untuk pelaksanaan ALPdP selama dua waktu semasa waktu pengajaran dan pembelajaran.

[SMKUsaha/permainan/16.7.19]

Jumlah waktu mengajar Normiza 28 waktu seminggu termasuk ALPdP. Pada tahun 2018 ALPdP dijalankan oleh guru selepas menghabiskan silibus. Namun pada tahun 2019 setelah dimasukkan dalam jadual waktu pelaksanaan ALPdP lebih tersusun.

[SMKUsaha/jadualwaktu/16.7.19]

Situasi ini berbeza dengan Prema, Mastura dan Lim yang menjalankan ALPdP selepas waktu persekolahan sekiranya mengajar sesi pagi dan sebelum waktu persekolahan sekiranya mengajar sesi petang. Ketiga-tiga guru berkenaan melaksanakan ALPdP mengikut garis panduan KPM dan menyatakan bahawa ALPdP ini masih mengganggu kelangsungan aktiviti harian ketiga-tiga guru berkenaan meskipun telah dilaksanakan semenjak tahun 2017 hingga 2019.

Prema: ... *then* rasa macam beban sikit sekarang dah tiga tahun buat *so* macam dah sebahagian daripada tanggungjawab kita *so* perlu dijalankan dan ada juga arhhh kalau boleh... kalau benda tu tidak ada pun saya akan gembira (ketawa).

[SMKGigih/P074/temubual/18.7.19]

Guru menggabungkan ALPdP dengan aktiviti hari kemerdekaan yang dianjurkan oleh pihak sekolah.

[SMKGigih/melukiskolam/11.9.19]

Jumlah waktu mengajar Prema ialah 35 waktu termasuk ALPdP. Bagi subjek Sains Prema mengajar murid menengah atas dan terlibat dengan pelaksanaan eksperimen dan memerlukan perancangan awal sama seperti ALPdP.

[SMKGigih/jadualwaktu/26.7.19]

Mastura: saya harap PMLW ini... dia boleh dijalankan... tetapi mungkin kita dapat masukkan jadual tu di dalam jadual cikgu... bukannya di luar waktu... kerana saya fikir dia agak menjadi satu bebanlah kepada guru... kerana guru tersebut perlu... arhhh setiap minggu secara statik selama 32 minggu mesti pulang lebih lewat daripada guru lain... arhhh ok satu lagi... sekiranya cikgu tu... arhhh dia ajar moral tingkatan... menengah rendah... jadi maka cikgu tu setiap tahun dialah sahaja yang kena luar waktu... sepanjang tahun beberapa tahun... arhhh jadi saya ingat daripada segi... apa kebajikan guru tu pun kena ambil kiralah...

[SMKCemerlang/M086/temubual/21.8.19]

Mastura *stayback* dari pukul 1.55 tengah hari hingga 3.05 petang namun tidak nampak kelibat murid ALPdP.

[SMKCemerlang/pemerhatian/5.9.19]

ALPdP hanya dijalankan pada hari Khamis dari pukul 1.55 tengah hari hingga 3.05 petang untuk semua murid Pendidikan Moral menengah rendah. Oleh itu, guru Pendidikan Moral menengah rendah perlu *stayback* pada hari berkenaan sehingga pukul 3.05 petang meskipun tiada murid.

[SMKCemerlang/jadualwaktu/18.9.19]

Lim: *I find it very inconvenient because we have to take extra time to teach this... at first I was like wondering how am I going to slot in the time because the reality is teachers are so burden with so many things and arr moral is just one of the subjects and other subjects to teach as well and so it's a... it was a quite a burden...*

Saya berasa aktiviti ini sangat menyusahkan kerana kita perlu mengambil masa tambahan untuk mengajar ini ... pada awalnya saya tertanya-tanya bagaimana saya akan slotkan masa untuk aktiviti ini kerana realitinya guru-guru sangat dibebani dengan banyak perkara dan arr moral ini hanyalah satu subjek dan ada subjek lain lagi yang perlu diajar jadi... aktiviti ini agak membebankan...

[SMKDedikasi/L038/temubual/14.6.19]

Pelaksanaan aktiviti di luar waktu pengajaran dan pembelajaran dijalankan pada setiap hari Jumaat dan dihadiri oleh semua murid bukan Islam Tingkatan Satu dan Tingkatan Dua. Aktiviti ini dijalankan bermula dari awal tahun sehingga mencapai 32 jam seperti yang diperuntukan dalam pelaksanaan ALPdP. Lim agak terkejar-kejar ke sekolah dan tiba lambat sepuluh minit pada hari kejadian.

[SMKDedikasi/pemerhatian/14.6.19]

Lim hanya mengajar Pendidikan Moral untuk sebuah kelas Tingkatan Satu. Lim berasa terbeban kerana Lim terpaksa meluangkan masa tambahan untuk pelaksanaan ALPdP meskipun hanya mengajar satu kelas.

[SMKDedikasi/jadualwaktu/23.7.19]

Prema, Mastura dan Lim menyatakan dengan jelas bahawa ALPdP ini menyebabkan guru Pendidikan Moral menengah rendah terpaksa bekerja sebelum atau selepas waktu kerja. Hal ini menyebabkan guru yang sama terpaksa melalui situasi yang sama pada setiap tahun. Tatkala guru-guru lain boleh merancang rancangan pelajaran dan menyelesaikan hal-hal sekolah yang lain selepas waktu persekolahan namun guru Pendidikan Moral menengah rendah masih terikat dengan ALPdP.

Hal ini mewujudkan ketidakpuasan dalam kalangan guru Pendidikan Moral menengah rendah dan menyatakan bahawa sekiranya ALPdP ini ditarik balik guru akan berasa gembira. Meskipun begitu guru masih menyatakan bahawa sekiranya ALPdP ini ingin diteruskan boleh diselitkan dalam jadual waktu persekolahan semasa waktu pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral. Pengakuan Normiza mengenai ALPdP yang menyatakan bahawa pada peringkat awal pelaksanaan ALPdP Normiza berasa terbeban kerana ALPdP dilaksanakan di luar waktu. Namun bertukar menjadi kebiasaan apabila diselitkan dalam jadual waktu mungkin dapat dirasai oleh guru-guru Pendidikan Moral menengah rendah yang lain pada masa hadapan.

4.2.2 Emosi

Tiga daripada tujuh peserta kajian menyatakan kurang motivasi dalam pelaksanaan ALPdP. Perasaan terkejut menyelubungi peserta kajian. ALPdP ini membawa maksud dan pemahaman yang berbeza dalam kalangan guru Pendidikan Moral menengah rendah. Dapatan kajian yang terperinci telah dibentangkan oleh penyelidik.

4.2.2.1 Kurang Motivasi dengan Pengenalan ALPdP

Pada peringkat awal pengenalan ALPdP Pendidikan Moral, guru menyatakan bahawa kurang pasti dengan tujuan pelaksanaan ALPdP ini. Penjelasan peserta kajian mengenai ALPdP ini membuktikan wujud kelompongan pemahaman guru Pendidikan Moral menengah rendah dalam pelaksanaan ALPdP.

Lim: *I was wondering why do we need 32 hours but actually I think we can actually finish the syllabus within the time table given and I was a bit surprise....*

Saya tertanya-tanya mengapa kita memerlukan 32 jam tetapi sebenarnya saya fikir kita sebenarnya dapat menghabiskan sukanan pelajaran dalam jadual waktu yang diberikan dan saya agak terkejut....

[SMKDedikasi/L028/temubual/14.6.19]

Lim sentiasa bersedia untuk menghulurkan bantuan namun masih belum mampu melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran di luar waktu secara individu. Lim mengambil langkah mudah dengan mengikuti ALPdP yang dikendalikan oleh guru Pendidikan Moral yang lain.

[SMKDedikasi/pemerhatian/14.6.19]

Tiada sebarang catatan dilakukan oleh Lim mengenai ALPdP. Semakan RPH juga mendapati RPH hanya ditulis untuk pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah dan tiada sebarang catatan mengenai ALPdP dalam RPH mahupun fail yang berasingan.

[SMKDedikasi/ RPH/3.9.19]

Siti: Arrr agak terkejut... sebab arr sampai 32 jam...jadi saya rasa 32 jam tu terlalu maksudnya apa... lama untuk setahun kan...

[SMKHarapan/S032/temubual/18.6.19]

Meskipun ALPdP sepatutnya dilakukan di luar waktu pdp namun Siti masih menjalankan aktiviti latihan nyanyian koir semasa waktu PdP dari pukul 5.55 petang hingga 6.50 petang.

[SMKHarapan/latihankoir/27.8.19]

Guru menyediakan RPH seperti biasa untuk PdP dalam bilik darjah namun menggunakan waktu PdP untuk latihan koir dan menyatakan perkara tersebut dalam ruangan refleksi RPH.

[SMKHarapan/RPH/27.8.19]

Lim dan Siti menyuarakan pendapat yang hampir sama apabila menyatakan bahawa silibus Pendidikan Moral mampu dihabiskan tanpa penambahan 32 jam ALPdP ini. Siti pula menekankan bahawa 32 jam ini merupakan jangka masa yang lama untuk tempoh setahun. Hal ini jelas membuktikan bahawa konsep pengenalan ALPdP ini masih kurang jelas dalam kalangan guru Pendidikan Moral menengah rendah. Pengenalan ALPdP ini bukanlah untuk menghabiskan silibus Pendidikan Moral tetapi merupakan susulan aktiviti yang mampu merangsang domain penaakulan moral, emosi moral dan perlakuan moral murid bagi membentuk murid secara holistik. Bukan itu sahaja malah Lim dan Siti tidak membuat sebarang perekodan ALPdP yang telah dilaksanakan sejak bulan Januari 2019. Lim dan Siti tidak peka dengan tujuan dan pelaksanaan ALPdP yang diperkenalkan oleh KPM.

Prema pula berasa kurang motivasi untuk menjalankan ALPdP selepas waktu persekolahan kerana Prema terikat dengan tanggungjawab lain. Prema merupakan penolong ketua disiplin di sekolahnya. Oleh itu, selepas waktu persekolahan Prema akan menguruskan laporan disiplin pada hari berkenaan. Murid sering mencari Prema untuk menuntut barang yang hilang pada hari berkenaan dan ini sedikit sebanyak mengganggu perjalanan ALPdP yang dikendalikan oleh Prema bersama murid Pendidikan Moral menengah rendah.

Prema: Terkejut.

[SMKGigih/P046/temubual/18.7.19]

Sebab kena buat... lepas sekolahlah yang kita boleh buat banyak kerja sekolah... ini kita tengah..kena... kena tengah *continue* mengajar... kena fikirkan aktiviti... kena fikirkan aktiviti itu yang payah... *alright*... kena fikir aktiviti semasa mengajar silibus DSKP *and then* nak fikir aktiviti selepas itu pula *so* susah sikit... *alright* masa satu jam banyak benda boleh dibuat.

[SMKGigih/P048/temubual/18.7.19]

Prema sibuk dengan urusan disiplin murid di SMK Gigih setelah tamat waktu persekolahan. Pemerhatian selepas waktu persekolahan mendapati bahawa Prema sering dikunjungi oleh murid untuk tujuan disiplin mahupun untuk menuntut barang yang hilang.

[SMKGigih/pemerhatian/18.7.19]

Prema merupakan penolong guru disiplin di SMK Gigih. Pengenalan ALPdP selepas waktu PdP mengganggu rutin Prema selaku guru disiplin.

[SMKGigih/bukupengurusan/26.7.19]

Persekutaran sekolah dan skop tugas guru turut menjadi pendorong motivasi guru dalam pelaksanaan ALPdP ini. Sekiranya guru dibebani dengan tugas lain selepas waktu persekolahan bermakna guru Pendidikan Moral menengah rendah berasa tertekan dan menyebabkan kurang motivasi untuk menjalankan ALPdP ini.

4.2.3 Tindakan

Empat daripada tujuh orang guru Pendidikan Moral Tingkatan Satu, Tingkatan Dua dan Tingkatan Tiga menerima ALPdP secara terbuka kerana aktiviti ini merupakan sebahagian daripada tanggungjawab sebagai seorang guru Pendidikan Moral menengah rendah.

4.2.3.1 Guru Pendidikan Moral Menengah Rendah Kurang

Menjiwai ALPdP

Guru Pendidikan Moral menengah rendah akur dengan arahan yang diturunkan oleh KPM dan menjalankan ALPdP ini sebaik mungkin mengikut pemahaman pelaksana. Kempat-empat peserta kajian menyatakan bahawa pelaksanaan ALPdP merupakan tanggungjawab guru sebagai pendidik dan perlu digalas untuk menyempurnakan pelaksanaan ALPdP.

Dapatan tersebut menunjukkan kesediaan peserta kajian dalam pembaharuan yang telah dilaksanakan dan akur akan keputusan tersebut sama ada secara sukarela atau sebaliknya. Peserta kajian sedia maklum bahawa pembaharuan

yang diperkenalkan harus dilaksanakan dan diterima secara terbuka bagi memastikan kelangsungan sistem pendidikan amnya dan Pendidikan Moral khususnya.

Keempat-empat guru Pendidikan Moral menengah rendah menjalankan ALPdP yang telah digariskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Namun begitu, melalui dapatan yang diperoleh penyelidik mendapati bahawa di sekolah Humie dan Aida ALPdP telah dimasukkan dalam jadual waktu persekolahan. Maka jumlah waktu Pendidikan Moral adalah selama enam waktu seminggu termasuk dua waktu pertama pada setiap hari Jumaat yang merupakan waktu program nilam di sekolah berkenaan. Guru Pendidikan Moral menengah rendah diberi kelonggaran untuk menjalankan ALPdP pada waktu program nilam. Kelonggaran ini diberi oleh pentadbir kepada guru Pendidikan Moral menengah rendah agar guru dan murid tidak perlu *stayback* selepas waktu persekolahan.

Humie: kalau kata suruh buat tu kita akan buatlah...

[SMKAmanah/H020/temubual/24.7.19]

Guru menjalankan ALPdP seperti yang dijadualkan. Dapatan ini diperoleh melalui pemerhatian ALPdP yang dilakukan pada hari Khamis pukul 7.30 pagi hingga 8.30 pagi.

[SMKAmanah/urbanfarming/5.9.19]

Di SMK Amanah ALPdP dimasukkan dalam jadual waktu pdp guru Pendidikan Moral menengah rendah. Oleh itu, guru menjalankan ALPdP semasa waktu persekolahan.

[SMKAmanah/jadualwaktu/24.7.19]

Aida: Kita memang kena sentiasa bersedia... terima apa saja.. macam bila ada benda baru kita kena cari... apa kita kena buat... apa... maknanya kita bukan alah taknaklah...kita tak boleh mengeluhlah... maknanya sentiasa kena bersedia... apa perubahan pun kita ikut jelah...

[SMKAmanah/A034/temubual/24.7.19]

Guru sentiasa bersedia dan menyediakan RPH sebelum menjalankan ALPdP. Guru juga membawa fail ALPdP yang mengandungi laporan semua aktiviti yang telah dijalankan pada tahun 2019. Sepanjang aktiviti guru mengambil gambar untuk dilaporkan setelah selesai ALPdP.

[SMKAmanah/melukisposter/18.9.19]

Fail ALPdP disediakan oleh guru mengikut tingkatan. Setiap fail ALPdP mengandungi tiga perkara iaitu RPH, laporan ringkas mengenai ALPdP dan gambar aktiviti. Fail ini dibawa bersama guru semasa ALPdP dijalankan.

[SMKAmanah/failALPdP/18.9.19]

Di sekolah Prema dan Lim ALPdP dijalankan sebelum atau selepas waktu pengajaran dan pembelajaran (PdP) formal. Namun begitu, sekolah Prema telah memasukkan waktu pelaksanaan ALPdP yang dijalankan selepas waktu PdP sebagai waktu mengajar guru manakala dalam jadual waktu Lim pula tiada sebarang maklumat mengenai ALPdP dan ALPdP tidak diambil kira sebagai waktu mengajar guru.

Lim: *I just follow orders... if the schools want me help to conduct this and I will just do it.*

Saya mengikut arahan... sekiranya sekolah hendak saya menjalankan ini... saya akan buat.

[SMKDedikasi/L036/temubual/14.6.19]

Lim bersama-sama dua orang rakan guru Pendidikan Moral datang awal ke sekolah pada hari Jumaat untuk melaksanakan ALPdP iaitu pada pukul 1.20 tengah hari – 2.00 petang di pusat sumber sekolah.

[SMKDedikasi/sumbangsaran/14.6.19]

ALPdP tidak dimasukkan dalam sistem jadual SMK Dedikasi. Guru perlu hadir awal pada hari Jumaat untuk menjalankan aktiviti ini untuk melengkapkan 32 jam pelaksanaan ALPdP.

[SMKDedikasi/jadualwaktu/2.8.19]

Prema: Kita terima sahaja kan... kita semuanya menurut perintah.

[SMKGigih/P036/temubual/18.7.19]

Prema menjalankan ALPdP pada setiap hari Selasa pada pukul 1.50 petang hingga 2.50 petang manakala pada hari Jumaat dari pukul 12.20 tengah hari hingga 1.20 petang.

[SMKGigih/pemerhatian/6.9.19]

Semakan dokumen mendapati bahawa ALPdP dimasukkan dalam sistem jadual waktu Prema dan dikira sebagai waktu mengajar seperti yang disarankan oleh KPM.


[SMKGigih/jadualwaktu/26.7.19]

Tiga situasi telah dilaporkan melalui hasil dapatan kajian ini. Pentadbir sekolah Humie dan Aida telah menyelitkan ALPdP dalam jadual waktu persekolahan harian. Bukan itu sahaja malah kelonggaran telah diberikan kepada guru Pendidikan Moral menengah rendah untuk menggunakan waktu program nilam sekiranya ingin melaksanakan ALPdP. Di sekolah Prema pula pelaksanaan ALPdP dilaksanakan di luar waktu dan masih diambil kira sebagai waktu mengajar guru manakala Lim pula perlu hadir awal ke sekolah pada setiap hari Jumaat tetapi waktu pelaksanaan ALPdP tidak diambil kira sebagai waktu mengajar Lim. Pelaksanaan ALPdP ini membuktikan bahawa guru Pendidikan Moral menengah rendah melaksanakan ALPdP bagi memenuhi arahan KPM semata-mata tanpa mengetahui pekeliling sebenar pelaksanaan ALPdP dan kurang menjiwai dan menghayati ALPdP ini.

4.3 Cabaran dan Peluang dalam Pelaksanaan Aktiviti di Luar Waktu

Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Moral

Cabaran dan peluang dalam pelaksanaan ALPdP adalah seperti dalam Rajah 4.3.




Rajah 4.3. Cabaran dan Peluang dalam Pelaksanaan ALPdP

4.4 Cabaran dalam Pelaksanaan Aktiviti di Luar Waktu Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Moral

Dapatan mengenai cabaran pelaksanaan ALPdP Pendidikan Moral dilaporkan melalui tiga tema dan tujuh subtema. Tema pertama adalah iklim sekolah diikuti dengan guru sebagai agen pelaksana dan sikap murid dalam kelangsungan ALPdP.

4.4.1 Iklim Sekolah

Iklim sekolah memainkan peranan penting dalam kelangsungan ALPdP. Dapatan kajian membuktikan bahawa masih berlaku isu kekurangan tenaga pengajar di sekolah dan kekangan kewangan dalam pelaksanaan ALPdP. Kedua-dua subtema ini telah dilaporkan dengan lebih mendalam menerusi penulisan seterusnya. Rajah 4.4 menunjukkan cabaran yang dihadapi oleh guru disebabkan iklim sekolah.



Rajah 4.4. Iklim Sekolah sebagai Cabaran dalam Pelaksanaan ALPdP

4.4.1.1 Kekurangan Tenaga Pengajar di Sekolah

Guru dari SMK Amanah menyatakan bahawa memandangkan salah seorang pentadbir merupakan guru Pendidikan Moral maka kelangsungan ALPdP Pendidikan Moral dititikberatkan di sekolah berkenaan manakala guru dari SMK Harapan pula menyatakan bahawa peserta kajian hanya mula mengajar Pendidikan Moral pada tahun 2019 meskipun major guru berkenaan adalah subjek Pendidikan Moral. Hal ini demikian kerana pentadbir sekolah terlepas pandang major guru berkenaan dari mula penempatan iaitu pada tahun 2012 sehingga tahun 2018 yang menyebabkan guru berkenaan hanya mengajar subjek minor sepenuhnya. Guru dari SMK Harapan, SMK Usaha dan SMK Gigih tidak mempunyai sebarang masalah

kekurangan tenaga pengajar. Meskipun guru dari SMK Usaha bukan guru opsyen Pendidikan Moral namun kesungguhan dalam pelaksanaan ALPdP guru berkenaan amat mengagumkan.

Isu kekurangan guru Pendidikan Moral masih berlaku di sekolah menengah. Guru dari SMK Harapan, SMK Gigih, SMK Usaha dan SMK Amanah pada tahun ini bersyukur kerana masih mengajar Pendidikan Moral seperti tahun sebelumnya. Situasi ini berbeza di SMK Cemerlang dan SMK Dedikasi. Guru di SMK Cemerlang dan SMK Dedikasi mengajar Pendidikan Moral untuk mencukupkan bilangan waktu mengajar. Guru SMK Cemerlang menyatakan bahawa terdapat segelintir guru yang diminta untuk mengendalikan ALPdP selama dua waktu seminggu semata-mata untuk mencukupkan waktu mengajar. Guru berkenaan hanya mengawasi murid semasa pelaksanaan ALPdP dan tidak mengajar Pendidikan Moral secara langsung. Lim dari SMK Dedikasi turut menyatakan bahawa subjek Pendidikan Moral diberi kepadanya untuk mencukupkan jadual atau sekiranya terdapat guru yang cuti bersalin. Berikut merupakan petikan temu bual bersama Mastura dan Lim.

Mastura: ...ada juga cikgu yang bukan opsyen ada juga cikgu yang kategori tak cukup masa dalam jadual waktu jadi ditarik untuk memenuhi keperluan PMLW ini...
[SMKCemerlang/M056/temubual/21.8.19]

Hasil pemerhatian pelaksanaan ALPdP yang dijalankan di SMK Cemerlang mendapati bahawa guru Pendidikan Moral yang mengendalikan ALPdP gemar memilih aktiviti yang selari dengan kepakaran guru tersebut. Contohnya, aktiviti permainan dijalankan oleh guru Pendidikan Jasmani yang mengendalikan ALPdP.

[SMKCemerlang/pemerhatian/5.9.19]

Secara keseluruhan empat orang guru mengajar Pendidikan Moral menengah rendah untuk murid Tingkatan Satu hingga Tingkatan Tiga manakala untuk ALPdP seramai enam orang guru terlibat secara langsung. Dua daripada enam orang guru yang mengendalikan ALPdP hanya ‘tangkap muat’ untuk mencukupkan bilangan waktu mengajar meskipun kedua-dua guru berkenaan tidak mengajar Pendidikan Moral dalam kelas.

[SMKCemerlang/dataguru/18.9.19]

Lim: ... *for us in the afternoon we only have three moral teachers and with so many students (ketawa) we can't conduct like a big scale activity that requires all those kind of thing, application and all that... unless we have more man power (ketawa)... and with the limited man power that we have... we just do whatever we can and also because we are also board down with so many other things...*

... bagi kami di sesi petang... kami hanya terdiri daripada tiga orang guru moral berbanding bilangan murid yang ramai (ketawa) kami tidak dapat mengendalikan aktiviti mega yang melibatkan kelulusan dan sebagainya..melainkan kami mempunyai tenaga pengajar yang mencukupi (ketawa) dengan bilangan guru yang terhad... kami melakukan mengikut kemampuan kami... kerana kami sudah dibebani dengan banyak lagi perkara lain...

[SMKDedikasi/L060/temubual/14.6.19]

Kekurangan guru Pendidikan Moral menyebabkan Lim dan rakan guru Pendidikan Moral menjalankan aktiviti dalam bilik khas. ALPdP masih berkonsepkan PdP sehalia kerana pelibatan murid sangat terhad dan aktiviti yang dijalankan seolah-olah PdP dalam bilik darjah.

[SMKDedikasi/pemerhatian/14.6.19]

Hanya tiga orang guru Pendidikan Moral menengah rendah yang mengendalikan murid Tingkatan Satu dan Tingkatan Dua yang terdiri daripada 177 orang murid bukan Islam. Kekurangan tenaga pengajar membantuutkan pelaksanaan aktiviti secara sistematik dan berkesan.

[SMKDedikasi/enrolmen/2.8.19]

Hasil pemerhatian dan semakan dokumen mendapati bahawa di sekolah Mastura terdapat guru yang hanya ditugaskan untuk melaksanakan ALPdP pada hari Khamis selama sejam untuk mencukupkan waktu mengajar. Guru yang mengendalikan ALPdP ini tidak mengajar Pendidikan Moral untuk mana-mana kelas tetapi hanya mengendalikan ALPdP pada setiap hari Khamis.

Di SMK Dedikasi pula kesemua guru Pendidikan Moral menengah rendah iaitu seramai tiga orang guru bersama-sama mengendalikan ALPdP pada setiap minggu. Meskipun kesemua guru Pendidikan Moral terlibat dalam pelaksanaan ALPdP namun bilangan guru yang sedikit agak sukar untuk mentadbir aktiviti yang menarik bagi murid. Pada hari pemerhatian ALPdP dibuat di sekolah berkenaan murid

diajar seperti biasa di dalam bilik khas di pusat sumber. Hasil pemerhatian mendapati bahawa aktiviti berkenaan kurang berorientasikan murid. Kebanyakan ALPdP dijalankan di pusat sumber sekolah berkenaan. Hasil penelitian dokumen mendapati ketiga-tiga guru berkenaan mengambil inisiatif untuk menjalankan aktiviti yang melibatkan pihak luar apabila mendapat kerjasama daripada kesemua guru bukan Islam semasa aktiviti kerohanian.

Di samping itu, Lim turut mengutarakan kekurangan guru opsyen Pendidikan Moral di sekolahnya turut mengganggu kelangsungan ALPdP ini. Hal ini demikian kerana setiap kali guru Pendidikan Moral tidak mencukupi Lim terpaksa menjadi pengganti. Ketiga-tiga orang guru yang mengendalikan ALPdP di sekolahnya merupakan guru bukan opsyen Pendidikan Moral. Lim lebih berminat untuk mengajar subjek major atau minor yang diajar kini berbanding dengan subjek Pendidikan Moral. Pengetahuan Lim berkaitan Pendidikan Moral seperti DSKP dan ALPdP adalah terhad. Lim memerlukan bantuan daripada guru Pendidikan Moral yang lain dalam pengendalian ALPdP. Dalam hal ini Lim amat bernasib baik kerana ALPdP di sekolahnya dijalankan serentak dengan menggabungkan kesemua murid Tingkatan Satu dan Tingkatan Dua. Ini sedikit sebanyak memberi ruang kepada Lim untuk mempelajari cara pelaksanaan ALPdP daripada rakan guru senior yang lain.

Lim: *I would say experience in this to actually teach moral instead of a letting teachers who are not experience or not a well-verses in moral to teach moral...*

Saya rasa guru berpengalaman perlu mengajar Pendidikan Moral berbanding membiarkan guru tidak berpengalaman atau guru yang mempunyai ilmu mengenai moral untuk mengajar Pendidikan Moral...

[SMKDedikasi/L026/temubual/14.6.19]

Lim bertindak sebagai pelengkap kepada guru lain dalam pelaksanaan ALPdP. Lim menghulurkan bantuan sekiranya perlu dan berada di tempat pelaksanaan ALPdP sepanjang masa.

[SMKDedikasi/pemerhatian/14.6.19]

Ketiga-tiga orang guru Pendidikan Moral termasuk Lim merupakan guru bukan opsyen yang melaksanakan ALPdP ini.

[SMKDedikasi/dataguru/27.5.19]

Hasil dapatan kajian mendapati bahawa tiga daripada tujuh orang guru merupakan guru bukan opsyen Pendidikan Moral yang mengendalikan ALPdP di sekolah. Humie, Lim dan Normiza tidak mendapat latihan khas semasa pengajian di universiti dalam bidang Pendidikan Moral memandangkan ketiga-tiga orang guru berkenaan bukan guru opsyen Pendidikan Moral. Namun begitu, hasil dapatan jelas menunjukkan bahawa pemahaman guru dalam kelangsungan sesuatu kurikulum sangat penting. Hal ini demikian kerana guru Humie, Lim dan Normiza cuba mengendalikan ALPdP sebaik mungkin jika dibandingkan dengan Siti yang merupakan guru opsyen major Pendidikan Moral tetapi tidak menjalankan sebarang ALPdP sejak bulan Januari hingga Jun 2019.

4.4.2 Kekangan Kewangan

Dua daripada tujuh orang guru menyatakan bahawa cabaran dalam pelaksanaan ALPdP ini adalah peruntukan kewangan yang terhad ataupun langsung tiada peruntukan kewangan. Menurut peserta kajian peruntukan kewangan yang diperoleh setakat ini adalah daripada pihak sekolah, panitia Pendidikan Moral, kutipan duit daripada murid dan duit guru itu sendiri. Ironiknya, guru dari SMK Amanah menyatakan bahawa tiada sebarang masalah untuk mendapatkan peralatan yang diperlukan bagi menjalankan ALPdP ini.

Hal ini demikian kerana sekolah tersebut merupakan sekolah transformasi dan mempunyai peruntukan kewangan yang mencukupi untuk penggunaan peralatan yang diperlukan setakat ini manakala guru dari SMK Dedikasi pula menyatakan bahawa beliau kurang arif tentang peruntukan kewangan kerana peruntukan kewangan diuruskan sepenuhnya oleh ketua panitia. Guru dari SMK Gigih tidak menyatakan

sebarang masalah kewangan memandangkan bilangan murid Pendidikan Moral yang sedikit iaitu Tingkatan Satu seramai tiga orang murid, Tingkatan Dua dan Tingkatan Tiga masing-masing terdiri daripada seorang murid.

Siti: Ok... mungkin arr dari segi kewangan... arr maksudnya kita nak jalankan aktiviti kadang-kadang ada memerlukan kewangan kan.. jadi kita takde maksudnya... sokongan daripada badan-badan tertentu ke... daripada pihak sekolah ke..arr takde maksudnya... itu semua cikgu tu sendiri...

[SMKHarapan/S096/temubual/18.6.19]

Arhhh... itu pun salah satu kekangan jugalah... sebab yelah kita cikgu bukan setakat untuk aktiviti ini kan banyak lagi nak keluarkan duit sendiri...

[SMKHarapan/S150/temubual/18.6.19]

Peralatan yang dibeli oleh Siti bagi aktiviti hiasan kelas merupakan duit hasil kutipan daripada murid.

[SMKHarapan/menghiaskelas/19.8.19]

Jumlah perbelanjaan yang dilakukan untuk tujuan menghias kelas sempena bulan patriotik ialah sebanyak RM 15.38

[SMKHarapan/resit/17.8.19]

Normiza: Inisiatif cikgulah... kadang-kadang cikgu yang kena beli...

[SMKUsaha/N184/temubual/19.6.19]

Arhhh... cikgu yang kena keluarkan duit sendiri..

[SMKUsaha/N186/temubual/19.6.19]

Normiza meminimakan kos dalam pelaksanaan ALPdP dengan bekerjasama dengan guru unit sukan untuk menjalankan aktiviti permainan.

[SMKUsaha/permainan/16.7.19]

Normiza menyediakan kertas A4 dan mencetak bahan origami dengan menggunakan duit sendiri untuk ALPdP bagi unit 10: Konflik Identiti Diri.


[SMKUsaha/aktivitiorigami/24.7.19]

Dapatan data menunjukkan bahawa masih terdapat segelintir guru dan murid yang mengeluarkan duit sendiri untuk memastikan kelangsungan ALPdP dan seterusnya mencapai objektif pembelajaran. Meskipun terdapat halangan dalam

pelaksanaan ALPdP namun inisiatif yang ditunjukkan oleh guru dalam kelangsungan aktiviti ini amat memberangsangkan.

4.5 Guru sebagai Agen Pelaksana ALPdP

Guru bertindak sebagai agen pelaksana dalam ALPdP. Kelangsungan dan keberkesanan ALPdP terletak pada bahu warga pendidik yang mengajar Pendidikan Moral menengah rendah. Guru sebagai agen pelaksana ALPdP dikenal pasti sebagai tema kedua dalam menjawab persoalan kajian mengenai cabaran pelaksanaan ALPdP. Guru cuba menunjukkan komitmen dalam pelaksanaan ALPdP namun guru Pendidikan Moral menyatakan bahawa masih memerlukan panduan dan pendedahan yang terperinci mengenai pelaksanaan ALPdP. Di samping itu, peserta kajian turut menyatakan kesukaran kawalan kelas yang dihadapi semasa pelaksanaan ALPdP. Rajah 4.5 menunjukkan cabaran yang dihadapi oleh guru sebagai agen pelaksana ALPdP.



Rajah 4.5. Guru sebagai Agen Pelaksana ALPdP

4.5.1 Kurang Pendedahan mengenai ALPdP

Empat daripada tujuh orang peserta kajian menyatakan bahawa kurang pendedahan mengenai ALPdP menyukarkan pelaksanaan ALPdP. Peserta kajian berpendapat bahawa kursus mengenai ALPdP tidak melibatkan peserta kajian. Hanya ketua panitia Pendidikan Moral yang dipanggil untuk menghadiri kursus berkenaan meskipun terdapat situasi ketua panitia tidak mengajar murid Pendidikan Moral menengah rendah. Oleh itu, guru Pendidikan Moral yang mengajar menengah rendah terpaksa mencari maklumat mengenai ALPdP daripada sumber lain sekiranya kurang

jelas dengan taklimat yang disampaikan oleh ketua panitia. Berikut merupakan petikan dialog peserta kajian mengenai tema ini.

Aida: ...cabaran dia sebab kita memang *zero*... tak tahu apa-apa so kita kena cari ilmu... apa yang kita kena buat... dan memang kena *share* antara rakan-rakanlah... selalu bertanyalah...

[SMK Amanah/A044/temubual/24.7.19]

Aida menjalankan ALPdP berdasarkan hasil perbincangan yang dilakukan bersama guru Pendidikan Moral lain sama ada secara maya atau bersemuka.

[SMK Amanah/pemerhatian/18.9.19]

Hasil sumbang saran yang dilakukan oleh guru Pendidikan Moral membantu Aida untuk melaksanakan ALPdP. Aktiviti pidato dijalankan oleh Aida bagi murid Tingkatan Satu dan Tingkatan Tiga dengan mengambil kira tahap penguasaan murid.

[SMK Amanah/RPH/22.3.19]

Mastura: ... sebab arhhh kita tidak diberi satu modul ataupun satu arrr satu panduanlah untuk kita laksanakan PMLW...

[SMK Cemerlang/M002/temubual/21.8.19]

Entahlah saya rasa macam... kita...kita tak... tak apa ye... macam tak jelas apa... apa kalau kita buat satu perkara ada objektif... kita ada tujuan... kita ada misi... kita ada visi tapi untuk PMLW ni cikgu teraba-raba... tercari-cari sebenarnya apa... sebenarnya apa? ... tapi kalau PMLW ni... cikgu sendiri pun nak buat apa...ok cikgu boleh buatlah... arhhh apa yang cikgu mampu... apa yang cikgu rasa boleh... tapi untuk dapat satu pencapaian... kepuasan itu saya ingat bagi sayalah takdelah... saya... cikgu lain tak tuluhlah... (ketawa)

[SMK Cemerlang/M064/temubual/21.8.19]

Meskipun Mastura dan rakan-rakan guru SMK Cemerlang menjalankan ALPdP seperti yang dijadualkan oleh pihak sekolah namun kekeliruan mengenai betul atau tidak pelaksanaan ALPdP yang dijalankan masih wujud dalam diri Mastura.

[SMK Cemerlang/pemerhatian/5.9.19]

Antara aktiviti yang dilaporkan dalam fail ALPdP ialah perkongsian ilmu mengenai tradisi kekeluargaan, tayangan filem inspirasi moral, bimbingan penyediaan folio kerja amal, ceramah Pendidikan Moral, permainan tradisional, ulangkaji kendiri, penghasilan kad ucapan, perbincangan masalah kendiri, soal jawab mengenai masa depan murid, ulangkaji subjek selain Pendidikan Moral bersama guru subjek lain dan lakonan masalah sosial.

[SMKCEmerlang/failALPdP/18.7.19]

Siti: Saya rasa... saya rasa memang perlu.. memang perlu kursus ini maksudnya... panggil semua cikgu-cikgu Moral kita akan diberi betul-betul pendedahan dan fahamkan.. ermm macam mana pelaksanaan Pendidikan Moral ini sebenarnya...

[SMKHarapan/S020/temubual/18.6.19]

... dan err cikgu tu betul-betul diberi pendedahan dan dia *clear* apa sebenarnya dia nak buat dengan... dengan masa 32 jam tu maksudnya...

[SMKHarapan/S040/temubual/18.6.19]

Meskipun ALPdP di sekolah Siti sepatutnya dijalankan di luar waktu PdP namun Siti menyelitkan ALPdP semasa waktu persekolahan.

[SMKHarapan/menghiaskelas/19.8.19]

Setakat ini semakan dokumen mendapati bahawa tiada sebarang rekod ALPdP namun guru menyatakan aktiviti menghias kelas dan nyanyian lagu patriotik diambil kira sebagai ALPdP.

[SMKHarapan/RPH/19.8.19]

Normiza: Ok... arhhh boleh juga bagi cadangan untuk semua cikgu yang mengajar Moral ke pergi taklimat tu... arhh mungkin kalau macam.. ni kan seorang KP je kan yang pergi kan... arhh kadang-kadang arhh maklumat yang dia dapat tu.. macam tak sepenuhnya lah kot... kalau semua pergi.. mungkin yang ini dia faham yang ini... yang itu faham yang itu... balik tu kita boleh bincang balik...

[SMKUsaha/N020/temubual/19.6.19]

... oklah sebenarnya... tapi macam kena dapatkan taklimat yang lebih *detail*.. lebih jelas...

[SMKUsaha/N056/temubual/19.6.19]

Normiza menyediakan RPH secara berasingan untuk ALPdP dan dibawa bersama semasa ALPdP dijalankan olehnya.

[SMKUsaha/pemerhatian/16.7.19]

Normiza turut meminta murid untuk menyenaraikan ALPdP yang telah dijalankan sepanjang tahun dan menampal hasil kerja murid dalam buku latihan.

[SMKUsaha/indeksALPdP/16.7.19]

Dapatkan data yang diperoleh menunjukkan cabaran yang dihadapi oleh guru disebabkan kurang pendedahan mengenai pelaksanaan ALPdP. Keempat-empat peserta kajian cuba mencari maklumat dan melaksanakan ALPdP sebaik mungkin. Namun, peserta kajian masih melahirkan kerisauan tentang pelaksanaan ALPdP yang sedang dilakukan setakat ini sama ada berada di landasan yang betul atau tidak. Situasi Siti sangat membimbangkan kerana setakat ini hanya dua ALPdP yang telah dijalankan. Meskipun pihak sekolah Siti menjalankan aktiviti kerohanian namun aktiviti tersebut tidak dijalinkan dengan ALPdP kerana Siti tidak mengetahui sebarang maklumat tentang jalinan aktiviti sekolah dengan ALPdP yang boleh dilakukan mengikut kreativiti guru.

4.5.2 Kawalan Kelas semasa ALPdP

Memandangkan kelas Pendidikan Moral merupakan kelas gabungan maka peserta kajian menyatakan bahawa terdapat kesukaran untuk mengawal kelas sewaktu pelaksanaan ALPdP.

Humie: cabaran nak *control* kelas tu adalah sebab lagipun budak moral saya cikgu Melayu so dia orang suka berborak dalam bahasa ibundalah... so saya kena *control* betul-betullah...

[SMKAmanah/H046/temubual/24.7.19]

Guru mengalami kesukaran untuk mengawal murid dan kembali fokus kepada aktiviti tanaman. Wakil murid membantu guru meredakan keadaan.

[SMKAmanah/video/5.9.19]

ALPdP masih dijalankan oleh guru dengan berpusatkan murid meskipun menyatakan kesukaran untuk mengawal murid. Murid diberi tugasan sebagai hakim dan pencatat masa semasa aktiviti pertandingan pidato. Murid menjalankan tugas dengan baik dan menilai rakan.

[SMKAmanah/pidato/17.4.19]

Lim: ... *the classroom control... sometimes it's a bit challenging.. because of the... of the size of the class... and a lot of them arrr because the non- muslims students when they are together.. is like they have their own gang.. they become more unruly... and is abit for me the challenge is there la when it become to classroom control*

... kawalan bilik darjah... kadang-kadang agak mencabar... kerana saiz kelas... dan kebanyakan murid bukan Islam bila mereka bersama... macam mereka ada geng sendiri... menjadikan mereka sukar dikawal... dan itu sedikit sebanyak menjadi cabaran kepada saya dalam mengawal kelas

[SMKDedikasi/L108/temubual/14.6.19]

Lim memerlukan bantuan daripada guru lain untuk mengawal kesemua murid Tingkatan Satu dan Tingkatan Dua semasa pelaksanaan ALPdP. Hasil pemerhatian mendapati bahawa murid suka berkumpul dan duduk mengikut rakan. Oleh itu, mengambil masa yang agak lama untuk Lim menggerakkan murid.

[SMKDedikasi/pemerhatian/14.6.19]

Murid suka duduk dalam kumpulan pilihan sendiri. Segelintir murid berbaring dan tidak terlibat secara langsung dalam ALPdP.

[SMKDedikasi/dokumentasi/5.8.19]

Normiza: Arrhhh... kadang-kadang masalah jugalah... kalau kelas depan takde masalah... kelas yang belakang ini arhhh.. dia nakal sikitlah la kot...

[SMKUsaha/N118/temubual/19.6.19]

Normiza mengalami sedikit kesukaran untuk mengawal kelas semasa aktiviti permainan kerana murid teruja untuk melaksanakan aktiviti pada hari berkenaan. Guru dan wakil murid terpaksa berulang-alih ke stor sukan untuk mendapatkan peralatan yang diperlukan.

[SMKUsaha/permainan/16.7.19]

Meskipun mengalami kesukaran dalam pengawalan kelas namun ini tidak menghalang pelaksanaan ALPdP. Setakat bulan Julai guru telah menjalankan aktiviti sumbang saran, ceramah, nyanyian lagu Negaraku, gotong-royong, melukis poster dan permainan semasa ALPdP.


[SMKUsaha/rekodALPdP/16.7.19]

Kelas ALPdP yang dikendalikan oleh Humie merupakan gabungan tiga kelas murid Tingkatan Dua yang terdiri daripada 33 orang murid. Kawasan *Urban Farming* yang sempit menyebabkan guru membahagikan murid kepada enam kumpulan. Semasa pelaksanaan aktiviti *Urban Farming* terdapat kumpulan yang terpaksa direhatkan kerana kawasan *Urban Farming* yang sempit. Murid telah mengambil peluang tersebut untuk menyertai rakan dari kelas lain yang sedang bermain badminton. Hal ini menyukarkan guru untuk memberi tumpuan sepenuhnya dalam aktiviti semai biji benih kerana terpaksa menggerakkan semula murid yang bermain badminton ke kawasan *Urban Farming*.

Kelas Normiza masih dalam keadaan terkawal meskipun murid aktif dan teruja untuk melaksanakan ALPdP. Murid masih mendengar arahan guru dan aktiviti dijalankan dengan baik. Guru sentiasa bergerak dari satu tempat ke tempat yang lain di sekitar kawasan permainan untuk memastikan murid mengambil bahagian dalam aktiviti permainan secara langsung manakala Lim pula sedang menyesuaikan diri dengan pengendalian ALPdP. Murid kadang-kadang tidak mendengar arahan Lim kerana murid berada dalam kumpulan pilihan dan Lim mengambil masa yang lama untuk memastikan keterlibatan majoriti murid dalam ALPdP.

4.6 Sikap Murid

Kelangsungan ALPdP ini bergantung kepada sikap murid. Rajah 4.6 menujukkan secara ringkas sikap murid yang menjadi cabaran kepada guru dalam pelaksanaan ALPdP di sekolah menengah.



Rajah 4.6. Sikap Murid dalam Pelaksanaan ALPdP

4.6.1 Kehadiran Murid yang Tidak Konsisten

Sama ada ALPdP dijalankan di dalam jadual waktu atau di luar jadual waktu kehadiran murid amat dititikberatkan oleh segelintir guru. Bagi guru dari SMK Amanah meskipun ALPdP dimasukkan dalam jadual waktu sekolah, ALPdP hanya akan dijalankan sekiranya majoriti murid hadir ke sekolah manakala bagi Lim, Prema dan Mastura kehadiran murid menjadi salah satu cabaran hebat yang perlu ditangani kerana ALPdP dijalankan sebelum atau selepas waktu persekolahan.

Aida: *so pelajar tu... cabaran dia... biasalah pelajar kehadiran tu kita kena tengoklah waktu yang hadir semua baru kita buat... supaya takde yang ketinggalan dengan plbd ni...*

[SMKAmanah/A046/temubual/24.7.19]

Aktiviti yang dijalankan oleh guru pada hari berkenaan dimaklumkan lebih awal kepada murid. Peralatan yang diperlukan untuk menjalankan aktiviti tersebut turut dimaklumkan kepada murid. Pada hari berkenaan kesemua murid membawa peralatan yang diperlukan untuk melukis poster dan guru menyediakan kertas A4 dan pensel warna untuk murid yang memerlukan.

[SMKAmanah/melukisposter/18.9.19]

Memandangkan ALPdP dijalankan semasa waktu PdP maka kehadiran murid yang dicatatkan bagi kesemua aktiviti melebihi 90%.

[SMKAmanah/failALPdP/18.9.19]

Lim: *Every week actually is different some students they come early and some students they cannot come early.*

Kehadiran murid bagi setiap minggu berbeza-beza, segelintir murid datang awal dan segelintir murid tidak dapat datang awal.

[SMKDedikasi/L052/temubual/14.6.19]

Murid hadir ke ALPdP secara berperingkat. Lim dan rakan guru yang lain tidak membuat sebarang catatan kehadiran sebelum, semasa atau selepas pelaksanaan ALPdP. Murid digalakkan hadir dan tiada sebarang denda dikenakan kepada murid yang lewat atau tidak hadir pada minggu sebelumnya.

[SMKDedikasi/pemerhatian/14.6.19]

Melalui hasil semakan dokumen boleh dirumuskan bahawa tiada sebarang analisis kehadiran yang dilakukan mengikut tingkatan maupun mengikut kelas yang diajar oleh guru Pendidikan Moral. RPH Lim juga tidak merangkumi sebarang catatan mengenai pelaksanaan ALPdP.

[SMKDedikasi/RPH/14.6.19]

Prema: Cabarannya ialah kehadiran pelajar... masalah utama saya ialah kehadiran pelajar... so kalau katakan saya nak buat hari tu... pelajar tak hadir saya ada form 1 tiga orang sahaja... kadang-kadang dua orang tak datang seorang saja hadir... so saya terpaksa nak tangguhkan... so bila saya tangguhkan... saya akan buat pada hari yang lain so hari lain saya kena maklum pada parents... saya kena call parent sebab kalau hari yang ditetapkan... parents sedia maklum anak-anak mereka akan balik lewat... tapi kalau saya buat hari lain saya kena call parents maklumkan ok mereka kena stay back sekian, sekian, sekian and then kena jalankan... itu ialah cabaran utamalah... kehadiran pelajar...

[SMKGigih/P086/temubual/18.7.19]

Memandangkan bilangan murid Prema yang sedikit iaitu seramai lima orang murid sahaja untuk menengah rendah maka Prema memaklumkan terus ketidakhadiran murid pada hari kejadian kepada ibu bapa.

[SMKGigih/P086/bilikmoral/06.9.19]

Pada 10.9.2019 murid Tingkatan Dua tidak *stayback* untuk aktiviti membersihkan bilik moral maka guru memaklumkan ibu bapa mengenai ketidakhadiran murid dan terpaksa menangguhkan aktiviti tersebut.

[SMKGigih/RPH/10.10.19]

Mastura: ... arhhh rata-rata para pelajar Tingkatan Satu akan tunggulah... sebab mungkin kita kata dia masih berdisiplin lagilah... tapi selepas je mereka masuk Tingkatan Dua dan Tingkatan Tiga... mereka rasakan PMLW ini tidak penting lagi jadi mereka memilih untuk tidak hadirlah...

[SMKCemerlang/M054/temubual/21.8.19]

Pemerhatian yang dijalankan tiada seorang murid Tingkatan Tiga yang *stayback* untuk ALPdP.

[SMKCemerlang/pemerhatian/5.9.19]

Analisis kehadiran murid yang dirumuskan mengikut rekod kehadiran murid untuk ALPdP hanya dua hingga tiga orang daripada 36 murid yang hadir untuk setiap ALPdP.

[SMKCemerlang/failALPdP/18.9.19]

ALPdP yang dijalankan oleh Aida mencatatkan kehadiran murid hampir sempurna apabila hanya seorang murid yang tidak hadir ke sekolah pada hari berkenaan. Aida memaklumkan terlebih dahulu mengenai tarikh, masa, tempat dan peralatan yang diperlukan untuk pelaksanaan ALPdP pada hari kejadian. Oleh itu, murid bersiap sedia untuk menjalankan ALPdP dan guru turut menyediakan peralatan yang diperlukan agar ALPdP tidak tergendala sekiranya murid tidak membawa peralatan yang diperlukan.

Lim pula tidak mencatatkan sebarang kehadiran murid sama ada sebelum, semasa atau selepas pelaksanaan ALPdP. Hal ini berbeza dengan Prema yang sangat menitikberatkan kehadiran murid dalam pelaksanaan ALPdP agar kesemua murid dapat melalui pengalaman ALPdP yang bermakna. Prema menyemak kehadiran murid sebelum, semasa dan selepas pelaksanaan ALPdP. Hasil semakan dokumen mendapati bahawa Prema memastikan kehadiran semua murid diambil sebelum sesuatu aktiviti dijalankan dan akan memaklumkan ibu bapa mengenai ketidakhadiran murid sekiranya tidak *stayback* untuk ALPdP.

Hasil pemerhatian dan semakan dokumen di SMK Cemerlang mendapati bahawa ALPdP untuk murid Tingkatan Satu, Tingkatan Dua dan Tingkatan Tiga dijalankan serentak namun kehadiran murid Tingkatan Satu lebih memberangsangkan jika dibandingkan dengan murid Tingkatan Dua dan Tingkatan Tiga. Di samping itu, SMK Cemerlang juga tidak mewajibkan murid untuk mengikuti ALPdP yang dijalankan di sekolah. Hal ini demikian kerana ibu bapa telah menulis surat kepada pihak sekolah untuk menyatakan bahawa anak mereka tidak akan terlibat dalam ALPdP kerana masalah pengangkutan. Oleh itu, murid berkenaan diberi kelonggaran untuk tidak mengikuti ALPdP ini. Hasil pemerhatian dan semakan dokumen mendapati bahawa kehadiran murid semasa pelaksanaan ALPdP sangat mendukacitakan dan ada kalanya tiada murid yang hadir semasa pelaksanaan ALPdP.

4.6.2 Penguasaan Bahasa yang Lemah

Bahasa menjadi penghalang ALPdP dalam kalangan guru Pendidikan Moral menengah rendah. Hal ini demikian kerana segerintir murid bukan Islam masih belum menguasai Bahasa Melayu dan kurang yakin untuk bertutur dalam Bahasa Melayu. Perkara ini menyukarkan guru untuk mengendalikan ALPdP di sekolah. Di samping itu, meskipun murid boleh bertutur dengan baik dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris atau kedua-duanya namun ada kalanya murid lebih gemar bertutur menggunakan bahasa ibunda masing-masing semasa ALPdP ini.

Humie: ... lagipun budak moral saya cikgu Melayu so dia orang suka berborak dalam bahasa ibundalah...

[SMKAmanah/H046/temubual/24.7.19]

Semasa aktiviti *urban farming* segerintir murid bertutur dalam bahasa ibunda. Ini sedikit sebanyak mengganggu proses pelaksanaan ALPdP namun masih mampu dikawal oleh Humie dengan baik.

[SMKAmanah/video/5.9.19]

Laporan ALPdP membuktikan bahawa objektif ALPdP tercapai kerana murid masih memberi kerjasama dalam pelaksanaan ALPdP.

[SMKAmanah/dokumentasi/5.9.19]

Lim: *Arr... and also when it comes to discussion or another things is language... because students in this school is very weak in bahasa... so when I... when I speak to them in bahasa some can't understand... need to translate*

Arr... dan ketika perbincangan masalah lain ialah bahasa... kerana murid di sekolah ini sangat lemah dalam bahasa... jadi bila saya... bila saya bertutur dengan mereka menggunakan bahasa segelintir tidak dapat memahami... perlu diterjemah

[SMKDedikasi/L112/temubual/14.6.19]

Hasil pemerhatian di sekolah Lim pula mendapati bahawa kesukaran masalah bahasa ini ditangani oleh Lim dan rakan lain dengan bertutur dalam bahasa ibunda masing-masing sekiranya terdesak. Memandangkan guru Pendidikan Moral di sekolah berkenaan mempunyai tiga orang guru yang mahir bertutur dalam bahasa Mandarin dan salah seorang daripada guru tersebut mampu bertutur dalam bahasa Mandarin dan bahasa Tamil juga. Ini sedikit sebanyak membantu pemahaman murid namun Bahasa Melayu menjadi bahasa penghantar utama.

[SMKDedikasi/pemerhatian/14.6.19]

Didapati bahawa guru tidak membuat sebarang laporan berkaitan ALPdP yang dikendalikan dari semasa ke semasa. Hal ini menyukarkan penyelidik untuk menentukan sama ada objektif ALPdP mampu dicapai atau tidak. Di samping itu, guru turut memaklumkan bahawa murid akan menggunakan buku kerja untuk membuat latihan dan buku itu digunakan semasa ALPdP sebagai aktiviti pengukuhan.

[SMKDedikasi/dokumen/14.6.19]

Normiza: Arhhh dia susah nak faham... sebab sini kebanyakan semua pelajar Cina... masalah bahasa memang bermasalah kat sini...

[SMKUsaha/N174/temubual/19.6.19]

Gunaa... kadang-kadang kita bagi contohlah dekat dia... nak bagi dia faham... kadang dia pula cakap Cina dengan kita... (ketawa)

[SMKUsaha/N176/temubual/19.6.19]

Normiza menggunakan bahasa pasar semasa mengendalikan ALPdP agar murid boleh memahami arahan yang disampaikan oleh guru. Murid di sekolah Normiza masih boleh memahami arahan guru sekiranya guru menggunakan bahasa mudah dalam pertuturan.

[SMKUsaha/video/16.7.19]

Hasil kerja murid yang disemak menunjukkan bahawa murid mampu menjawab soalan-soalan dengan bimbingan guru.

[SMKUsaha/hasilkerjamurid/16.7.19]

Hasil pemerhatian di sekolah Humie, murid di sekolah berkenaan lebih yakin untuk bertutur dalam Bahasa Inggeris berbanding Bahasa Melayu manakala segelintir murid memilih untuk berkomunikasi dengan menggunakan bahasa ibunda sesama murid semasa pelaksanaan ALPdP sama seperti murid di sekolah Lim dan Normiza. Ketiga-tiga guru berkenaan sentiasa mengingatkan murid untuk bertutur dalam Bahasa Melayu agar dapat difahami oleh semua orang dan dapat meningkatkan penguasaan dalam Bahasa Melayu. Hal ini demikian kerana penggunaan bahasa komunikasi yang difahami semua pihak penting untuk meningkatkan perpaduan dalam kalangan murid.

4.6.3 Kelakuan Sambil Lewa Murid

Sikap murid terhadap mata pelajaran Pendidikan Moral merupakan salah satu cabaran guru Pendidikan Moral menengah rendah dalam pelaksanaan ALPdP. Petikan dialog di bawah membincangkan secara mendalam mengenai luahan guru mengenai sikap murid.

Humie: ... cuma macam kita tak boleh *expect* benda yang macam... macam mana ye contoh nak buat sketsa semuakan... kita janganlah nak *expect* kata dia nak buat yang betul-betul macam ni.. sebab dia pun... arh kadang kita terima jelah dengan apa kalau dia buat spontan tak berapa *best* ke apa ke kita *just* bagi pujianlah

[SMKAmanah/H048/temubual/24.7.19]

Semasa pelaksanaan ALPdP sebahagian besar murid Humie berminat untuk melaksanakan semaihan biji benih cili pada hari berkenaan. Pelaksanaan aktiviti pada hari berkenaan berjalan lancar meskipun murid tidak serius sepenuhnya semasa pelaksanaan aktiviti tersebut. Segelintir murid mula bermain dengan siput yang dijumpai dan menakut-nakutkan rakan yang lain.

[smkAmanah/urbanfarming/5.9.19]

Data yang dianalisis dengan menggunakan RPH, laporan pelaksanaan ALPdP dan lampiran gambar ALPdP merumuskan bahawa objektif aktiviti mampu dicapai oleh guru.

[SMKAmanah/failALPdP/5.9.19]

Aida: ... sebab orang cakap moral... alah... moral tu senang je... bagi pelajar dia kata... alah moral je cikgu...

[SMKAmanah/A018/temubual/24.7.19]

Hanya dua orang murid yang berjaya menyiapkan poster yang menarik dan berinformatik dalam masa yang ditetapkan manakala murid yang lain sempat menyiapkan sebahagian sahaja. Namun begitu, tidak dapat dinafikan bahawa hasil kerja kesemua murid dalam kelas tersebut sangat kreatif dan mampu menyampaikan mesej bermakna kepada umum cuma sikap sambil lewa menyebabkan mereka tidak dapat menyempurnakan tugas mengikut masa yang ditetapkan.

[SMKAmanah/melukisposter/18.9.19]

Analisis data menunjukkan bahawa meskipun murid bersikap sambil lewa namun objektif pengajaran dan pembelajaran dapat dicapai oleh guru.

[SMKAmanah/failALPdP/18.9.19]

Lim: *some ask them to do discussion... may be only one or two out of lets say three or four (ketawa) will be actually doing the activity... the rest will be doing their own thing..*

bila minta mereka melakukan perbincangan... mungkin hanya seorang atau dua daripada katakan tiga atau empat (ketawa) akan melakukan aktiviti tersebut... yang selebihnya akan buat kerja sendiri...

[SMKDedikasi/L112/temubual/14.6.19]

Melalui pemerhatian yang dilakukan oleh penyelidik didapati bahawa murid di SMK Dedikasi kurang aktif semasa aktiviti perbincangan mengenai perayaan Hari Raya dikendalikan oleh guru. Aktiviti yang seharusnya berorientasikan murid menjadi sebaliknya apabila murid kurang mengambil bahagian dalam perbincangan yang dijalankan oleh guru.

[SMKDedikasi/pemerhatian/14.6.19]

Sebagai aktiviti pengukuhan dan aktiviti pengayaan kepada perbincangan yang dijalankan di dalam bilik darjah, guru telah menggabungkan aktiviti sekolah iaitu sambutan Hari Raya peringkat sekolah dengan meminta murid untuk memakai pakaian tradisional bagi meraikan perayaan tersebut. Pada hari kejadian murid memakai pakaian tradisional dan menjayakan sambutan Hari Raya.

[SMKDedikasi/dokumentasi/26.6.19]

Normiza: Bagi cikgu oklah... tapi saya rasa bagi pelajar ini masalah juga.. kadang-kadang kita suruh... dia bawa... bawa barangkan.. bahan-bahan itu dia tak bawa...

[SMKUsaha/N054/temubual/19.6.19]

Normiza terpaksa mencari jalan untuk memastikan ALPdP diteruskan meskipun terdapat segelintir murid yang tidak membawa peralatan yang sepatutnya mengikut arahan guru. Memandangkan Normiza sudah biasa dengan situasi seperti itu maka Normiza telah mendapatkan kunci stor sukan terlebih dahulu daripada guru sukan untuk memastikan murid dibekalkan dengan raket, bulu tangkis, bola keranjang dan bola sepak untuk aktiviti pada hari berkenaan. Aktiviti unit sepuluh iaitu gaya hidup sihat dan selamat dapat diteruskan pada hari berkenaan.

[SMKUsaha/permainan/16.7.19]

Hasil penelitian dokumen turut mendapati bahawa memandangkan sikap segelintir murid yang sambil lewa maka Normiza merancang aktiviti yang bahannya boleh disediakan sendiri oleh Normiza seperti cetakan binaan origami, kertas A4 dan lain-lain.

[SMKUsaha/RPH/16.7.19]

Mastura: Erm... bagi pendapat sayalah arhh kalau keadaan di sekolah ni... untuk PMLW murid kurang berminat... dia tak sama kalau dalam pdpc dia arhhh dia takde lah nak cakap minat sangat tetapi saya rasalah... bagi pendapat saya... saya ingat kerana Pendidikan Moral ini dia bukan satu subjek peperiksaan... jadi pelajar ni dia... seolah-olah memandang enteng kepada Pendidikan Moral ni... dia belajar jelah...

[SMKCemerlang/M054/temubual/21.8.19]

Situasi di sekolah Mastura pula murid kurang menunjukkan minat dalam pelaksanaan ALPdP.

[SMKCemerlang/pemerhatian/5.9.19]

Murid tidak hadir ke ALPdP dan menghantar surat ketidakhadiran atau surat tunjuk sebab melalui ibu bapa kepada guru. Oleh yang demikian guru tidak dapat mengambil tindakan dan hanya menjalankan aktiviti sekiranya murid hadir untuk ALPdP pada hari berkenaan.


[SMKCemerlang/FailALPdP/18.9.19]

Di sekolah Humie, Aida, Lim dan Normiza meskipun murid di sekolah berkenaan tidak memberikan tumpuan sepenuhnya semasa pelaksanaan ALPdP namun murid masih memberi kerjasama kepada guru. Kerjasama yang diberikan oleh murid membolehkan guru mencapai objektif ALPdP meskipun mengambil masa yang lebih lama daripada yang sepatutnya. Ironiknya, Mastura tidak mampu menjalankan aktiviti ini sepenuhnya kerana kebanyakan ibu bapa telah menyerahkan surat tunjuk sebab ketidakhadiran ALPdP kepada pihak sekolah agar anak jagaan mereka diberikan pengecualian daripada ALPdP ini. Hal ini menyukarkan Mastura untuk mengendalikan ALPdP terutamanya dengan murid Tingkatan Tiga yang bakal menghadapi PT3.

4.7 Peluang dalam Pelaksanaan Aktiviti di Luar Waktu Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Moral

Pelaksanaan ALPdP menampakkan peluang kepada murid apabila segelintir guru menggariskan kelebihan ALPdP yang dijalankan di sekolah. Tiga tema dan lima subtema telah diperoleh melalui hasil temu bual, pemerhatian dan penelitian dokumen.


Rajah 4.7 menunjukkan secara ringkas peluang dalam pelaksanaan aktiviti di luar waktu pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Moral.



Rajah 4.7. Peluang Pelaksanaan Aktiviti di Luar Waktu Pengajaran dan Pembelajaran

4.7.1 Penerapan Nilai dalam Kehidupan Seharian

ALPdP Pendidikan Moral membolehkan guru menerapkan amalan nilai dan memupuk kesedaran moral dalam kalangan murid menengah rendah. Rajah 4.8 menunjukkan penerapan nilai dalam kehidupan seharian sebagai peluang dalam pelaksanaan ALPdP.



Rajah 4.8. Penerapan Nilai dalam Kehidupan Seharian Murid


4.7.1.1 Memupuk Kesedaran Moral

ALPdP membantu guru memupuk kesedaran moral dalam kalangan murid melalui aktiviti yang dijalankan oleh guru Pendidikan Moral menengah rendah. Aktiviti yang dipilih oleh guru perlu ada kaitan dengan kehidupan seharian dan pengalaman murid agar dapat memberi impak yang mendalam dalam diri murid.

Aida : ... pidato tentang masalah disiplin pelajar... so daripada situ saya nak pelajar ini keluarkan apa masalah disiplin pelajar... supaya dia orang tahu sebenarnya betapa banyaknya masalah disiplin pelajar yang dia orang pernah buat...sebab pelajar ini tak sedar pun dia buat kesalahan... bila kita dah suruh ok senaraikan... dia akan senaraikan dan dia orang akan bincang dalam *group* kenapa pelajar buat... so daripada situ menyedarkan dia orang... ohh selama ini kita dah salah... so apa yang dan daripada pidato tu dia akan arhhh... cakap apa yang mereka boleh buat...

[SMKAmanah/A040/temubual/24.7.19]

ALPdP ini memberi ruang kepada guru untuk memupuk kesedaran moral dalam kalangan murid dengan lebih mudah. Hal ini demikian kerana ALPdP yang dikendalikan oleh guru adalah berkonsepkan santai dan bermakna. Maka ini memberi ruang kepada guru memupuk kesedaran dalam diri murid mengenai topik pembelajaran semasa pelaksanaan ALPdP. Contohnya, sebelum guru menjalankan aktiviti melukis poster ketagihan arak, rokok, judi dan dadah guru meminta murid mengimbas kembali topik pembelajaran berkenaan agar murid memahami dan boleh menyatakan secara ringkas cara mengatasi ketagihan tersebut. Sebagai aktiviti lanjutan daripada topik berkenaan guru meminta murid melukis poster untuk memupuk kesedaran dalam diri murid. Di samping itu, guru meminta murid menyampaikan mesej berkenaan ketagihan melalui poster supaya dapat memberi kesedaran kepada rakan yang lain. Hasil kerja murid turut dipamerkan dalam kelas.



[SMK Amanah/melukis poster/18.9.19]

Semakan dokumen turut mendapati bahawa aktiviti yang dirancang oleh guru mengambil kira situasi atau keadaan semasa yang dilalui oleh murid. Sebagai contoh, guru mengadakan pertandingan pidato bertajuk masalah disiplin murid. Murid mengadakan perbincangan secara berkumpulan dan menyatakan faktor dan cara mengatasi masalah disiplin dalam kalangan murid. Setelah pelaksanaan aktiviti ini Aida melaporkan bahawa terdapat kesan positif dalam diri murid.

Nilai	<ul style="list-style-type: none"> ● Kerajinan, ● berdikari, ● hemah tinggi, ● harga diri
Impak kepada murid	<p>Wujud nilai kerjasama dalam kalangan murid Setiap murid menyumbangkan idea Timbul kesedaran dalam diri murid tentang masalah disiplin yang akan membawa kesan negatif kepada mereka</p>

[SMK Amanah/fail ALPdP/18.9.19]

Dapatkan kajian jelas membuktikan bahawa pemilihan ALPdP yang mengambil kira minat dan isu yang dekat dengan murid serta menghubungkan pengalaman murid dapat memberi impak positif dalam diri murid. Di samping itu, perasaan murid turut dirangsang melalui ALPdP yang dijalankan oleh guru Pendidikan Moral menengah rendah.

4.7.1.2 Menerapkan Amalan Nilai

Guru Pendidikan Moral menengah rendah berpendapat bahawa pengenalan ALPdP membolehkan guru melihat sendiri pengamalan nilai yang diajar dalam bilik darjah diperaktikkan oleh murid Pendidikan Moral semasa ALPdP di luar bilik darjah.

Normiza: Macam kita boleh terapkan nilai kerajinan ke... arhh tengok dia dengan kawan dia saling membantu ke tak...

[SMKUsaha/N072/temubual/19.6.19]

Normiza menerapkan nilai saling membantu dan kerajinan melalui aktiviti yang dirancang semasa ALPdP. Normiza meminta wakil murid ke stor sukan untuk mendapatkan peralatan yang diperlukan oleh murid. Setelah tamat aktiviti sukan pada hari berkenaan wakil murid meminta izin daripada Normiza untuk membeli air mineral dari kantin. Setelah mendapat kebenaran, murid berkenaan bertanya kepada rakan lain yang ingin mengirim kepadanya. Situasi ini secara tidak langsung mampu memupuk semangat kekitaan dalam kalangan murid.

[SMKUsaha/permainan/16.7.19]

Panitia Pendidikan Moral SMK Usaha telah membeli buku 555 agar murid menulis nilai dan definisi nilai yang telah dipelajari pada hari berkenaan. Nilai yang diimplementasi oleh murid semasa pelaksanaan ALPdP ditekankan oleh guru semasa sesi refleksi selepas ALPdP. Maka dengan ini domain moral dapat diterapkan oleh guru dalam diri murid dalam aspek penaakulan moral, emosi moral dan perlakuan moral.

[SMKUsaha/buku555/16.7.19]

Aida: ...senang kita nak pupuk dia dengan nilai yang takde pada diri dia... sebab bagi saya bukan semua pelajar ada nilai-nilai yang kita ajar tu... arhhh ada yang pelajar yang memang sebenarnya takde pun nilai tu dalam diri dia... tapi bila kita dah tahu kita buat aktiviti-aktiviti macam ini... kita akan tahu ohh pelajar ini memang takde nilai ini dalam diri dia... so kita senang nak pupuk dia...

[SMK Amanah/A054/temubual/24.7.19]

... arhhh sahabat... saya bagi situasi sahabat negatif... sahabat positif... so lakonkan benda tu macam mana awak nak nampakkan itu adalah sahabat... so kita boleh terapkan nilai... nilai apa dan kita tanya balik pada dia adakah... awak bersikap begitu... so ada yang bila negatif tu... ada positif pun ada yang mengaku so dia orang pun baru menyedarkan mereka...
[SMK Amanah/A040/temubual/24.7.19]

...so sekadar macam saya cakap tadilah sekadar mengajar kalau takde dari segi takde apa kata... pendedahan macam mana benda tu jadi... macam tadi kita kata sahabat... ok awak tak boleh cakap kasar dengan sahabat so kita tak tunjuk macam mana kasar... bila mereka buat... mereka lakon... so dia orang nampak ohh macam ni... macam ni rupanya benda yang tak boleh dilakukan...

[SMK Amanah/A024/temubual/24.7.19]

Aida bergaul rapat dengan murid dan cuba menerangkan dan menerapkan nilai murni melalui aktiviti yang dijalankan. Semasa murid melukis poster guru sering mengingatkan murid agar membantu antara satu sama lain tetapi jangan meniru idea atau hasil kerja rakan.

[SMK Amanah/melukisposter/18.9.19]

Isu-isu yang dipilih oleh guru untuk ALPdP dikaitkan dengan pengalaman dan situasi yang dilalui oleh murid di sekolah. Ini membolehkan murid menyuarakan pendapat dengan menjaga batas. Semasa pelaksanaan ALPdP kebijaksanaan memilih sahabat, murid berkongsi pendapat dan menyatakan kesedaran menjaga adab sesama murid.


[SMK Amanah/laporanALPdP/8.4.19]

Hasil dapatan kajian membuktikan bahawa nilai yang dipelajari murid diamalkan sebelum, semasa dan selepas ALPdP. Pertolongan yang dihulurkan kepada guru dan rakan sama ada secara langsung atau tidak langsung mampu membentuk murid yang bermoral dan berakhhlak mulia sepanjang proses pelaksanaan ALPdP dan dapat dilihat oleh guru Pendidikan Moral. Pada masa yang sama, ALPdP ini

menghubungkan ketiga-tiga domain moral iaitu penaakulan moral, emosi moral dan perlakuan moral secara seimbang dalam diri murid.

4.7.2 Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)

Pelaksanaan aktiviti di luar bilik darjah yang dijalankan melalui ALPdP ini memberi peluang kepada guru untuk mengembangkan kemahiran berfikir dalam kalangan murid. Rajah 4.9 menunjukkan peluang KBAT yang dikembangkan melalui pelaksanaan ALPdP.



Rajah 4.9. Meningkatkan KBAT melalui ALPdP

4.7.2.1 Kemahiran Berkomunikasi

Guru Pendidikan Moral menengah rendah mengakui bahawa kemahiran berkomunikasi dalam kalangan murid dapat dipertingkat oleh guru melalui ALPdP. Hal ini demikian kerana ALPdP memberi ruang kepada guru dan murid untuk mengasah kemahiran berkomunikasi dengan mengambil kira tahap murid. Di samping itu, hubungan antara guru dan murid menjadi lebih akrab melalui pelaksanaan ALPdP.

Normiza: Saya rasa macam... saya lebih dekat dengan pelajar

[SMKUsaha/N128/temubual/19.6.19]

Pengendalian ALPdP oleh Normiza menampakkan keserasian antara guru dan murid sepanjang aktiviti ini dijalankan olehnya. Kedua-dua pihak selesa dan seronok melaksanakan ALPdP. Hubungan antara murid dan guru akrab dan guru memberi kebebasan kepada murid untuk memilih ahli kumpulan dan murid mengambil kesempatan tersebut untuk meneroka kesemua aktiviti yang dilaksanakan pada hari berkenaan dengan bertukar stesen permainan. Guru bertindak sebagai

pemerhati dan membuat refleksi selepas tamat ALPdP. Setelah tamat ALPdP, semasa sesi refleksi murid telah menyenaraikan nilai yang dipelajari melalui aktiviti yang dijalankan.

[SMKUsaha/video/16.7.19]

Penelitian dokumen mendapati bahawa Normiza berjaya menjalankan ALPdP selama 28 jam dari bulan Januari hingga bulan Julai 2019. Kesemua aktiviti yang dirancang membolehkan guru dan murid sentiasa bekerjasama dan seterusnya mengasah kemahiran berkomunikasi murid. Contohnya, guru dan murid berjaya menjayakan aktiviti melukis mural hasil perbincangan antara guru dan murid sebelum, semasa dan selepas aktiviti tersebut. Kesepakatan antara guru dan murid membolehkan mural telah dihasilkan di kawasan sekolah.



[SMKUsaha/mural/20.8.19]

Hasil dapatan jelas menunjukkan bahawa ALPdP membolehkan murid menyuarakan pendapat dan nilai yang berkaitan dengan topik pembelajaran semasa sesi refleksi pada akhir ALPdP. Murid lebih berani dan bersedia untuk berkongsi pendapat dengan rakan secara sopan. Oleh itu, keterlibatan murid secara langsung

dalam sesuatu perkara amat penting agar kemahiran dan nilai sampingan dapat dipupuk dalam kalangan murid.

4.7.2.2 Mencungkil Kreativiti

Tiga daripada tujuh orang guru Pendidikan Moral menengah rendah berpendapat bahawa kreativiti murid untuk berfikir, merancang, menjana idea dan menyelesaikan sesuatu isu atau situasi dapat dikembangkan melalui ALPdP ini.

Aida: Daripada situ... kita dapat cungkillah... contohnya daripada arhh lakonan pelajar... kita nampak kekreatifan pelajar tu... kreatif mana pelajar itu... untuk mengeluarkan idea dia... macam mana pelajar tu nak kembangkan idea dia ok... dan arhhh ini adalah peluang kita nak tengok sebenarnya...

[SMKAmanah/A052/temubual/24.7.19]

Aida berjaya mencungkil bakat murid dalam menghasilkan poster yang menarik. Kebebasan diberi kepada murid untuk memilih jenis ketagihan. Segelintir murid memilih sejenis ketagihan manakala ada juga murid yang menggabungkan kesemua jenis ketagihan dalam satu poster. Kebanyakan poster yang dihasilkan menunjukkan kesan negatif ketagihan kepada diri namun ada seorang murid yang berjaya menghasilkan poster yang memberi gambaran positif sekiranya tidak terjebak dalam ketagihan dan gambaran negatif sekiranya terlibat dalam ketagihan dalam satu poster. Murid menggambarkan kebahagiaan yang bakal dikecapi sekiranya mengamalkan gaya hidup sihat (lingkaran biru) dan kesengsaraan jika terlibat dalam ketagihan (lingkaran merah).

[SMKAmanah/melukisposter/18.9.19]

Aktiviti yang dirancang oleh guru melibatkan perancangan rapi. Contohnya, pertandingan pidato yang dijalankan oleh guru dirancang dengan melibatkan pelibatan murid secara langsung dan guru hanya bertindak sebagai fasilitator. Guru memberikan masa yang mencukupi kepada murid untuk membuat perbincangan, melantik penjaga masa dan hakim untuk kelangsungan pertandingan pidato yang dijalankan.

[SMKAmanah/laporanALPdP/29.3.19]

Prema: ... dia akan bagi cadangan so bila ada aktiviti ada pelajar yang agak kreatif dengan cadangan dia... yang cadangan pelajar itu saya ambil kira dan saya kadang-kadang akan guna juga...

[SMKGigih/P094/temubual/18.7.19]

Salah satu cadangan yang diberikan oleh murid menengah rendah ialah aktiviti membersihkan bilik Pendidikan Moral. Hasil pemerhatian mendapati bahawa murid melakukan aktiviti ini tanpa sebarang arahan daripada guru. Tiga orang murid bertugas selepas waktu sekolah pada hari Jumaat dari pukul 12.30 tengah hari hingga 1.30 petang. Murid yang terlibat sedia maklum mengenai tugas yang perlu dilakukan. Dimulakan dengan menaikkan kerusi ke atas meja, menyapu, mengelap lantai, mengemas buku dan mengatur bahan dalam bilik. Jadual tugas turut disediakan oleh murid dan dipamerkan di dalam bilik moral untuk rujukan guru dan murid dalam pengendalian ALPdP.

[SMKGigih/jadulbertugas/6.9.19]

Kreativiti murid dapat dilihat apabila mereka cuba mencari topik yang boleh menghilangkan kesedihan warga emas yang dilawati semasa lawatan murid SMK Gigih ke rumah orang tua. Murid cuba mendekati warga emas di salah sebuah rumah warga emas di Lembah Klang.

[SMKGigih/lawatanrumahwargaemas/25.6.19]

Dapatan kajian membuktikan bahawa murid telah mengingati, memahami dan mengaplikasi maklumat yang dipelajari. Guru pula telah berjaya mewujudkan situasi atau aktiviti yang membolehkan murid untuk menganalisis, menilai dan mencipta sesuatu perkara berdasarkan topik yang dipelajari. Contohnya, ciptaan poster oleh murid yang membawa mesej bermakna kepada masyarakat membuktikan pemahaman murid mengenai topik yang dipelajari dalam Pendidikan Moral. Bukan itu sahaja malah pendedahan dengan persekitaran dan masyarakat seperti lawatan ke rumah warga emas membolehkan murid menganalisis keperluan dan pertuturan yang bersesuaian dengan warga emas.

4.8 Inkuiiri

ALPdP memberi pendedahan kepada murid secara lebih mendalam mengenai Pendidikan Moral dan seterusnya menyemai minat murid dalam mata pelajaran Pendidikan Moral. ALPdP memberi ruang dan peluang kepada murid untuk mempelajari Pendidikan Moral secara formal dan tidak formal.

4.8.1 Menyemai Minat Murid dalam Pendidikan Moral

ALPdP ini telah memupuk minat murid dalam mata pelajaran Pendidikan Moral. Berikut antara peluang yang dirungkaikan oleh guru Pendidikan Moral menengah rendah dalam pelaksanaan ALPdP.

Aida: Pelajar suka benda ini... dia suka... sebab pelajarkan dia suka aktiviti-aktiviti... dia tak suka yang *just* duduk tengok cikgu... kalau kita ajar je... dia taknak... dia akan nak benda yang mereka tu boleh bergerak...

[SMKAmanah/A032/temubual/24.7.19]

Aida memulakan ALPdP dengan perbincangan mengenai topik pembelajaran mengenai ketagihan yang telah dibincangkan oleh Aida dalam kelas sebelumnya. Kebanyakan murid memberikan tumpuan dan ada beberapa orang murid yang berbual-bual antara satu sama lain tetapi apabila guru meminta murid melukis poster kesemua murid fokus dan mula menghasilkan poster mengikut topik pembelajaran pada hari berkenaan.

[SMKAmanah/video/18.9.19]

Penelitian dokumen yang dibuat mendapati bahawa kesemua murid berpeluang untuk menyertai ALPdP yang dirancang dan dianjurkan oleh guru Pendidikan Moral menengah rendah. Kehadiran purata murid semasa pelaksanaan ALPdP secara langsung dapat mengukur kecenderungan murid dalam pelibatan ALPdP ini.

[SMKAmanah/laporanALPdP/18.9.19]

Normiza: Tak kadang-kadang pelajar ini dia suka duduk luar kelas tau.... Arrr persekitaran tu... dia bebas lah... kalau macam saya... macam saya bawa budak pergi dewan kan... arhh suka hatilah nak duduk macam mana pun janji buat aktiviti yang saya suruh tu...

[SMKUsaha/N044/temubual/19.6.19]

Arhhh pelajar lagi lebih... berani kot...sebab kadang-kadang lepas pada buat aktiviti tu.. saya akan tanya dialah... apa yang awak dapat daripada ni... arhh suruh dia *share*lah... dia lebih apa berminat untuk kongsilah...

[SMKUsaha/N132/temubual/19.6.19]

Hasil pemerhatian mendapati bahawa murid Pendidikan Moral kelas Normiza menunjukkan kesungguhan dan minat semasa pelaksanaan ALPdP. Murid sanggup hadir ke sekolah meskipun sambutan Hari Raya diadakan semasa cuti peristiwa di sekolah berkenaan.

[SMKUsaha/sambutan/19.6.19]

Hasil penelitian dokumen pula mendapati bahawa kehadiran murid dan hasil kerja murid semasa pelaksanaan ALPdP agak memberangsangkan. Refleksi yang ditulis guru adalah positif tentang keterlibatan murid dalam pelaksanaan ALPdP. Hasil kerja murid yang menarik semasa pelaksanaan ALPdP menyokong refleksi yang ditulis oleh guru.

[SMKUsaha/sambutan/16.7.19]

Situasi sama dilaporkan semasa pemerhatian pengendalian ALPdP oleh Aida dan Normiza. Kedua-dua guru memberi kebebasan kepada murid untuk duduk mengikut keselesaan mereka tetapi dalam keadaan terkawal. Kebebasan yang diberi ada batasnya dan murid akur dengan arahan guru. Hasil pemerhatian turut menampakkan murid sangat proaktif semasa pelaksanaan ALPdP. Selepas ALPdP semasa sesi refleksi murid menunjukkan minat untuk berkongsi tentang perkara yang dipelajari semasa pelaksanaan ALPdP. Catatan dalam buku murid dan laporan ringkas guru menampakkan kesungguhan pelaksanaan guru dan murid dalam ALPdP.


Di samping itu, murid turut menunjukkan keterujaan dengan bertanyakan soalan kepada guru mengenai ALPdP yang akan dilaksanakan oleh guru dalam pembelajaran seterusnya. Hal ini jelas membuktikan bahawa murid telah menunjukkan minat dalam mata pelajaran Pendidikan Moral. Hal ini demikian kerana guru berjaya merancang aktiviti yang mampu merangsang minat dan mengaitkan dengan pengalaman murid semasa pelaksanaan ALPdP ini. Keterlibatan murid secara

langsung bukan sahaja mampu menekankan keseimbangan ketiga-tiga domain moral iaitu penaakulan moral, emosi moral dan perlakuan moral tetapi dapat meningkatkan minat dan mengubah persepsi murid terhadap mata pelajaran Pendidikan Moral.

4.9 Sokongan yang diperoleh Guru dalam Pelaksanaan Aktiviti di Luar

Waktu Pengajaran dan Pembelajaran

Sokongan yang diperoleh guru dalam pelaksanaan ALPdP dibentangkan melalui dua tema dan empat subtema yang telah dibina oleh penyelidik melalui dapatan yang dikumpulkan melalui temu bual, pemerhatian dan penelitian dokumen. Rajah 4.10 menunjukkan tema yang diterbitkan oleh penyelidik untuk menjawab persoalan kajian yang ketiga iaitu sokongan yang diperoleh guru dalam pelaksanaan ALPdP dalam kalangan guru Pendidikan Moral menengah rendah.



Rajah 4.10. Sokongan yang diperoleh Guru Pendidikan Moral Menengah Rendah dalam Pelaksanaan ALPdP

4.9.1 Pihak sekolah

Warga sekolah memberikan sokongan sepenuhnya kepada guru Pendidikan Moral untuk memastikan ALPdP dapat disempurnakan oleh guru.

4.9.1.1 Pentadbir

Sokongan daripada pentadbir diterima oleh guru dalam pelaksanaan ALPdP ini. Hal ini demikian kerana dapatan kajian membuktikan bahawa pentadbir memberikan sokongan kepada guru dalam pelaksanaan ALPdP sama ada secara langsung maupun tidak langsung. Enam daripada tujuh orang peserta kajian

mengakui perkara tersebut. Berikut dibentangkan maklumat secara terperinci mengenai perkara tersebut.

Humie: Pentadbir pun dia orang sokong...

[SMKAmanah/H070/temubual/24.7.19]

Guru tiada sebarang halangan untuk melaksanakan ALPdP di dalam kawasan sekolah. Guru menggunakan ruangan yang bersesuaian dan merancang ALPdP dan mendapat kebenaran pentadbir untuk menggunakan kawasan tersebut.

[SMKAmanah/urbanfarming/18.9.19]

Meskipun di sekolah Humie ALPdP telah dimasukkan dalam jadual waktu pengajaran dan pembelajaran namun guru masih diberi kelonggaran untuk melaksanakan ALPdP semasa program nilam sekiranya guru ingin menjalankan ALPdP.

[SMKAmanah/ jadualwaktu/24.7.19]

Aida: ... Arhh macam PK Koko dia memang guru Pendidikan Moral apa semua... dia memang... mengalakkanlah buat... supaya dia kata ok supaya pelajar tertarik... supaya pelajar macam tak bosan...

[SMKAmanah/A072/temubual/24.7.19]

Salah seorang daripada pentadbir merupakan guru Pendidikan Moral yang memahami konsep pelaksanaan ALPdP. Pentadbir berkenaan sentiasa memberi sokongan, dorongan dan idea dalam pelaksanaan ALPdP.

[SMKAmanah/pemerhatian/18.9.19]

Hasil penelitian dokumen turut mendapati bahawa jadual ALPdP ini dislotkan dalam jadual waktu persekolahan dan guru Pendidikan Moral turut diberi kelonggaran untuk menjalankan ALPdP semasa waktu nilam sekiranya perlu.

[SMKAmanah/jadualwaktu/24.7.19]

Lim: Pentadbir... *because they allow us to do this...*

Pentadbir... kerana mereka membenarkan kami untuk melaksanakan aktiviti ini...

[SMKDedikasi/L179/temubual/14.6.19]

Ketiga-tiga guru akur akan ketetapan masa dan waktu yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah dalam pelaksanaan ALPdP. Ketiga-tiga orang guru hadir awal ke sekolah pada setiap hari Jumaat. Ketiga-tiga guru bersetuju dengan pihak sekolah dan menetapkan hari Jumaat sebagai hari untuk pelaksanaan ALPdP.

[SMKDedikasi/pemerhatian/14.6.19]

Pentadbir telah membantu menetapkan hari (Jumaat) dan masa (1.20 tengah hari – 2.00 petang) untuk pelaksanaan ALPdP setelah mendapat persetujuan guru Pendidikan Moral menengah rendah supaya aktiviti ini dapat diselaraskan untuk semua murid Tingkatan Satu dan Tingkatan Dua.

[SMKDedikasi/jadualwaktu/2.8.19]

Prema: Katakan... arhh sebab kalau saya nak buat gotong-royong dekat taman herba tu saya akan maklum pada pengetua... pengetua *on* sahaja... kalau saya nak guna mana- mana bilik *or* maklum kepada PK1 *it's ok...*

[SMKGigih/P110/temubual/18.7.19]

Guru mendapat kerjasama padu daripada pentadbir. Pentadbir membenarkan Prema bergabung dengan Unit Bimbingan dan Kaunseling untuk turut serta ke rumah warga emas sebagai aktiviti tahunan untuk murid Pendidikan Moral.

[SMKGigih/lawatankerumahwargaemas/25.6.2019]

Prema turut dibenarkan untuk menggunakan bilik Pendidikan Moral sepenuhnya untuk program moral tanpa sebarang gangguan daripada program sekolah yang lain. Penggunaan bilik moral direkodkan dan dijaga oleh guru Pendidikan Moral di sekolah berkenaan.

[SMKGigih/rekopenggunaanbilikmoral/6.9.19]

Normiza: Pentadbir sokongan penuh.. sebab masukkan dalam jadual dan KP

[SMKUsaha/N194/temubual/19.6.19]

Setiap minggu guru diperuntukan lima waktu untuk subjek Pendidikan Moral dan guru menjalankan ALPdP mengikut kesesuaian sehingga mencapai 32 jam.

[SMKUsaha/pemerhatian/16.7.19]

Guru juga menggabungkan aktiviti sekolah selari dengan ALPdP dan mendapat sokongan daripada pihak sekolah.

[SMKUsaha/dokumen/19.6.19]

Mastura: Ok kalau guru kanan... ok dia ada memberi idea untuk aktiviti apa yang kita perlukan... pengetua... pengetua lebih kepada arhhh membuat pemantauanlah kepada guru-guru ni dan ada sekiranya ada isu berbangkit arhhh pengetua akan berjumpa dengan guru dan bertanyakan apalah masalah yang berlaku untuk PMLW.

[SMKCemerlang/M074/temubual/21.8.19]

Setiap hari Khamis dari pukul 1.55 tengah hari hingga 3.05 petang telah ditetapkan untuk pelaksanaan ALPdP oleh pihak sekolah.

[SMKCemerlang/pemerhatian/5.9.19]

Pihak sekolah memaklumkan ibu bapa mengenai pelaksanaan ALPdP untuk murid Pendidikan Moral menengah rendah. Sekiranya terdapat isu berbangkit berkaitan ALPdP di sekolah pada hari berkenaan maka perkara tersebut akan diuruskan oleh guru Pendidikan Moral dengan bantuan pentadbir.

[SMKCemerlang/dokumen/21.8.19]

Prema mudah mendapat kelulusan daripada pihak pentadbir sekiranya ingin melaksanakan sebarang ALPdP sama ada di dalam ataupun di luar kawasan sekolah. Lim juga bersyukur kerana ALPdP ini turut mendapat perhatian pentadbir apabila mereka mencari masa yang sesuai untuk dilaksanakan iaitu pada setiap hari Jumaat. Mastura pula sentiasa mendapat bantuan daripada pentadbir semasa pelaksanaan ALPdP terutamanya apabila terdapat isu berbangkit mengenai ALPdP. Penelitian dokumen mendapati bahawa ibu bapa SMK Cemerlang pernah mempersoalkan keperluan murid Pendidikan Moral menengah rendah untuk *stayback* selepas waktu sekolah. Namun kes tersebut telah dikendalikan oleh pentadbir bersama guru Pendidikan Moral untuk menjelaskan keperluan pelaksanaan ALPdP.

Hasil dapatan kajian turut membuktikan bahawa meskipun guru Pendidikan Moral menengah rendah menyatakan memperoleh sokongan pentadbir dalam pelaksanaan ALPdP ini namun pihak pentadbir tidak memahami sepenuhnya pelaksanaan ALPdP. Hal ini demikian kerana di sekolah Humie, Aida dan Normiza pentadbir memasukkan ALPdP dalam jadual waktu persekolahan. ALPdP ini

sepatutnya dilaksanakan oleh guru Pendidikan Moral menengah rendah di luar waktu persekolahan.

Di sekolah Lim pula pentadbir mengeluarkan arahan kepada guru Pendidikan Moral menengah rendah Tingkatan Satu dan Tingakatan Dua untuk hadir awal ke sekolah pada setiap hari Jumaat untuk memastikan ALPdP dapat dilaksanakan oleh guru dan murid. Namun begitu, pelaksanaan ALPdP oleh guru Pendidikan Moral tidak dimasukkan dalam jadual waktu guru dan tidak diambil kira sebagai waktu mengajar guru seperti yang termaktub dalam surat pekeliling yang dikeluarkan oleh KPM kepada semua pentadbir sekolah. Di sekolah Mastura pula pentadbir menerima surat ketidakhadiran daripada ibu bapa untuk tempoh setahun meskipun ALPdP ini merupakan aktiviti wajib yang perlu disertai oleh semua murid Pendidikan Moral menengah rendah. Di samping itu, tiada sebarang tindakan susulan yang diambil sekiranya murid tidak hadir ke ALPdP. Hal ini memberi gambaran seolah-olah ALPdP ini tidak penting dan murid mempunyai kelonggaran untuk memilih sama ada untuk hadir atau tidak semasa pelaksanaan ALPdP ini.

4.9.1.2 Ketua Panitia Pendidikan Moral

Selain pentadbir sokongan daripada ketua panitia memberi kesan positif kepada guru dalam pelaksanaan ALPdP.

Humie: KP sendiri pun...

[SMKAmanah/H070/temubual/24.7.19]

Ketua panitia memberi sokongan moral kepada Humie semasa pelaksanaan ALPdP. Setiap ALPdP akan dibincang oleh Humie bersama ketua panitia dan mendapat persetujuan serta sokongan padu Ketua Panitia Pendidikan Moral SMK Amanah. Semasa pelaksanaan aktiviti *Urban Farming* ketua panitia Humie turut hadir untuk melihat pelaksanaan aktiviti yang dijalankan oleh Humie.

[SMKAmanah/urbanfarming/5.9.19]

Hasil semakan fail panitia Pendidikan Moral SMK Amanah mendapati bahawa semasa mesyuarat panitia Pendidikan Moral, pentadbir Humie yang juga merupakan guru Pendidikan Moral merangkap bekas guru sumber dan guru cemerlang Pendidikan Moral turut hadir untuk membantu Ketua Panitia Pendidikan Moral dan guru menengah rendah khasnya dalam pelaksanaan ALPdP ini.

[SMKAmanah/mesyuaratpanitia/18.9.19]

Normiza: KP

[SMKUsaha/N194/temubual/19.6.19]

Membantu dari segi peralatan guna duit PCG

[SMKUsaha/N196/temubual/19.6.19]

Hasil pemerhatian mendapati bahawa Normiza mendapat penjelasan yang terperinci mengenai pelaksanaan ALPdP daripada ketua panitia. Normiza menggabungkan aktiviti sekolah dan ALPdP sekiranya dapat diintegrasikan mengikut topik dan penerapan nilai dalam kalangan murid.

[SMKUsaha/sambutan/19.6.19]

Penelitian dokumen turut mendapati bahawa ketua panitia memberikan penjelasan secara terperinci apabila menyatakan bahawa “dalam Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) terdapat satu unit tradisional.... jika terdapat murid memakai pakaian tradisional sewaktu pihak sekolah mengadakan sesuatu program melibatkan kepelbagaiannya kaum, mereka layak diberikan band 6”. Petikan itu diminitkan dalam mesyuarat panitia pertama bagi tahun 2019. Hal ini membuktikan bahawa guru Pendidikan Moral menengah rendah di SMK Usaha dibekalkan dengan maklumat dan panduan dalam pelaksanaan ALPdP dengan mengintegrasikan aktiviti sekolah.

[SMKUsaha/minitmesyuarat/25.1.19]

Kesimpulannya, penerangan jelas daripada ketua panitia Pendidikan Moral amat penting dalam pelaksanaan ALPdP dalam kalangan guru. Humie dan Normiza melaksanakan ALPdP ini dengan sebaik mungkin berpandukan taklimat dan penerangan yang diberikan oleh ketua panitia. Hasil penelitian dokumen turut melaporkan bahawa taklimat mengenai 32 jam pelaksanaan ALPdP dilaksanakan oleh ketua panitia Pendidikan Moral untuk memastikan kelangsungan ALPdP. Di samping itu, guru Pendidikan Moral turut mendapat sokongan daripada ketua panitia Pendidikan Moral melalui peruntukan kewangan yang diberikan kepada mereka dalam pelaksanaan ALPdP. Meskipun peruntukan kewangan yang diberikan oleh ketua panitia terhad namun bantuan kewangan tersebut mampu menampung beberapa ALPdP yang dirancang oleh guru Pendidikan Moral menengah rendah.

Hasil dapatan kajian turut membuktikan bahawa sokongan yang diperoleh guru Pendidikan Moral menengah rendah daripada ketua panitia membantu dalam kelangsungan ALPdP. Hal ini demikian kerana ketua panitia merupakan guru yang menghadiri kursus KSSM berkaitan dengan ALPdP yang dianjurkan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) dan merupakan sumber rujukan utama guru Pendidikan Moral menengah rendah mengenai ALPdP. Oleh itu, kerjasama dan sokongan daripada ketua panitia amat diperlukan oleh guru Pendidikan Moral dalam memastikan ALPdP dapat dilaksanakan oleh guru selama 32 jam setahun.

4.9.1.3 Ahli Panitia Pendidikan Moral

Tiga daripada tujuh peserta kajian menyatakan bahawa perancangan aktiviti ALPdP mendapat sokongan daripada ahli panitia Pendidikan Moral.

Aida: ...biasa kalau antara panitia memang dalam panitia moral memang kita macam ok bagus mereka pun memang menyokonglah... kalau kita nak buat aktiviti... ok je semua...

Kebanyakan aktiviti yang dijalankan oleh Aida adalah mengikut peruntukan masa dalam jadual waktu semasa waktu PdP.

[SMKAmanah/pemerhatian/18.9.19]

Idea pelaksanaan ALPdP diperoleh melalui sumbang saran yang dilakukan oleh Aida bersama guru lain. Aktiviti yang dijalankan oleh Aida hampir sama dengan guru lain tetapi disusun mengikut kreativiti sendiri dengan mengambil kira tahap penguasaan murid yang diajar.

[SMKAmanah/RPH/22.3.19]

Lim: *arr but it was a discuss among the moral teachers... three of us... we discuss what activities we would like to come out...*

arr ada perbincangan dalam kalangan guru-guru moral... kami bertiga... kami berbincang apa aktiviti yang kami ingin jalankan...

[SMKDedikasi/L100/temubual/14.6.19]

Kehadiran ketiga-tiga guru semasa pelaksanaan ALPdP menampakkan kerjasama dalam kalangan guru.

[SMKDedikasi/pemerhatian/14.6.19]

Ketiga-tiga guru menjalankan ALPdP dari bulan Januari hingga bulan Jun 2019. ALPdP ini diberhentikan pada bulan 7 kerana telah mencapai 32 jam. ALPdP ini diteruskan selepas bulan Julai sekiranya aktiviti anjuran pihak sekolah boleh dijalankan dengan ALPdP.

[SMKDedikasi/rayaperdana/2.7.19]

Prema: Ahli panitia... *is like* kadang-kadang *brainstorming* cadangan aktiviti *share* idea arhh cadanganlah macam mana kita nak lebih baik.

[SMKGigih/P112/temubual/18.7.19]

Bilangan murid yang sedikit menjadikan pengendalian ALPdP lebih teratur dan tersusun. Segala bahan dikongsi dan dipamerkan dalam bilik moral oleh semua guru Pendidikan Moral untuk tujuan sumbang saran ALPdP. Gabungan hasil kerja murid menjadikan guru mudah untuk menjalankan aktiviti *Gallery Walk*.

[SMKGigih/pemerhatian/6.9.19]

Guru telah mengadakan perbincangan dengan guru moral yang lain mengenai KSSM.

[SMKGigih/dokumen/6.9.2019]

Mastura: ...saya ingat kerjasama antara guru PMLW ini arhhh sangat baik sekiranya ada salah seorang yang tak hadir ataupun MC arhhh cikgu lain akan tolong jagakan murid arh cikgu yang MC ataupun tak hadir tu...

[SMKCemerlang/M074/temubual/21.8.19]

Memandangkan ALPdP ini diselaraskan pada hari Khamis dari pukul 1.55 tengah hari hingga 3.05 petang maka semua guru yang terlibat dalam ALPdP Tingkatan Satu, Tingkatan Dua dan Tingkatan Tiga perlu *stayback* pada hari berkenaan.

[SMKCemerlang/pemerhatian/5.9.19]

Aktiviti yang dijalankan oleh guru adalah secara berasingan mengikut tingkatan dan kelas yang diajar oleh guru. Namun begitu, kelas akan digabungkan sekiranya ada guru yang tidak hadir ke sekolah pada hari pelaksanaan ALPdP.

[SMKCemerlang/laporanALPdP/18.9.19]

Sokongan ahli panitia diperoleh oleh Aida dan Prema sebelum pelaksanaan ALPdP terutamanya semasa mesyuarat panitia. Di sekolah Lim ketigatiga guru Pendidikan Moral hadir untuk menyokong dan mengendalikan ALPdP bersama-sama namun situasi Aida dan Prema berbeza. Hal ini demikian kerana kelas mereka tidak digabungkan bersama guru lain meskipun aktiviti dicadangkan oleh guru lain dalam mesyuarat panitia tetapi pelaksanaan kebanyakan aktiviti dijalankan mengikut kreativiti dan inisiatif guru itu sendiri manakala di sekolah Mastura pula rata-rata guru di sekolah berkenaan memilih aktiviti mengikut kepakaran guru yang mengendalikan ALPdP. Contohnya, guru opsyen Pendidikan Seni yang mengendalikan ALPdP merancang aktiviti selari dengan kepakarannya seperti membuat origami, lukisan dan sebagainya.

4.9.2 Pihak Luar

Terdapat pihak luar yang sanggup bekerjasama dengan guru Pendidikan Moral dalam pelaksanaan ALPdP. Namun begitu, usaha untuk mendapatkan kerjasama daripada pihak luar harus diambil oleh guru.

4.9.2.1 Penceramah

Segelintir guru berjaya mendapatkan sokongan daripada pihak luar untuk memberi nafas baharu dalam pelaksanaan ALPdP. Rata-rata guru cuba mencari jalan untuk melaksanakan ALPdP sebaik mungkin. Namun hanya segelintir guru Pendidikan Moral sahaja yang cuba mengadakan kerjasama dengan pihak luar.

Lim: *This is not really about Kristians and I meant their from church but they is like more of like ice breaking and also erm... how to call it... value learning activity just talk in general and then they show using they even use some.. some scientific kind of experiment to bring out the more values...*

Ini bukanlah berkaitan agama Kristian maksud saya mereka dari gereja tetapi aktiviti ini lebih kepada sesi mengenali diri dan erm... aktiviti pembelajaran nilai... perbincangan secara umum dan mereka menggunakan kaedah saintifik untuk mengeluarkan nilai moral dalam diri murid.

[SMKDedikasi/L084/temubual/14.6.19]

Ya... they volunteered

Ya... secara sukarela

[SMKDedikasi/L088/temubual/14.6.19]

ALPdP pada setiap hari Jumaat dikendalikan oleh guru menengah rendah sepenuhnya di pusat sumber. Namun aktiviti ALPdP ini turut diintegrasikan dengan aktiviti moral yang dijalankan semasa waktu PdP oleh guru di SMK Dedikasi.

[SMKDedikasi/pemerhatian/14.6.19]

Hasil penelitian dokumen mendapati bahawa guru Pendidikan Moral SMK Dedikasi berjaya membawa kelainan dalam pelaksanaan ALPdP apabila berjaya menjemput penceramah luar yang tidak mengenakan sebarang bayaran.

[SMKDedikasi/dokumen/14.6.19]

Guru Pendidikan Moral di SMK Dedikasi berjaya mendapatkan penceramah luar secara sukarela dengan kerjasama ketua panitia dan kesemua guru bukan Islam di sekolah berkenaan. Hal ini demikian kerana ALPdP ini digabungkan

dengan aktiviti kerohanian sekolah dan mendapat kerjasama daripada semua pihak di sekolah dan seterusnya memudahkan kawalan dan mempunyai sumber tenaga yang mencukupi untuk melaksanakan ALPdP ini. ALPdP ini dijalankan dalam skala yang besar dan melibatkan orang luar secara sukarela untuk mencungkil identiti murid melalui aktiviti nyanyian dan penulisan skrip oleh penceramah luar.

4.10 Kesimpulan

Penyelidik membincangkan analisis data dan dapatan data dalam bab ini. Kaedah analisis tema digunakan oleh penyelidik untuk analisis data yang diperoleh daripada ketiga-tiga sumber iaitu temu bual (*one-to-one*), pemerhatian dan penelitian dokumen. Persoalan kajian yang dibentuk oleh penyelidik telah dijawab melalui data analisis yang diperoleh dalam kajian ini. Data analisis tersebut dijadikan sebagai bukti untuk menjawab ketiga-tiga persoalan kajian ini. Bentuk analisis deskriptif digunakan untuk membentangkan dapatan kajian. Dapatan kajian telah mengenal pasti persepsi, meneroka cabaran dan peluang serta memahami sokongan yang diperoleh guru dalam pelaksanaan ALPdP. Perbincangan dalam bab seterusnya merangkumi dapatan kajian, implikasi kajian dan cadangan.

BAB 5

PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan ringkasan kajian, perbincangan dapatan kajian, cabaran dalam pelaksanaan kajian, implikasi kajian, cadangan daripada dapatan kajian, cadangan kajian lanjutan dan penutup.

Penyataan masalah, tujuan kajian, kerangka konseptual, kaedah kajian, pemilihan peserta kajian, instrumen kajian, kaedah pengumpulan data dan analisis data telah dibincangkan dalam ringkasan kajian. Bahagian seterusnya pula membincangkan dapatan kajian dan perkaitan dengan kajian-kajian lepas dalam pelaksanaan ALPdP Pendidikan Moral menengah rendah.

Seterusnya implikasi kajian turut menyentuh keperluan pelaksanaan ALPdP. Di samping itu, bahagian cadangan daripada dapatan kajian pula telah mengesyorkan beberapa tindakan yang boleh diambil oleh pihak berkepentingan dalam pelaksanaan ALPdP Pendidikan Moral menengah rendah. Diikuti dengan bahagian cadangan kajian lanjutan dan diakhiri dengan penutup kajian ini.

5.2 Ringkasan Kajian

Kajian ini telah mengenal pasti persepsi, meneroka cabaran dan peluang serta memahami sokongan yang diterima oleh guru dalam pelaksanaan ALPdP Pendidikan Moral. Hasil dapatan kajian melaporkan faktor yang mempengaruhi pelaksanaan ALPdP. Di samping itu, elemen-elemen yang menyebabkan kelemahan dalam pelaksanaan ALPdP Pendidikan Moral dan cadangan untuk meningkatkan keberkesanan pelaksanaan ALPdP Pendidikan Moral turut dibincangkan dalam bab ini.

Dua teori diadaptasi dalam kajian ini iaitu Teori John Dewey (1891) dan Teori Rogers (1951). Justeru itu, kerangka konseptual yang dibina merupakan adaptasi daripada gabungan Teori John Dewey (1891) dan Teori Rogers (1951). Teori yang diadaptasi mengambil kira peranan penting sekolah dalam menyediakan persekitaran yang membolehkan murid meneroka perkara baharu dan proses pengintegrasian komponen intelek, emosi dan perlakuan dengan mewujudkan ALPdP Pendidikan Moral yang mengaitkan pengalaman murid. Perkaitan antara minat, perkembangan intelek dan pengalaman murid dalam pendidikan turut ditekankan dalam teori Dewey (Tukiran, Long, Redzuan, & Hassan, 2019).

Ketiga-tiga persoalan kajian ini telah dijawab melalui kaedah penyelidikan kualitatif dengan menggunakan reka bentuk kajian kes. Dapatan kajian dikutip daripada peserta kajian yang telah dipilih melalui kaedah persampelan bertujuan (*purposive sampling*) dengan menggunakan kaedah temu bual (*one-to-one*), pemerhatian dan penelitian dokumen. Kaedah tematik digunakan untuk analisis data bagi mengenal pasti dan melaporkan tema yang dibentuk melalui data yang diperoleh penyelidik.

Seramai tujuh orang guru telah menyuarakan persepsi mereka mengenai pelaksanaan ALPdP. Kesemua guru berkenaan mewakili enam buah sekolah di sekitar Lembah Klang. Di samping itu, peserta kajian turut berkongsi cabaran dan peluang yang dihadapi dalam memastikan kelangsungan ALPdP serta sokongan yang diperoleh dalam pelaksanaan ALPdP. Kepentingan kajian ini jelas apabila data menunjukkan bahawa masih terdapat pemahaman yang berbeza dalam kalangan guru Pendidikan Moral menengah rendah dalam pelaksanaan ALPdP.

5.3 Perbincangan Dapatan Kajian

Dapatan kajian ini dibincangkan mengikut objektif kajian iaitu persepsi, cabaran dan peluang serta sokongan yang diperoleh guru dalam pelaksanaan ALPdP di Malaysia serta perkaitan dengan kajian lain yang selari dengan kajian ini. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa ketiga-tiga objektif kajian ini telah terjawab melalui proses pengumpulan data. Secara umumnya hasil dapatan kajian membuktikan bahawa ketujuh-tujuh peserta kajian sedia maklum mengenai pelaksanaan ALPdP Pendidikan Moral di sekolah.

5.3.1 Persepsi Guru Pendidikan Moral mengenai Pelaksanaan ALPdP

Persepsi negatif guru mengenai pelaksanaan ALPdP Pendidikan Moral dapat disimpulkan berpuncak daripada faktor kurang jelas dalam kalangan guru Pendidikan Moral menengah rendah. Beberapa fahaman berbeza telah dilaporkan oleh guru dalam pelaksanaan ALPdP. Oleh itu, penerimaan ALPdP kurang memberangsangkan dalam kalangan guru Pendidikan Moral menengah rendah dan menyebabkan guru Pendidikan Moral menengah rendah kurang bermotivasi dalam pelaksanaan ALPdP. Di samping itu, guru Pendidikan Moral menengah rendah menjalankan ALPdP sekadar memenuhi syarat dan kurang menjiwai ALPdP. Guru Pendidikan Moral menengah rendah turut menyatakan keimbangan dalam pelaksanaan ALPdP yang sedang dijalankan sama ada mematuhi piawaian KPM atau sebaliknya.

Segelintir guru turut menyatakan bahawa kurang motivasi untuk melaksanakan ALPdP apabila surat pekeliling mengenai pelaksanaan ALPdP diturunkan oleh KPM ke peringkat sekolah menengah. Perkara yang dinyatakan oleh guru Pendidikan Moral menengah rendah mengenai pelaksanaan ALPdP ini membimbangkan kerana bercanggah dengan konsep asal pengenalan ALPdP. Guru menzahirkan perasaan terkejut apabila ALPdP mula-mula diperkenalkan oleh KPM di peringkat sekolah.

Rata-rata guru menyatakan bahawa tempoh 32 jam untuk setahun agak lama dan guru mampu menghabiskan silibus Pendidikan Moral tanpa penambahan 32 jam ini. Hal ini jelas membuktikan bahawa penekanan domain penaakulan moral lebih diberi tumpuan di peringkat sekolah berbanding dengan domain emosi moral dan perlakuan moral. Kesedaran mengenai kepentingan ALPdP perlu ditingkatkan dalam kalangan guru agar guru dapat memahami kepentingan pelaksanaan ALPdP. James dan Williams (2017) menegaskan bahawa pendidikan luar kelas berasaskan pengalaman yang dianjurkan di peringkat sekolah meskipun sering diabaikan sebagai sebahagian daripada kurikulum merupakan pendidikan yang berharga kepada murid.

Maklumat yang diperoleh guru Pendidikan Moral menengah rendah mengenai pelaksanaan ALPdP kebiasaananya adalah melalui Ketua Panitia Pendidikan Moral yang menghadiri kursus yang dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Pencairan maklumat dilaporkan telah berlaku semasa kursus dalaman yang dilaksanakan di peringkat sekolah. Pengendalian ALPdP ini tidak dapat dinafikan bahawa terletak sepenuhnya kepada pemahaman dan budaya yang diwujudkan oleh guru di sesebuah sekolah.

Peranan guru yang digariskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia sama dengan peranan guru yang dinyatakan oleh Bowers (2016) iaitu guru harus berusaha untuk mengetahui dan memahami kurikulum yang telah dibangunkan oleh penggubal. Namun begitu, masih terdapat segelintir guru yang tidak menguasai silibus baharu mata pelajaran Pendidikan Moral dan kurang arif mengenai DSKP mahupun KSSM. Oleh itu, pengenalan kurikulum baharu tidak sepatutnya berakhir dengan strategi pengajaran baharu tanpa pemahaman teori dan prinsip asas pengenalan sesuatu kurikulum (Miovska-spaseva, 2016).

Memandangkan pemahaman guru mengenai pelaksanaan ALPdP Pendidikan Moral masih kurang jelas maka pengenalan ALPdP ini dianggap sebagai sesuatu yang membebankan guru. Segelintir guru menyatakan bahawa pelaksanaan ALPdP terbeban di peringkat awal pengenalan ALPdP namun segelintir lagi berpendapat bahawa ALPdP ini membebankan guru dari awal pengenalan hingga kini.

Maynard dan Waters (2007) menyatakan bahawa pelaksanaan ALPdP yang dijalankan oleh guru sama ada di dalam atau di luar kelas tidak menampakkan perbezaan. Perkara ini turut dikesan semasa kajian ini dijalankan apabila guru mengumpulkan semua murid Tingkatan Satu dan Tingkatan Dua di sebuah bilik khas di dalam pusat sumber dan memulakan sesi perbincangan yang berpusatkan guru. Aktiviti yang dirancang oleh guru seolah-olah proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Guru perlu sedar bahawa ALPdP tidak akan berkesan dengan hanya menempatkan murid di luar kelas dengan menggunakan kaedah pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas (Zahroh, 2017).

Pendidikan Moral merupakan mata pelajaran yang digubal agar dapat membentuk insan yang berakhhlak mulia dengan menekankan ketiga-tiga domain moral secara seimbang dalam diri murid iaitu domain penaakulan moral, emosi moral dan perlakuan moral (KPM, 2017). Hasil dapatan kajian ini telah menunjukkan bahawa kesemua guru menjalankan ALPdP di sekolah. Namun begitu, tidak semua sekolah yang menjalankan ALPdP mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh KPM. Bimbingan melalui latihan profesionalisme guru diperlukan oleh guru dalam pelaksanaan ALPdP. Situasi di sekolah menunjukkan bahawa tidak semua guru yang mengajar Pendidikan Moral menengah rendah terlibat secara langsung dalam kursus ALPdP.

Hal ini demikian kerana hanya ketua panitia Pendidikan Moral yang terlibat dalam kursus ALPdP yang dianjurkan oleh KPM meskipun mereka tidak mengajar murid Pendidikan Moral menengah rendah. Pelajar universiti yang mengambil bidang Pendidikan Moral di universiti kini sedang mengikuti silibus terkini Pendidikan Moral termasuk pelaksanaan ALPdP selama 14 minggu tetapi guru di sekolah hanya diberi kursus pelaksanaan ALPdP selama beberapa jam sahaja. Oleh itu, tidak hairanlah sekiranya masih berlaku ketirisan maklumat dalam pelaksanaan ALPdP meskipun telah dilaksanakan selama tiga tahun. Michelle (2012) turut menyatakan bahawa fungsi guru dalam pembelajaran di luar kelas berbeza daripada pembelajaran tradisional. Guru akan bertindak sebagai pemudah cara atau fasilitator sahaja dalam pelaksanaan ALPdP.

Kebanyakan guru turut menyedari bahawa proses pengajaran dan pembelajaran di luar bilik darjah memerlukan kemahiran yang berbeza jika dibandingkan dengan pembelajaran di dalam bilik darjah (Feille, 2017). Sekiranya perkara ini dapat ditangani maka peluang dalam pelaksanaan ALPdP dapat dipertingkat sejajar dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Pembelajaran di luar bilik darjah boleh memberi manfaat dalam pembangunan moral murid (Thorburn & Allison, 2017).

5.3.2 Cabaran dan Peluang dalam Pelaksanaan ALPdP

Bahagian ini membincangkan cabaran dan peluang guru Pendidikan Moral dalam pelaksanaan ALPdP dan dikaitkan dengan kajian lepas dalam konteks pembelajaran di luar kelas.

5.3.2.1 Cabaran dalam Pelaksanaan ALPdP

Pelaksanaan ALPdP sejak tahun 2017 hingga tahun 2019 menunjukkan bahawa guru Pendidikan Moral menyenaraikan lebih banyak cabaran berbanding dengan peluang dalam pelaksanaan ALPdP. Antara cabaran yang dinyatakan oleh guru dalam pelaksanaan ALPdP ialah kekurangan tenaga pengajar di sekolah. Guru menyatakan bahawa kekurangan tenaga pengajar di sekolah menyebabkan pihak pentadbir “tangkap muat” segelintir guru. Hasil dapatan membuktikan bahawa segelintir guru hanya ditugaskan untuk mengendalikan ALPdP selama 32 jam setahun bagi mencukupkan jadual waktu mengajar guru berkenaan. Perkara sama turut ditegaskan oleh Kurniasari (2019) bahawa tenaga pekerja yang terhad dan waktu pembelajaran di luar sekolah yang tidak mencukupi merupakan halangan dalam pelaksanaan aktiviti di luar sekolah.

Jadual latar belakang peserta kajian dalam Bab 4 menunjukkan bahawa tiga daripada tujuh orang guru merupakan guru bukan opsyen yang mengajar mata pelajaran Pendidikan Moral. Namun begitu, hanya seorang daripada kesemua guru berkenaan yang menyatakan bahawa keyakinan guru berkenaan untuk mengajar Pendidikan Moral lebih tinggi berbanding dengan mata pelajaran opsyen sebenar guru tersebut. Hal ini selari dengan kenyataan Rohaida dan Zamri (2016) iaitu faktor opsyen bukan penghalang bagi guru melaksanakan pengajaran. Meskipun begitu, kecenderungan dan minat dalam mata pelajaran bukan opsyen tidak dimiliki oleh semua guru. Oleh itu, para pentadbir perlu memberikan perhatian sama rata kepada guru mata pelajaran Pendidikan Moral.

Guru turut menyatakan bahawa mereka masih kurang pendedahan mengenai ALPdP dan memerlukan lebih banyak bimbingan secara langsung daripada pihak KPM. Kecelaruan maklumat mengenai pelaksanaan ALPdP direkodkan melalui

kajian ini. Antaranya guru masih keliru sama ada ALPdP perlu dilakukan hanya di luar bilik darjah atau boleh dilakukan di dalam bilik darjah. Ketujuh-tujuh orang guru Pendidikan Moral menengah rendah menjalankan ALPdP di dalam dan di luar bilik darjah. Semasa temu bual, guru turut menyatakan bahawa masih kurang jelas sama ada ALPdP boleh diselang-selikan pelaksanaannya di dalam dan di luar bilik darjah atau hanya boleh dilaksanakan di luar bilik darjah. Pelaksanaan ALPdP ini memerlukan pemahaman guru yang tinggi kerana guru merupakan agen pelaksana yang menjalankan ALPdP mengikut kreativiti sendiri dengan berpandukan DSKP dan KSSM serta tidak dibekalkan dengan sebarang modul.

Seterusnya, guru Pendidikan Moral menengah rendah turut menyatakan kekeliruan sama ada ALPdP boleh diintegrasikan dengan aktiviti sekolah atau sebaliknya. Hasil kajian ini melaporkan bahawa dua daripada tujuh orang guru Pendidikan Moral menengah rendah tidak menggabungkan ALPdP dengan mana-mana aktiviti sekolah. Reka bentuk dan kejayaan pendidikan luar kelas bergantung sepenuhnya kepada guru. Pendidik diberi kebebasan untuk mengintegrasikan nilai, kepercayaan dan sifat peribadinya untuk memberikan pendidikan yang bermakna kepada murid menerusi pendidikan luar kelas. Pendidik pendidikan luar kelas perlu memiliki set kemahiran teknikal seperti empati, amanah dan kreativiti (Rawleigh, Kemp, & Asfeldt, 2019).

Hal ini membuktikan bahawa berlaku ketirisan maklumat dalam pengendalian ALPdP. Hal ini telah menyukarkan pelaksanaan ALPdP dalam kalangan guru Pendidikan Moral menengah rendah. Situasi sama turut dilaporkan oleh Vishalache (2006) yang menyatakan bahawa semasa pengenalan kerja kursus Tingkatan Empat dan Tingkatan Lima Pendidikan Moral pada tahun 2004, segelintir guru kurang jelas dengan pelaksanaan kerja kursus dan mengambil langkah “tunggu

dan lihat” manakala segelintir guru lagi telah mula merancang dan memberi taklimat kepada murid mengenai pelaksanaan kerja kursus Tingkatan Empat dan Tingkatan Lima.

Seterusnya, guru Pendidikan Moral menengah rendah melihat ALPdP ini sebagai entiti berasingan yang memerlukan guru untuk membuat kerja tambahan sebelum atau selepas waktu persekolahan. Pelaksanaan ALPdP Pendidikan Moral yang dijalankan oleh guru sepatutnya dirancang dan direkodkan dalam Buku Rekod Mengajar (BRM) dan dikira sebagai waktu mengajar (KPM, 2016b). Namun begitu, scenario sebaliknya dilaporkan telah berlaku di sesetengah sekolah apabila ALPdP tidak diambil kira sebagai waktu mengajar guru dan guru diminta untuk mencari masa yang sesuai mengikut kelapangan guru dan murid untuk pelaksanaan ALPdP.

Oleh itu, guru perlu mempunyai pemahaman yang jelas bahawa ALPdP bukanlah sesuatu perkara baharu atau entiti berasingan daripada sistem pendidikan. Perkara sama turut ditekankan dalam lima standard asas Pembelajaran Abad ke-21 (PAK21) iaitu komunikasi, kreativiti, kolaboratif, pemikiran kritis, nilai murni dan etika (KPM, 2013). Bukan itu sahaja, malah penekanan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) turut menggariskan kepentingan merancang pengajaran berasaskan pengalaman atau situasi sebenar. Di samping itu, aktiviti yang dirancang oleh guru seharusnya memberi peluang kepada murid untuk membuat pertimbangan yang bijak dan menggunakan ilmu yang dipelajari dalam situasi yang berlainan (KPM, 2014). Pendidikan nilai harus selari dengan dunia nyata (Terence & Kerry, 2018). Sekiranya guru memahami konsep pendidikan yang disarankan oleh KPM maka pemahaman guru mengenai ALPdP akan meningkat dan memberi ruang kepada guru untuk menyedari bahawa ALPdP ialah sebahagian daripada elemen dalam penerapan KBAT dan PAK21.

Kekangan kewangan turut menjadi penghalang dalam pelaksanaan ALPdP kerana tidak semua sekolah menyediakan kemudahan peralatan yang diperlukan dan tidak semua murid berkemampuan untuk mengeluarkan duit sendiri bagi memastikan kelangsungan ALPdP. Di samping itu, latar belakang sekolah dan murid menjadi salah satu faktor yang perlu diberi perhatian dalam pelaksanaan ALPdP. Hasil kajian ini membuktikan bahawa meskipun terdapat peruntukan kewangan yang disalurkan oleh panitia Pendidikan Moral namun sumber kewangan tersebut tidak memadai untuk kelangsungan ALPdP bagi tempoh setahun.

Salah sebuah sekolah dalam kajian ini merupakan sekolah transformasi yang menyediakan keperluan asas peralatan bahan bantu mengajar kepada guru. Situasi tersebut berbeza dengan sekolah harian biasa yang memerlukan usaha panitia dan guru tanpa bantuan pihak sekolah dalam penyediaan bahan bantu mengajar. Oleh itu, guru terpaksa mengeluarkan duit sendiri atau membuat kutipan daripada murid untuk melaksanakan ALPdP. Ernst (2016) turut menyatakan bahawa halangan utama dalam pengendalian pembelajaran di luar bilik darjah yang dilaporkan oleh guru termasuk pengangkutan, keupayaan guru, peruntukan kewangan, ujian, masa perancangan, keselamatan dan akses.

Di samping itu, memandangkan ALPdP ini dijalankan sebelum atau selepas waktu persekolahan maka guru menyatakan bahawa murid kerap tidak hadir untuk ALPdP dan pihak sekolah diberikan surat tunjuk sebab oleh segelintir ibu bapa. Hal ini sekali gus menyukarkan guru untuk mengambil tindakan susulan. Guru turut menyatakan bahawa kawalan kelas semasa pelaksanaan ALPdP ini tidak semudah proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Di samping itu, penguasaan Bahasa Melayu yang lemah dalam kalangan murid juga menyukarkan guru dalam pelaksanaan ALPdP. Bukan itu sahaja malah sikap murid turut digariskan sebagai

cabaran dalam pelaksanaan ALPdP. Sikap sambil lewa murid terhadap mata pelajaran Pendidikan Moral menyebabkan murid memandang enteng ALPdP yang dirancang oleh guru.

Akhir sekali, guru turut menyatakan bahawa pihak berkepentingan perlu mengambil kira kebijakan guru yang mengajar Pendidikan Moral menengah rendah. Memandangkan ALPdP ini dijalankan di luar waktu maka guru terpaksa datang awal atau pulang lewat berbanding dengan rakan sekerja yang lain. Meskipun masa mengajar diambil kira namun guru perlu bekerja sebelum atau selepas masa yang sepatutnya. Perkara ini bukan hanya untuk setahun tetapi akan berterusan dan guru yang sama akan dipertanggungjawab untuk melaksanakan ALPdP ini.

5.3.2.2 Peluang dalam Pelaksanaan ALPdP

Guru menyatakan bahawa pelaksanaan ALPdP ini membantu dalam menerapkan dan memupuk amalan nilai dalam kalangan murid secara langsung. Guru turut menyatakan bahawa pelaksanaan ALPdP ini tidak hanya tertumpu kepada domain penaakulan moral tetapi dapat menggabungkan ketiga-tiga domain moral iaitu penaakulan moral, emosi moral dan perlakuan moral semasa pelaksanaan ALPdP. Di samping itu, ALPdP dapat meningkatkan KBAT murid dengan mencungkil kreativiti dan meningkatkan kemahiran berkomunikasi dalam kalangan murid. Hasil dapatan kajian ini selari dengan dapatan Rawleigh, Kemp dan Asfeldt (2019) iaitu program pendidikan luar kelas mempunyai kesan positif terhadap murid kerana dapat meningkatkan keyakinan diri, kesedaran diri, kemahiran kepimpinan dan komunikasi serta memupuk ikatan persahabatan yang kukuh dalam kalangan murid.

ALPdP merupakan antara landasan yang terbaik kepada guru untuk meningkatkan kemahiran komunikasi dalam kalangan murid. Pengujian dan pengukuran kesan *Character Education* dengan mengambil kira persekitaran

pembelajaran menampakkan kesan positif dalam perkembangan interpersonal dan intrapersonal murid (Terence & Kerry, 2018). Proses sebelum, semasa dan selepas ALPdP menyediakan peluang kepada murid untuk berkomunikasi antara satu sama lain bagi memastikan kelangsungan ALPdP yang dirancang berjalan dengan lancar. Hubungan sesama guru dan murid turut ditingkatkan melalui ALPdP. Guru berpeluang untuk mengenali dan mendekati murid. Melalui pelaksanaan aktiviti pengembaraan, lawatan atau perkhemahan didapati hubungan antara murid dan guru bertambah baik dan kesannya dapat mewujudkan hubungan budaya yang lebih banyak (Torkos, 2018; Lloyd, Truong, & Gray, 2018).

Dapatan yang sama turut diketengahkan oleh Terence dan Kerry (2018) iaitu guru menyatakan bahawa persekitaran pembelajaran mampu meningkatkan hubungan guru dan murid. Bukan sahaja sesama murid malah ALPdP yang dirancang oleh guru dengan melibatkan masyarakat turut membuka peluang kepada murid untuk meneroka perkara baharu. Murid yang terlibat dalam pembelajaran di luar bilik darjah mempunyai sikap yang lebih positif terhadap sekolah, berasa lebih bertanggungjawab, menunjukkan tanggungjawab terhadap kerja sekolah, memupuk keyakinan yang lebih tinggi serta harga diri dan seterusnya peningkatan dalam pencapaian akademik (Meighan & Rubenstein, 2018). Pembelajaran persekitaran humanistik dapat memupuk hubungan peribadi dalam kalangan guru dan murid, memupuk kolaborasi, kemahiran sosial, kemahiran komunikasi, nilai menghormati dan pembinaan perwatakan remaja (Leach, 2018).

Di samping itu, murid turut didedahkan dengan situasi yang memerlukan mereka membuat keputusan untuk menyelesaikan masalah semasa sesuatu aktiviti dijalankan oleh guru. Hasil dapatan kajian McGowan (2016) turut menggariskan dapatan yang sama iaitu pendidikan luar kelas menunjukkan

peningkatan kemahiran penyelesaian masalah, kemahiran interpersonal dan keberkesanan diri dalam kalangan remaja. Aktiviti lawatan ke rumah warga emas yang dijalankan oleh salah seorang peserta kajian ini memberi ruang dan peluang kepada murid untuk mendekati warga emas yang malang. Semasa lawatan tersebut murid cuba mencari topik perbualan yang sesuai dengan warga emas.

Bukan itu sahaja, malah murid memastikan perbualan dan perlakuan sepanjang berada di rumah warga emas tidak menguris hati penghuni di situ. Guru mewujudkan pendidikan sebenar melalui rangsangan dengan memberi peluang kepada murid untuk meneroka diri sendiri. Bukan itu sahaja malah rangsangan ini membolehkan murid untuk berfikir dan mengambil kira keperluan orang lain dalam menjaga perpaduan (John Dewey, 1897). Miovska-spaseva (2016) turut menyatakan bahawa Teori Dewey menekankan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang mempunyai perkaitan dengan kurikulum, disiplin sekolah, peranan guru, peranan sekolah dan tidak terpisah dengan pembaharuan dalam pendidikan.

Secara tidak langsung aktiviti seperti ini bukan sahaja menyediakan pembelajaran berasaskan pengalaman kepada murid malah dapat membentuk kemenjadian murid secara holistik dengan menekankan penaakulan moral, emosi moral dan perlakuan moral dalam diri murid. Hal ini selari dengan penekanan oleh Rogers (1951, 1969) yang menyeru agar guru merancang pembelajaran berpusatkan murid, menetapkan suasana pembelajaran yang positif dan mengimbangi intelek dan emosi murid. Hal ini dikatakan demikian kerana Rogers percaya bahawa setiap individu mempunyai potensi untuk menilai kehidupan mereka (Patel, 2016).

Christie, Beames, dan Higgins (2016) seiring dengan kajian yang dijalankan oleh Lloyd, Truong dan Gray (2018) turut menyatakan bahawa pembelajaran luar kelas boleh meningkatkan kreativiti dan imaginasi murid serta

menunjukkan peningkatan dalam pencapaian akademik murid. Pembelajaran luar mampu memperkaya pengetahuan dan meningkatkan pemikiran kritikal (Mankiw, Strasser, & Bresson, 2018). Perubahan ketara iaitu sikap positif terhadap pembelajaran juga dapat dilihat dalam diri murid menerusi pendidikan luar kelas yang merangkumi perubahan sikap. Di samping itu, ALPdP dapat menggalakkan komunikasi antara kumpulan, perkongsian idea dan maklumat serta autonomi (Torkos, 2019). Bukan itu sahaja malah hasil dapatan kajian ini turut membuktikan bahawa aktiviti menarik yang dirancang oleh guru telah berjaya menimbulkan minat murid terhadap mata pelajaran Pendidikan Moral. Clarke-Vivier dan Lee (2018) turut menggariskan perkara tersebut iaitu pembelajaran di luar sekolah turut meningkatkan pelibatan murid dalam aktiviti, mencetuskan perasaan ingin tahu, meningkatkan minat dan menyediakan pengalaman yang sukar dilupakan. Zahroh (2017) turut menegaskan bahawa pembelajaran di luar kelas dapat meningkatkan kualiti manusia.

Aktiviti yang dirancang dan dilaksanakan oleh guru mampu memberi pembelajaran bermakna kepada murid dengan melibatkan murid secara langsung. Aktiviti yang dirancang mestilah bersesuaian dengan murid dan disesuaikan mengikut keadaan semasa (Lloyd et al., 2018). Setiap aktiviti perlu ada kaitan dengan murid supaya murid dapat menghubungkan kepentingan sesuatu situasi dalam kehidupan seharian. Guru melibatkan murid secara aktif sebelum, semasa dan selepas ALPdP. Sebelum ALPdP dilaksanakan guru mengadakan sumbang saran bersama murid untuk membincangkan aktiviti yang bersesuaian mengikut DSKP yang boleh dilaksanakan semasa ALPdP. Setelah itu, guru melaksanakan ALPdP mengikut perancangan dan membuat refleksi selepas ALPdP. Dapatan kajian membuktikan bahawa pengalaman bermakna yang disediakan oleh guru dapat meningkatkan penaakulan moral, emosi moral dan perlakuan moral dalam kalangan murid.

Sekiranya guru komited untuk mewujudkan suasana yang selamat maka ini memberi peluang kepada murid untuk mengatasi cabaran, meningkatkan kesediaan murid untuk pembelajaran dan meningkatkan pencapaian akademik serta tingkah laku (Chan, 2016). Bukan itu sahaja malah aktiviti di luar bilik darjah memberi peluang kepada guru untuk meningkatkan keberkesanan diri pendidik dan dipercayai boleh mempengaruhi tingkah laku guru dengan menjadikan guru lebih inovatif dan yakin untuk mengendalikan aktiviti di luar kelas (Nundy, Dillon, & Dowd, 2009). Terdapat jurang antara konsep ALPdP yang diperkenalkan oleh KPM dan pemahaman guru. Jurang ini harus dikurangkan agar pelaksanaan ALPdP boleh mencapai matlamat yang diinginkan oleh KPM.

5.3.4 Sokongan yang diperoleh Guru Pendidikan Moral dalam Pelaksanaan ALPdP

Sokongan yang diperoleh guru Pendidikan Moral dalam pelaksanaan ALPdP boleh dibahagikan kepada dua iaitu sokongan daripada pihak sekolah dan sokongan daripada pihak luar sekolah. Kebanyakan guru hanya bergantung kepada sokongan dalaman dan lebih selesa berurus dengan pihak sekolah dan rakan setugas berbanding dengan mendapatkan bantuan dan sokongan daripada pihak luar. Segelintir guru turut menyatakan bahawa mereka belum pernah mengambil inisiatif untuk menjalankan kerjasama dengan pihak luar dalam pelaksanaan ALPdP.

Setakat yang dilaporkan dalam kajian ini hanya sebuah sekolah yang menjalankan ALPdP bersama pihak luar dan berjaya mendapatkan perkhidmatan ceramah secara percuma daripada pihak luar. Dapatan kajian ini membuktikan bahawa sokongan daripada pihak luar iaitu penceramah diperoleh guru dalam pelaksanaan ALPdP. Aktiviti jaringan dan jalinan antara pihak luar dan pihak sekolah perlu ditingkatkan agar pelaksanaan ALPdP lebih bermakna. Aktiviti pengajaran dan

pembelajaran di luar bilik darjah membolehkan murid untuk mempelajari khazanah tempatan dan meningkatkan pelibatan dalam komuniti (Thompson, 2010).

Segelintir ibu bapa pula tidak menunjukkan sebarang inisiatif untuk memastikan anak mereka melibatkan diri dalam ALPdP. Rata-rata memaklumkan bahawa mereka tidak dapat menguruskan pengangkutan anak untuk menyertai ALPdP. Pada masa yang sama, sepanjang proses pengumpulan data suatu insiden turut dilaporkan oleh guru. Terdapat ibu bapa yang berang apabila anak mereka yang mengikuti ALPdP sedang bermain permainan sukan. Guru menjalankan aktiviti permainan sebagai salah satu ALPdP namun aktiviti tersebut telah mencetuskan ketidakpuasan hati ibu bapa kerana beranggapan aktiviti permainan tidak mendatangkan sebarang faedah kepada anak mereka. Perkara tersebut telah dirujuk kepada pihak pentadbir. Oleh itu, pihak pentadbir, kaunselor dan guru mata pelajaran Pendidikan Moral telah menjelaskan mengenai ALPdP kepada ibu bapa berkenaan.

Para pentadbir boleh bertindak proaktif bagi memastikan penjelasan mengenai ALPdP disampaikan kepada ibu bapa. Pihak sekolah boleh mengadakan slot khas semasa Mesyuarat Agung Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) untuk memaklumkan pelaksanaan ALPdP Pendidikan Moral kepada ibu bapa. Bukan itu sahaja, malah inisiatif seperti penyebaran maklumat melalui laman sesawang rasmi sekolah atau media sosial turut boleh dilaksanakan agar ibu bapa jelas dengan pelaksanaan ALPdP ini.

Oleh itu, menjadi tanggungjawab KPM dan sekolah untuk memastikan ibu bapa diberi penjelasan mengenai pelaksanaan ALPdP agar ibu bapa mengetahui kepentingan pelaksanaan ALPdP ini. Torkos (2019) menyatakan bahawa pendidikan luar kelas diminta oleh ibu bapa untuk dijalankan sepanjang tahun meskipun mendapat tantangan pada peringkat awal pengenalan. Oleh itu, tidak mustahil sekiranya usaha

yang bakal diambil oleh KPM dan pihak sekolah boleh membawa perubahan yang sama dalam pelaksanaan ALPdP di Malaysia. Kerjasama kesemua pihak diperlukan bagi memastikan matlamat pelaksanaan ALPdP dapat dicapai oleh KPM.

Sokongan moral dan perhatian daripada pihak berkepentingan diperlukan bagi memastikan guru tidak berasa beban dan ter dorong untuk melaksanakan ALPdP ini. Budaya sekolah yang menyokong penting dalam kelangsungan pendidikan nilai (Terence & Kerry, 2018). Tujuan ALPdP diperkenalkan adalah sebagai persediaan untuk murid menghadapi cabaran pada masa hadapan. Perkara tersebut dapat dicapai dengan memupuk etika dan kerohanian dalam kalangan murid melalui aktiviti seperti pembelajaran berdasarkan projek, khidmat masyarakat dan aktiviti-aktiviti lain yang dianggap bersesuaian dengan KSSM (KPM, 2016a).

5.4 Cabaran dalam Pelaksanaan Kajian

Cabaran utama dalam menjalankan kajian ini adalah sebelum temu bual (*one-to-one*) dilaksanakan oleh penyelidik. Kesibukan peserta kajian menyukarkan penyelidik untuk mendapatkan tarikh dan masa yang sesuai untuk menjalankan temu bual. Penjelasan mengenai etika penyelidikan memudahkan tugas penyelidik kerana peserta kajian memberikan kerjasama sepenuhnya dalam kajian ini dengan menyatakan hasrat dan harapan agar ALPdP ini dapat diperhalusi dan dimurnikan pada masa akan datang.

Bagi sesi pemerhatian ALPdP pula, kadang-kadang guru terlupa untuk memaklumkan penyelidik semasa ALPdP dijalankan di sekolah meskipun penyelidik telah menghubungi guru setiap minggu untuk bertanyakan mengenai kesediaan guru untuk tujuan pemerhatian ALPdP. Proses penelitian dokumen pula memakan masa yang lama kerana peserta kajian memerlukan masa untuk mendapatkan dokumen berkaitan ALPdP daripada ketua panitia untuk semakan penyelidik.

5.5 Implikasi Kajian

Kajian ini dijalankan dalam bentuk kajian kes untuk mengkaji konteks sebenar yang sedang berlaku dalam pelaksanaan ALPdP. Bukti dapatan kajian ini mampu meningkatkan pemahaman mengenai persepsi, cabaran dan peluang serta sistem sokongan yang diperoleh guru dalam pelaksanaan ALPdP. Dapatan kajian ini juga mengetengahkan beberapa implikasi yang dibincangkan dalam penulisan seterusnya.

5.5.1 Implikasi terhadap Matlamat Pendidikan Moral

Kajian kes yang dijalankan untuk mengetahui pelaksanaan ALPdP Pendidikan Moral menengah rendah membuktikan bahawa ALPdP dapat mewujudkan peluang kepada guru untuk menerapkan nilai, meningkatkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) serta inkiri dalam diri murid. Guru menyatakan bahawa ALPdP dijadikan sebagai jambatan untuk memupuk dan menerapkan amalan nilai dalam kalangan murid. Guru turut menyatakan bahawa pelaksanaan ALPdP ini menampakkan perubahan positif dalam kalangan murid.

Proses pengajaran dan pembelajaran berasaskan aktiviti yang berkaitan dengan nilai dapat dilihat dan dapat dinilai terus sebelum, semasa dan selepas ALPdP dilaksanakan oleh guru Pendidikan Moral menengah rendah. Implikasinya, ALPdP ini mampu merealisasikan matlamat Pendidikan Moral yang menekankan pemikiran aras tinggi dan kemahiran sampingan yang harus dikuasai oleh murid untuk menghadapi cabaran dalam abad ke-21 (KPM, 2017). Di samping itu, pelaksanaan ALPdP ini sejajar dengan fokus KSSM Pendidikan Moral dalam pembentukan insan yang berakhhlak mulia dengan menerapkan ketiga-tiga domain moral iaitu penaakulan moral, emosi moral dan perlakuan moral dalam kalangan murid (KPM, 2017).

5.5.2 Implikasi terhadap Murid

Pelibatan murid secara langsung dalam ALPdP menonjolkan pengamalan nilai yang dipelajari dalam mata pelajaran Pendidikan Moral. Melalui ALPdP murid mempamerkan nilai yang dipelajari semasa pelaksanaan ALPdP. Segelintir murid turut menunjukkan ciri kepimpinan dengan membantu guru mengawal pergerakan dan suara murid. Kerjasama daripada murid membolehkan ALPdP berjalan dengan lancar dalam lingkungan masa yang diperuntukan mengikut jadual waktu. Implikasi ALPdP ini juga turut dilihat apabila murid sanggup mengeluarkan duit sendiri untuk menghias kelas dengan jalur gemilang sempena sambutan bulan kemerdekaan di peringkat sekolah. Tujuannya bukanlah semata-mata untuk menghias kelas tetapi ALPdP ini mampu menerapkan nilai dan memupuk semangat patriotisme dalam kalangan murid. Hal ini dapat dilihat apabila murid bekerjasama antara satu sama lain untuk mengibarkan jalur gemilang di dalam kelas.

ALPdP ini juga menerapkan sikap bertanggungjawab dan amalan kebersihan dalam diri murid. Hal ini dikatakan demikian kerana murid mencadangkan aktiviti membersihkan bilik moral sebagai salah satu ALPdP. Secara tidak langsung aktiviti ini mampu memupuk semangat kekitaan dalam kalangan murid dan murid mampu melaksanakan aktiviti pembersihan tanpa menerima sebarang arahan daripada guru. Di samping itu, murid mampu bertindak mengikut kesesuaian tempat dan masa.

Pada masa yang sama, hasil pemerhatian turut mendapati bahawa selepas tamat ALPdP salah seorang murid secara sukarela ingin membantu rakan lain untuk membelikan air mineral sekiranya memerlukan bantuannya. Perkara ini membuktikan bahawa amalan nilai dalam kehidupan seharian mampu dipupuk melalui ALPdP dalam kalangan murid. Murid dapat menghubungkan pengalaman, pengetahuan dan ilmu (Morris & Donnell, 2005).

5.5.3 Implikasi terhadap Guru

ALPdP telah membuka perspektif guru bahawa peranan guru dalam ALPdP ini hanya sebagai fasilitator atau pemudah cara. Pelaksanaan ALPdP perlu dirancang oleh guru dengan berpusatkan murid. Guru Pendidikan Moral menengah rendah juga perlu mempelbagaikan ALPdP yang ingin dilaksanakan untuk murid dengan mengambil kira minat murid selari dengan DSKP dan pemilihan nilai bagi sesuatu topik.

Guru juga perlu melengkapkan diri dengan kebolehan untuk merangsang penaakulan moral, emosi moral dan perlakuan moral murid dengan menyediakan situasi atau aktiviti yang mencabar dan menekankan ketiga-tiga domain moral tersebut. Oleh itu, peluang ini harus digunakan oleh guru Pendidikan Moral menengah rendah untuk meningkatkan minat murid dalam mata pelajaran Pendidikan Moral melalui ALPdP. Dorongan dan motivasi berterusan diperlukan oleh murid daripada guru agar murid dapat menguasai penaakulan moral, emosi moral dan perlakuan moral supaya objektif Pendidikan Moral untuk melahirkan insan yang holistik tercapai.

5.5.4 Implikasi terhadap Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)

Kajian semula terhadap ALPdP perlu dilakukan oleh KPM memandangkan terdapat pelbagai situasi pelaksanaan ALPdP yang dilaporkan melalui kajian ini. Empat situasi berbeza telah dilaporkan hasil daripada dapatan kajian ini yang perlu diberi perhatian oleh pihak KPM. Situasi A melaporkan bahawa dua buah sekolah menjalankan ALPdP semasa sesi persekolahan. Situasi B pula melaporkan bahawa dua buah sekolah lagi menjalankan ALPdP di luar waktu pengajaran dan pembelajaran sama ada sebelum atau selepas waktu persekolahan dan diambil kira sebagai waktu mengajar guru. Situasi C melaporkan bahawa waktu pelaksanaan ALPdP ditentukan oleh pihak pentadbir dengan mengambil kira kelapangan guru tetapi tidak diambil kira sebagai waktu mengajar guru. Akhir sekali, situasi D pula melaporkan bahawa guru

perlu mencari masa yang bersesuaian untuk pelaksanaan ALPdP dan ALPdP ini tidak diambil kira sebagai waktu mengajar guru.

